

Jilid III  
Bil. 2



Hari Rabu  
27hb Mac, 1985

MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL KETIGA**  
*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**PENGUMUMAN TIMBALAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

Cuti Y.B. Tuan Yew Foo Weng  
Y.B. Dato' Haji Ngah bin Haji Abdul Rahman  
Y.B. Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf—Kebenaran  
[Ruangan 193]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 194]

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**  
[Ruangan 261]

**USUL:**

Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan  
Agong [Ruangan 261]

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT YANG KEENAM**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KETIGA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TUAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.S., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.**

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).**

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, **DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).**

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).**

.. Menteri Kerja Raya, **DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).**

.. Menteri Luar Negeri, **Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).**

.. Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).**

.. Menteri Pengangkutan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**

.. Menteri Perusahaan Utama, **DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).**

.. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).**

.. Menteri Perusahaan Awam, **DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).**

.. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).**

.. Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).**

.. Menteri Pelajaran, **DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).**

.. Menteri Penerangan, **DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).**

- Yang Berhormat Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- .. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- .. Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- .. Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- .. Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- .. Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- .. Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- .. Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAFSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- .. Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- .. Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- .. Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- .. Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).

- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- .. Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri. TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- .. TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- .. TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- .. DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- .. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- .. TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- .. TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- .. DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- .. DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- .. TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- .. TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- .. TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- .. TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- .. TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).
- .. TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).

Yang Berhormat DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).

- .. TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- .. TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- .. DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- .. DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- .. DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- .. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- .. TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- .. TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- .. TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- .. DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- .. TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- .. TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- .. DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- .. TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- .. TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- .. TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- .. DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- .. DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- .. TUAN KAN YAU FA (Tawau).
- .. TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- .. TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- .. TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- .. DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- .. DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- .. DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- .. DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).

- Yang Berhormat DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- .. TUAN LING SIE MING (Sibu).
- .. TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- .. DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- .. TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- .. DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- .. DATO MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- .. TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- .. TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- .. DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- .. TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- .. DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- .. TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- .. TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- .. DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- .. TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).

Yang Berhormat TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).

.. TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).

.. DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,  
P.J.K., (Padang Rengas).

.. TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).

.. TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.  
(Baling).

.. TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P.  
(Balik Pulau).

.. TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

.. TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).

.. TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).

.. DR TAN SENG GIAW (Kepong).

.. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

.. TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

.. WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).

.. WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).

.. WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).

.. WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).

.. TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).

.. TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).

.. DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S.,  
K.M.N. (Tanjong Karang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Tertinggi: Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

### *Pemberita-pemberita:*

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

Rabu, 27hb Mac, 1985

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**DOA**

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**PENGUMUMAN  
TIMBALAN YANG  
DI-PERTUA**

**CUTI Y.B. TUAN YEW FOO WENG,  
Y.B. DATO' HAJI NGAH BIN HAJI  
ABDUL RAHMAN DAN Y.B.  
DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN  
HAJI PENGIRAN RAUF—  
KEBENARAN**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak memberitahu Dewan ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada Yang di-Pertua mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, Yang di-Pertua telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52 Perlembagaan Persekutuan kepada:

- (1) Yang Berhormat Tuan Yew Foo Weng, Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Menglembu dari 25-3-1985—5-4-1985;
- (2) Yang Berhormat Dato' Haji Nгах bin Haji Abdul Rahman, Ahli Dewan Rakyat bagi kawasan Ledang dari 26-3-1985—12-4-1985; dan
- (3) Yang Berhormat Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf, Ahli Dewan Rakyat bagi kawasan Kimanis dari 25-3-1985—12-4-1985.

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**PENCEROBOHAN NELAYAN  
ASING DI PERAIRAN MALAYSIA**

1. Tuan Ismail bin Said minta Menteri Pertanian menyatakan oleh kerana masalah pencerobohan nelayan asing terutama sekali nelayan-nelayan Thai adalah satu masalah yang serius dan berlanjutan dan memandangkan wujudnya Jawatankuasa Bersama Sempadan mengenai nelayan, apakah perundingan yang dibuat dengan pihak berkuasa Thai mengenai masalah ini, dan apakah langkah-langkah kawalan yang diambil bagi mengatasi masalah kemasukan hasil tangkapan ikan dari Thailand ke pasaran tempatan negara kita.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhah Wan):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedang berusaha untuk mengatasi masalah pencerobohan nelayan asing terutama nelayan-nelayan Thai di perairan negara ini. Di antara langkah-langkah yang diambil adalah dengan penubuhan Pusat Penyelarasan Penguatkuasaan Maritim Lumut yang melibatkan penyertaan anggota-anggota Jabatan Perikanan Malaysia, Tentera Laut Di Raja Malaysia dan Polis Merin. Di samping itu usaha-usaha memperketatkan pengawalan melalui undang-undang juga sedang diambil dengan pengubalan Rang Undang-undang Perikanan 1984 yang akan

dibaca untuk kali kedua dan ketiga di sidang Parlimen ini. Di samping itu juga melalui kerjasama dua hala, Malaysia telah membangkitkan perkara ini dengan pihak Thailand.

Berhubung dengan kemasukan ikan dari negara Thailand pula, Kerajaan tidak mengenakan apa-apa kawalan atau sekatan kerana negara masih memerlukan pengimportan ikan untuk keperluan tempatan. Walau bagaimanapun, bagi ikan kering yang diimport dikenakan duti import iaitu 15% daripada nilai import. Duti ini dikenakan untuk melindungi pengusaha ikan kering tempatan.

**Tuan Ismail bin Said:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian, mengapakah nelayan-nelayan dari Thai ini suka masuk menceroboh ke perairan negara kita? Yang kedua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah ini. Saya ingin tahu setakat ini berapakah tangkapan yang dibuat terhadap nelayan-nelayan Thai yang menceroboh di perairan kita dan ketiga setakat ini sebanyak manakah kerugian yang dialami oleh nelayan-nelayan kita akibat daripada pencerobohan yang dilakukan oleh nelayan-nelayan daripada negara Thai?

**Tuan Luhut Wan:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberi jawapan yang begitu tepat mengapakah nelayan-nelayan Thai suka masuk ke perairan Malaysia, tetapi saya suka memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat itu, kes tangkapan sepanjang tahun 1983 ialah sebanyak 26 kes dan bagi tahun 1984—13 kes. Angka di atas ialah berkenaan dengan bot dari pihak Thai dan tidak termasuk bot yang dipunyai oleh nelayan Indonesia. Saya juga tidak dapat memberi angka kerugian

dengan tepat kepada Yang Berhormat oleh kerana kemasukan para nelayan-nelayan Thai ke perairan Malaysia.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan aduan pencerobohan nelayan-nelayan daripada negara Thailand adalah di perairan Laut China Selatan. Jadi, oleh hal yang demikian, mengapakah Kerajaan tidak mahu membuat satu perancangan agar dijadikan beberapa buah pulau yang terdapat di perairan laut China Selatan itu sebagai pengkalan Bahagian Penguatkuasa Jabatan Perikanan dan Polis Laut bagi membenteras pencerobohan nelayan-nelayan daripada Thailand ini.

Kedua, apakah langkah-langkah wajar yang perlu dijalankan oleh Kementerian ini bagi mengurangkan kemasukan hasil tangkapan ikan daripada negara Thailand ke negara kita di mana pada masa ini oleh kerana banyaknya masuk bahan-bahan ikan di pasaran tempatan menyebabkan harga ikan yang ditangkap oleh nelayan-nelayan tempatan jatuh.

**Tuan Luhut Wan:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sekarang memandang berat terhadap masalah yang dialami oleh pihak para nelayan oleh kerana pencerobohan nelayan-nelayan asing ke perairan Malaysia. Akan tetapi bagaimana yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum perairan Malaysia ini begitu luas dan dilingkungi oleh negara-negara jiran. Jadi, tentu sekali kita menghadapi kesukaran untuk mengawal kemasukan penceroboh-penceroboh ini.

Walaupun bagaimanapun, pihak Kerajaan sentiasa memerhati serta meneliti keadaan ini dan juga mengenai kawalan ikan yang masuk daripada negeri Thailand khasnya ketika itu bagaimana yang telah pun dijelaskan oleh Ahli Yang Berhormat itu ada juga baik dan buruknya oleh

kerana jikalau kita kekurangan ikan tentu sekali orang-orang yang tidak begitu mampu, orang-orang yang mendapat pendapatan rendah sukar mendapat protin. Oleh kerana hal yang demikian, Kerajaan sekarang belum membuat keputusan untuk membuat sekatan daripada membawa ikan masuk daripada negara Thailand ke negara kita.

## AGENSI LUAR BELANJAWAN

2. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah bilangan Agensi Luar Belanjawan di negara ini pada 28-2-85 dan namakan sepuluh Agensi yang terbesar menurut susunannya;
- (b) berapa banyak yang telah dibelanjakan setakat ini oleh semua Agensi Luar Belanjawan ini; dan
- (c) apakah langkah yang telah diambil untuk mengawasi perbelanjaan Agensi Luar Belanjawan selaras dengan janji Kerajaan untuk mengawal perbelanjaan mereka menurut kewangan negara.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, bilangan Agensi Luar Belanjawan (OBA) yang diawasi oleh Kerajaan setakat ini adalah sebanyak 40 kesemuanya. Sepuluh daripada agensi-agensi yang terbesar seperti yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat adalah seperti berikut:

- (1) Petroleum Nasional Berhad;
- (2) Lembaga Letrik Negara;
- (3) Perbadanan Nasional Berhad;
- (4) Jabatan Telekom;
- (5) Sistem Penerbangan Malaysia;
- (6) Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia;

- (7) Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan;
- (8) Pihakberkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah;
- (9) Perbadanan Pembangunan Bandar; dan
- (10) Lembaga Lebuhraya Malaysia.

Semenjak tahun 1980 hingga tahun 1984 jumlah yang telah dibelanjakan oleh semua Agensi Luar Belanjawan ini adalah sebanyak \$62,245 juta.

Dari segi pecahannya seperti yang dikehendaki ialah:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah Perbelanjaan</i>
1980 .. ..	\$7,013 juta
1981 .. ..	\$10,134 juta
1982 .. ..	\$12,994 juta
1983 .. ..	\$14,489 juta
1984 .. ..	\$17,615 juta

Tuan Yang di-Pertua, satu Jawatankuasa telah ditubuhkan di Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dengan tujuan mewujudkan satu jentera pentadbiran bagi meluluskan perbelanjaan pembangunan agensi-agensi ataupun OBA ini serta mengawal jumlah perbelanjaan mereka supaya selaras dengan kedudukan kewangan negara. Kerajaan akan memberi perhatian yang lebih teliti lagi terhadap agensi-agensi ini dan mengawasi perbelanjaan mereka sama seperti agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri yang lain.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa banyak wang digunakan oleh Agensi-agensi Luar Belanjawan tiap-tiap tahun, adakah Kerajaan bercadang untuk menjadikan semua OBA ini menjadi accountable, dengan izin, kepada Parlimen dengan membentangkan penyata-penyata kira-kira tiap-tiap agensi ini untuk makluman Ahli-ahli Parlimen.

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau sekira perbelanjaan agensi-agensi ini dimasukkan ke dalam belanjawan biasa maka sudah tentu dia bukan OBA lagi, dia sudah menjadi agensi biasa. Selagi agensi-agensi ini di luar seperti sekarang inilah maka mereka dipanggil OBA. Itu adalah satu hakikat yang kita mesti faham. Tetapi dari segi accountability, ertinya dari segi perbelanjaan ini supaya tidak disalahgunakan oleh mana-mana pihak, sudah tentu Kerajaan akan memastikan perbelanjaan-perbelanjaan yang dibuat di bawah agensi-agensi ini tidak akan disalahgunakan. Maka itulah bukan sahaja Jawatankuasa yang diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri ini mengawasi perbelanjaannya dari segi banyak yang dibelanjakan tetapi juga cara ia membelanjakan wang itu juga akan dipastikan supaya tidak disalahgunakan ataupun membazir dan sebagainya.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri Keuangan tadi menjelaskan bahawa sejumlah peruntukan sebanyak \$62 billion telah diperuntukkan kepada agensi-agensi berkenaan sehingga ini.

Pertanyaan saya, adakah Jawatankuasa yang dibentuk oleh Kerajaan untuk mengawasi perbelanjaan agensi-agensi ini puas hati dengan performance, dengan izin, agensi-agensi yang berkenaan dan adakah kes-kes yang boleh menyebabkan Kerajaan merasa perlu untuk mengubah sistem yang ada sekarang ini oleh kerana terdapat perbelanjaan yang tidak wajar atau penyalahgunaan peruntukan yang diberikan.

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa ini baru sahaja ditubuhkan, jadi laporan-laporan tertentu belum lagi diperolehi

dari Jawatankuasa ini. Namun, saya percaya dengan tertubuhnya Jawatankuasa ini sudah tentulah menunjukkan bahawa ada sedikit yang kurang menyenangkan hati, kalau tidak, tidak perlu ditubuhkan langsung. Walau bagaimanapun, apabila terdapat laporan-laporan yang kita fikir patut diberitahu kepada pihak-pihak berkenaan kita akan berikan laporan ini. Dalam lain-lain perkataan bukanlah tujuan Kerajaan mengadakan OBA ini dengan tujuan hendak menggunakan wang Kerajaan dengan sewenang-wenang tetapi sebenarnya dengan tujuan untuk mempercepatkan pembangunan melalui agensi-agensi yang tidak diletakkan di bawah belanjawan biasa ini.

### KERETA NASIONAL "PROTON SAGA"

**3. Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah kereta nasional Proton Saga yang pertama akan dipamerkan kepada umum dan bilakah pula kereta itu boleh dipandu oleh rakyat jelata. Adakah benar kereta Proton Saga ini akan diedarkan oleh Edaran Otomobil Nasional seratus peratus, yang mana syarikat ini dikuasai oleh sebahagian besar bukan Bumiputera dan taukeh-taukeh yang telah kaya. Jika benar, apakah perancangan atau cadangan untuk melantik pengedar atau wakil penjual dari syarikat Bumiputera.

**Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad):** Tuan Yang di-Pertua, dalam jadual perancangan Edaran Otomobil Nasional Sdn. Bhd iaitu EON, kereta nasional akan dipamerkan dengan rasmi di bilik pameran EON di seluruh negara pada 1hb September, 1985 iaitu hari pelancaran kereta nasional di pasaran tempatan. Sesiapa yang telah membuat tempahan awal dijangka dapat memandunya pada hari tersebut.

HICOM telah mempelawa beberapa syarikat tempatan yang mempunyai kepakaran dalam pemasaran kereta untuk bersama-sama menjayakan projek kereta nasional. Pada peringkat ini HICOM menguasai saham EON yang terbesar sebanyak 45%. Perusahaan Shapadu Sdn Bhd iaitu anak syarikat United Motor Works memegang 35% daripada EON dan 20% lagi dipegang oleh dua syarikat hak milik penuh Bumiputera iaitu United Assembly Services yang memegang saham sebanyak 15% dan Edaran Pekemas Bhd. 5%.

HICOM seperti juga beberapa agensi Kerajaan memegang saham di waktu risiko tinggi. Apabila sahaja keuntungan didapati biasanya saham dalam agensi seperti ini dipindahkan kepada Amanah Saham Nasional untuk bumiputera. Oleh yang demikian, tidak benar bahawa EON sebahagian besarnya dikuasai oleh bukan bumiputera dan taukeh-taukeh yang kaya. Sebagai pengedar tunggal kereta nasional, EON akan mengedar 100% kereta nasional di dalam Malaysia. Tetapi ini tidak bermakna bahawa semua penjualan kereta nasional akan dibuat oleh EON.

Selain daripada cawangan-cawangannya (branches) EON juga akan melantik syarikat-syarikat lain sebagai wakil penjualnya di seluruh negara. Dalam perlantikan wakil-wakil penjual, EON akan memberi keutamaan kepada syarikat-syarikat bumiputera sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru dan akan mengikut panduan daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Yang harus diingat ialah bilangan pengedar bumiputera yang berminat adalah banyak dan tidak mungkin semua mereka menjadi pengedar. Walaupun kita mengamalkan lebih daripada Dasar Ekonomi Baru janganlah kerana ada bumiputera yang tidak dapat menjadi pengedar maka

tuduhan dibuat bahawa Dasar Ekonomi Baru telah tidak dipatuhi. EON akan amalkan kehendak Dasar Ekonomi Baru tidak dapat mengamalkan kehendak semua bumiputera yang ingin mendapat peluang dari industri kereta nasional.

**Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri oleh kerana kereta Proton Saga ini ialah kereta nasional dan merupakan projek pertama kereta Kerajaan sudah tentulah akan mendapat banyak pertolongan ataupun kemudahan-kemudahan daripada Kerajaan dalam segi pemasarannya. Jadi, apakah pertolongan dan kemudahan yang akan diberikan oleh Kerajaan kita bagi menjamin pemasaran Proton Saga ini berjalan dengan lancar.

Yang kedua, apakah Kerajaan bercadang untuk menyekat atau mengurangkan kemasukan import atau pemasangan kereta jenis 1300 c.c. dan juga 1500 c.c. yang telah dikeluarkan oleh Proton Saga. Dan sebaliknya tidak akan menyekat kemasukan kereta yang 2000 c.c. ke atas dengan mengenakan beban cukai yang tinggi sebagaimana yang ada sekarang.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang ingin menentukan supaya projek Proton Saga ataupun kereta nasional ini akan berjaya dan oleh itu pertolongan akan diberi oleh Kerajaan. Satu daripada caranya ialah dengan menaikkan cukai yang mana ini telah pun dilakukan. Walau bagaimanapun, kenaikan cukai ini tidak membezakan sangat harga antara kereta nasional dan harga kereta yang diimport.

Ada kemungkinan kereta yang diimport sengajanya akan diturunkan harganya oleh pembekal supaya ianya dapat mengatasi masalah perbezaan harga. Oleh itu Kerajaan perlu

memikir tentang apakah tindakan yang perlu dibuat apabila sampai pada masanya.

Berkenaan dengan sekatan kepada kereta yang lain seboleh-bolehnya Kerajaan tidak ingin mengadakan sekatan secara langsung tetapi Kerajaan berharap dengan penentuan harga yang menarik dan penerimaan kereta nasional ini kerana baik mutunya dan lain-lain lagi maka dengan sendirinya kereta-kereta yang mempunyai enjin yang sama besar dengan Proton Saga tidak dapat bersaing dengan Proton Saga dan mereka terpaksa mengurangkan pengimportan kereta-kereta yang sama kuatnya.

**Tuan Othman bin Abdul:** Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjelaskan sama ada HICOM bercadang untuk mengeluarkan kenderaan-kenderaan jenis lain termasuklah kenderaan-kenderaan perdagangan dan jeep yang dapat perhatian ramai masyarakat sekarang ini. Jika sekiranya HICOM ada mempunyai cadangan, bilakah agaknya pengeluaran akan dijalankan.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, di waktu ini HICOM belum ada cadangan untuk mengeluarkan kenderaan jenis lain kerana yang penting ialah bilangan kereta yang akan dikeluarkan dan dijual di dalam negara kita yang mana kita dapati bahawa negara kita ini pasarannya adalah terhad bagi bermacam-macam jenis kereta dan kita telah memilih jenis kereta yang mempunyai pasaran yang terbesar sekali iaitu jenis yang menggunakan enjin 1300 c.c. dan 1500 c.c., mungkin juga 1600 c.c.

Di samping itu, sepertimana yang telah diumumkan oleh HICOM, HICOM telah bercadang untuk mengeluarkan satu jenis kereta sports yang mana kereta sports ini akan

menggunakan enjin dan juga rangka kereta nasional tetapi bentuk badannya akan diubah dan enjinnya akan dikuatkan sedikit mungkin dengan penggunaan alat turbo.

## PENCEROBOHAN VIETNAM DI WILAYAH THAILAND

**5. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri** minta Menteri Luar Negeri menyatakan memandangkan Vietnam dengan mudah mencero bohi Wilayah Thailand baru-baru ini, apakah tindakan yang diambil oleh negara-negara ASEAN bagi memujuk Vietnam supaya menghentikan pencerobohan ini, bagi mengelak negara-negara ASEAN menubuhkan suatu pakatan pertahanan tentera.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin memaklumkan bahawa jawapan kepada soalan ini telah pun dijawab di Dewan ini pada 26hb Mac, 1985 ketika Menteri Luar Negeri menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Kemaman. Saya tidak ada sebarang tambahan kepada jawapan tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Fung Ket Wing.

**Dr Tan Seng Giaw:** Dengan izin, soalan No. 5.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili):** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat ianya tidak boleh dijawab kecuali semua soalan telah dijawab.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat.

*[Soalan No. 5 Y.B. Tuan Fung Ket Wing tidak hadir]*

**KUMPULAN PROFESSIONAL—  
DASAR KERAJAAN**

**6. Tuan Haji Mohamed Amin bin Haji Daud** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) dasar Kerajaan terhadap kumpulan pekerja professional di dalam perkhidmatan Kerajaan seperti para Saintis yang membuat penyelidikan, Doktor, Jurutera, Jurukur dan Peguam. Oleh kerana banyak benar rasa tidak puas hati telah disuarakan oleh mereka dari segi gaji, kenaikan pangkat dan syarat-syarat perkhidmatan; dan
- (b) sama ada mereka ini akan digolongkan supaya setaraf dengan pegawai-pegawai tadbir negara ini dari semua aspek.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak mempunyai dasar yang berbeza antara para professional atau bukan professional dalam perkhidmatan awam. Tetapi dari segi gaji dan syarat-syarat perkhidmatan ada perbezaan sedikit. Tangga gaji pegawai-pegawai professional pada tingkatan biasa adalah lebih tinggi dari tangga gaji pegawai-pegawai pentadbir manakala jawatan-jawatan pada tingkatan tinggi didapati lebih banyak di kalangan Perkhidmatan Tadbir oleh kerana Perkhidmatan Tadbir lebih luas. Kerajaan telah memperbaiki keadaan ini sekarang dan telah mengadakan peluang-peluang kerjaya yang lebih baik bagi pegawai-pegawai professional. Memang selama ini taraf pegawai-pegawai professional sama dengan pegawai-pegawai tadbir. Gred jawatan, hak keistimewaan, kemudahan-kemudahan dan faedah-faedah persaraan adalah sama.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa pihak

para professional di dalam perkhidmatan Kerajaan rasa dianak tirikan. Dan jikalau sedar adakah langkah-langkah yang lebih positif lagi untuk mengubah keadaan.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya tadi telah saya menyebut bahawa umpamanya di peringkat awal kita telah membuat perubahan dari segi permulaan tanggagaji, begitu juga dari segi kenaikan pangkat, syarat-syarat dan tempoh perkhidmatan adalah berbeza. Saya beri contoh pegawai perubatan; kenaikan pangkat dari tingkatan biasa ke tingkatan kanan umpamanya hanya menunggu masa 3 tahun yang membolehkan dia dinaikkan pangkat. Dan sekiranya tidak ada kenaikan pangkat dari tingkatan biasa ke tingkatan kanan boleh dilakukan secara automatik dalam masa 5 tahun perkhidmatan. Jadi perubahan-perubahan seperti ini saya rasa mengurangkan sekiranya berlaku rasa tidak puas hati seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat.

**LIMAU MANDARIN—  
MENGIMPORT**

**7. Tuan Mamat Ghazalee bin Abd. Rahman** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan tentang langkah negara ini mengimport limau mandarin daripada Negeri China baru-baru ini. Siapa yang mendapat permit import. Betulkah berlaku "boikot" terhadap limau mandarin yang diimport langsung oleh pihak-pihak tersebut. Adakah tidak limau-limau mandarin diimport secara tidak langsung.

28-3-85

**32. Tuan Chan Kok Kit** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sebab-sebab mengapa

Kementeriannya mengeluarkan permit import (AP) kepada syarikat SATRIA UTARA dan PERNAS untuk mengimport sejumlah empat ratus lima puluh ribu (450,000) peti buah limau mandarin dari Republik Rakyat China. Padahal terdapat 33 pengimport tradisional yang sekian lama ini telah mengimport limau mandarin dari Republik Rakyat China; dan apakah tindakan yang akan diambil untuk menentukan peristiwa seumpama ini tidak akan berlaku di masa akan datang dan bahawa pengimport-pengimport tradisional akan terus diberi peluang untuk mengimport limau-limau mandarin dari Republik Rakyat China.

29-3-85

**21. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian nyatakan:

- (a) berapa banyak pengimport Malaysia yang telah memohon Permit Import bagi mengimport buah limau mandarin ke Malaysia baru-baru ini untuk Tahun Baru China dan berapa banyak permit yang dikeluarkan dan kepada siapa;
- (b) kenapa ramai pengimport tradisional limau mandarin tidak diberitahu lebih awal mengenai dasar perdagangan terus dengan Negeri China, menyebabkan berlakunya suatu keadaan kelam kabut, apabila Kerajaan mengumumkan yang ia tidak akan menimbang permohonan-permohonan dari pengimport-pengimport yang mengimport melalui negara ketiga seperti Singapura; dan
- (c) adakah Kerajaan sedar bahawa tindakannya telah menyebabkan kebimbangan kepada orang ramai, jika ya, bolehkah beliau menjelaskannya.

1-4-85

**20. Tuan Chan Kok Kit** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian mengatakan sebab-sebab Kementeriannya mengeluarkan Permit Import kepada Syarikat Satria Utara untuk mengimport limau mandarin daripada Republik Rakyat China pada hal syarikat tersebut belum lagi diperbadankan dan tidak mempunyai apa-apa pengalaman dalam perdagangan limau mandarin.

**41. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sebab-sebab mengapa sebuah syarikat tunggal yang tidak mempunyai rekod dalam perdagangan dengan negara China diberi 85% daripada kuota untuk mengimport limau-limau mandarin dari China.

4-4-85

**43. Tuan Peter Chin Gan Oon** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) kenapa pada permulaannya hanya dua orang peniaga diberi kelulusan bagi mengimport oren terus daripada China;
- (b) adakah pihak Kerajaan menggalak monopoli perdagangan dengan China dan jika ya, tidakkah pihak pengguna-pengguna mengalami kesusahan kerana pihak pengimport yang mempunyai monopoli boleh memainkan harga-harga; dan jika tidak kenapa sebuah syarikat yang dinamakan Satria Utara Sdn Bhd diberi kelulusan untuk mengimport 410,000 peti oren daripada penggunaan biasa kira-kira 500,000 peti semasa tempoh Tahun Baru China; dan

- (c) mengapakah pengimport tradisi yang mempunyai rekod-rekod terbukti import-mengimport barang dagangan terus daripada China, diberi kebenaran mengimport oren-oren hanya setelah timbul suatu kontroversi mengenai perdagangan monopoli yang diberi kepada Satria Utara Sdn. Bhd.

5-4-85

**32. Dato Michael Chen Wing Sum** minta Perdana Menteri untuk menyatakan jumlah komisyen yang dipungut tahunan oleh Pernas atas pengimport barang-barang dari China sejak 1980 dan sama ada pungutan begini akan dikenakan selamalamanya atau sampai sesuatu tarikh sahaja.

9-4-85

**36. Dato Michael Chen Wing Sum** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa kejadian mengimport oren-oren mandarin bagi Tahun Baru Cina telah membawa salah faham; jika ya, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menentukan bahawa kejadian itu tidak akan berulang lagi.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi pada 28-3-85 dan 1-4-85, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar pada 29-3-85, Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching pada 1-4-85, Ahli Yang Berhormat dari Ipoh pada 4-4-85 dan Ahli Yang Berhormat dari Beruas pada 5-4-85 dan 9-4-85. Ini ialah kerana soalan-soalan yang

mereka kemukakan adalah mengenai perkara yang sama. Dengan yang demikian, masa Dewan yang mulia ini tidak akan terbuang.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mengamalkan dasar perdagangan yang terbuka. Malaysia bersedia mengadakan dan menjalinkan hubungan perdagangan dengan semua negara, tidak kira negara komunis atau bukan komunis, negara Islam atau bukan Islam, negara barat dan juga negara timur, asalkan perhubungan perdagangan itu tidak menjejaskan kepentingan kita. Dalam hubungan ini seberapa yang boleh Malaysia mahu hubungan perdagangan yang wujud itu diadakan secara terus kerana kita telah pun menyediakan dan membina infrastruktur-infrastruktur perdagangan, seperti pelabuhan-pelabuhan, kemudahan-kemudahan komunikasi, kemudahan-kemudahan bank dan lain-lain lagi untuk membolehkan kita mengendalikan perdagangan luar kita dengan cekap. Kita hendaklah menentukan supaya tiap-tiap kemudahan ini digunakan dengan sepenuhnya.

Mengenai hubungan perdagangan kita dengan Republik Rakyat China perhubungannya adalah unik, kerana bukan sahaja kedua negara inginkan perdagangan secara terus, tetapi hubungan ini adalah hubungan yang bersifat di antara Kerajaan dengan Kerajaan. Untuk maksud ini, PERNAS telah dilantik menjadi agensi Kerajaan Malaysia untuk membuat perhubungan perdagangan dengan agensi-agensi Kerajaan Republik Rakyat China. Peranan PERNAS bermula pada tahun 1971 apabila "Kenyataan Bersama" PERNAS, dengan izin, The China Council for the Promotion of International Trade dibuat di Kuala Lumpur. Sejak dari itu PERNAS telah diberi tanggungjawab untuk menyusun dan mengendalikan rombongan-rombongan perdagangan

ke Republik Rakyat China supaya pedagang-pedagang Malaysia berpeluang mendapatkan kontrak-kontrak bekalan terus dari Perbadanan-perbadanan negara tersebut. Semua pengimportan barang-barang berasal dari Republik Rakyat China dikenakan lesen import. Lesen-lesen import yang diluluskan dikenakan bayaran komisyen  $\frac{1}{2}\%$  dari nilai import. Komisyen yang dipungut ialah bagi membiayai kos pemerosesan lesen-lesen import dan juga digunakan untuk urusan-urusan yang berkaitan dengan peningkatan perdagangan terus di antara Malaysia dengan China seperti mengendalikan rombongan-rombongan perdagangan ke negara tersebut. Semenjak tahun 1980 jumlah komisyen yang telah dipungut oleh PERNAS ialah kira-kira \$15,144,800.

Perlantikan PERNAS sebagai agensi utama dalam perhubungan perdagangan kita dengan Republik Rakyat China ini bukanlah bermaksud untuk mewujudkan satu monopoli. Kita hanya mahukan hubungan perdagangan terus ini terkawal dan meningkat dari masa ke semasa. Sesiapa sahaja yang ingin mengadakan perdagangan terus dengan Republik Rakyat China sentiasa diberi galakan oleh Kerajaan seperti mengikuti apa-apa rombongan perdagangan rasmi ke negara itu. Berapa banyak nilai barangan yang hendak didagangkan tidak diambilkira, malah dibiarkan ditentukan oleh pengusaha-pengusaha itu sendiri. Kalau dilihat dari segi ini, maka peningkatan perdagangan terus antara Malaysia dan Republik Rakyat China akhirnya akan dapat memecah monopoli yang masih wujud, iaitu pertama monopoli yang dipegang oleh pengusaha-pengusaha di negara-negara lain dalam mendapatkan bekalan barang-barang Republik Rakyat China bagi pasaran Malaysia, dan keduanya monopoli perdagangan barang-barang Republik Rakyat China di Malaysia yang dipegang oleh satu golongan pedagang sahaja.

Pemberian lesen import kepada pengusaha-pengusaha yang mengimport limau mandarin dari Republik Rakyat China sebelum Tahun Baru Cina yang lepas dibuat dalam konteks ini dan bukanlah satu tindakan yang baru atau terkeluar dari apa-apa peraturan yang sedia ada. Pengusaha-pengusaha Malaysia memang sudah diberitahu tentang dasar perdagangan kita dengan Republik Rakyat China sejak Kenyataan Bersama di antara PERNAS dan Badan China itu dibuat dalam tahun 1971. Apabila taklimat-taklimat diadakan kepada pengusaha-pengusaha yang hendak menghadiri Pameran Perdagangan Canton, mereka sentiasa diingatkan tentang dasar ini. Malah dalam pemilihan pengusaha-pengusaha yang akan mengikuti Pameran Perdagangan Canton yang lalu, pengusaha-pengusaha yang ingin mendapatkan bekalan barang-barang "perishable" dari China telah diberi keutamaan dan dalam taklimat kepada mereka sebelum mereka bertolak ke Canton mereka telah digesa supaya berusaha mendapatkan kontrak-kontrak dari negara tersebut. Seterusnya, Dewan Perniagaan dan Perdagangan China Malaysia yang menghantar satu perwakilan ke Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk mendapatkan penjelasan tentang dasar-dasar pemilihan pedagang-pedagang yang menyertai rombongan Pameran Perdagangan Canton telah juga dimaklumkan tentang dasar perdagangan terus kita dan betapa pentingnya pedagang-pedagang Malaysia bergerak tanpa bergantung kepada pedagang-pedagang dari negara-negara lain, khasnya dalam mendapatkan bekalan barang-barang "perishable" seperti bawang, cili, kentang dan buah-buahan seperti limau mandarin.

Bagi perayaan Tahun Baru China tahun ini, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah menerima dan

meluluskan 375 permohonan dari 126 buah syarikat untuk mengimport limau mandarin dari Republik Rakyat China. Bilangan ini meliputi permohonan yang diterima dan diproses di Ibu Pejabat dan juga di cawangan-cawangan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di Pulau Pinang, Johor Bahru, Kuching dan Kota Kinabalu, iaitu 200 permohonan di Ibu Pejabat dari 48 buah syarikat, 3 di Pulau Pinang dari 3 buah syarikat, 90 di Johor dari 2 buah syarikat, 10 di Sabah dari 8 buah syarikat dan 72 di Sarawak dari 65 buah syarikat. Kesemuanya adalah untuk mengimport 12,741.14 tan limau mandarin yang bernilai \$19,569.078. Semua permohonan ini seperti dinyatakan telah diluluskan selepas permohonan itu disemak dan kontrak mereka disiasat dalam jangka waktu yang tidak berbeza dari jangka waktu pengeluaran lesen import pada tahun-tahun yang lepas dan dalam jangka masa yang mencukupi untuk mereka mengimport limau mandarin yang mereka perlukan.

Syarikat Satria Utara Enterprise memang benar merupakan antara syarikat-syarikat pertama yang diluluskan lesen import. Ini adalah kerana mereka terbukti mempunyai kontrak mengimport terus dari negeri Republik Rakyat China. Syarikat Satria Utara bukannya sebuah syarikat baru. Ia telah didaftarkan di bawah Ordinan Pendaftaran Perniagaan 1956. Malah firma ini pernah diberi lesen import untuk mengimport limau mandarin melalui Negara Ketiga pada Tahun Baru Cina 1984. Firma ini juga merupakan salah sebuah firma yang giat mengimport barang-barang Republik Rakyat China ke Malaysia. Pada masa ia membuat permohonan untuk mendapatkan lesen import baru-baru ini ia telah diberi kebenaran untuk diperbadankan sebagai sebuah syarikat Sendirian Berhad. Tindakan firma ini memohon lesen import dan pemberian lesen import kepadanya oleh

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian atas nama Satria Utara Enterprise Sendirian Berhad tidak menyalahi mana-mana peraturan. Di pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, siapa sahaja boleh memohon lesen import dan lesen boleh dikeluarkan kepada mereka yang layak, tidak kira sama ada mereka itu orang perseorangan, firma "sole proprietorship", firma perkongsian atau syarikat sendirian berhad.

Jadi, berhubung dengan pengeluaran lesen-lesen import untuk limau mandarin tahun ini, lesen itu dikeluarkan mengikut peraturan yang telah ditetapkan dan tidak sepatutnya menjadi satu isu yang hampir-hampir menjejaskan hubungan baik di antara kaum di negara kita. Adalah didapati bahawa tiada terdapat sebarang penyelewengan berlaku dalam hal ini mengikut siasatan yang telah dijalankan. Namun begitu masih ada pihak-pihak yang ingin mengambil kesempatan untuk menjejaskan hubungan baik antara kaum ini dengan membangkitkan perkara-perkara yang tidak betul, tidak benar dan mengelirukan. Sepatutnya perkara ini tidak dijadikan isu yang berlarutan jika pihak-pihak lain yang tidak terlibat dengan pengimportan tidak campurtangan untuk kepentingan mereka masing-masing.

Seperti yang telah saya jelaskan, hakikat sebenarnya ialah seramai 126 pemohon telah diberi lesen import untuk mengimport limau mandarin dengan jumlah yang lebih dari mencukupi untuk keperluan Tahun Baru Cina yang lepas. Oleh itu, mereka yang berkenaan tidaklah patut campurtangan dan membangkitkan tentang siapa yang mengimport dan dari mana pengimportan dibuat, tetapi mereka telah berbuat demikian dan hasilnya isu ini telah dieksploitasi oleh pihak-pihak yang sengaja hendak mencetuskan salah faham.

Ada berita-berita yang menyatakan bahawa ada pihak-pihak yang telah menjalankan kempen memboikot limau mandarin Republik Rakyat China oleh kerana kononnya pengimportan limau mandarin tersebut telah diambil alih dan dimonopoli oleh satu golongan peniaga sahaja. Bukan sahaja kempen boikot ini telah dijalankan, tetapi ancaman-ancaman telah dibuat terhadap mereka yang tidak mahu menyertai boikot ini. Limau-limau mandarin yang berasal dari lain-lain punca telah tidak dikenakan boikot tersebut.

Saya berharap perkara seperti ini tidak akan timbul lagi di masa-masa yang akan datang dan semua pihak akan bersikap lebih bertanggungjawab dengan tidak menimbulkan isu-isu yang tidak sepatutnya. Dasar mengenai perhubungan perdagangan dengan Republik Rakyat China yang diamalkan sekarang akan terus dikekalkan dan hanya akan dikaji semula pada masa yang difikirkan sesuai kelak.

#### KELENGKAPAN PERTAHANAN

**8. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada kelengkapan pertahanan kita mencukupi untuk menghadapi sebarang kemungkinan serangan dari luar memandangkan alat-alat pertahanan dan peperangan hari ini sudah begitu maju.

4-4-85

**29. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed** minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah persiapan pertahanan Malaysia telah cukup untuk menentang serangan musuh dari luar negeri terutama melihat pencerobohan Vietnam di Kampuchea dan apakah benar Malaysia dan

negara-negara ASEAN yang lain akan mengirim bantuan senjata kepada rakyat Kampuchea untuk menentang tentera pendudukan Vietnam.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang pada 4hb April, 1985 kerana kedua-dua soalan ini mempunyai maksud yang sama.

Sebagai sebuah Kementerian yang bertanggungjawab terhadap keselamatan negara adalah sentiasa mengkaji dan melaksanakan langkah-langkah yang difikirkan boleh dibuat dalam mempertingkatkan keupayaan mempertahankan negara dari sebarang ancaman. Di antara langkah-langkah yang diambil termasuklah membuat pengawasan yang terperinci mengenai pergolakan politik serantau yang boleh dianggap mempunyai potensi dalam mengancam keselamatan dan kedaulatan negara. Juga langkah-langkah mempertingkatkan keupayaan Angkatan Tentera kita melalui berbagai program latihan ketenteraan di dalam dan di luar negeri bagi meningkatkan profesionalisma mereka dari segi fizikal dan mental.

Mengenai isu Kampuchea, Malaysia mengharap agar masalah ini diselesaikan dengan cara aman dan melalui usaha-usaha penyelesaian politik secara menyeluruh. Kerajaan menumpukan segala daya usahanya untuk tujuan ini.

#### PERNAS—BARANG IMPORT DARI NEGERI CHINA

**9. Dr Koh Tsu Koon** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan tujuan mengenakan komisyen yang tertentu yang harus dibayar kepada PERNAS untuk semua

barang-barang yang diimport dari negeri China. Apakah perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi oleh PERNAS bagi komisyen yang dibayar itu. Memandangkan usaha Kerajaan untuk memajukan perdagangan terus (direct trade) dengan semua negara asing termasuk negeri China, adakah Kerajaan akan membatalkan keperluan yang ada sekarang di mana PERNAS berfungsi sebagai "orang tengah" dan membenarkan firma-firma tempatan mengadakan hubungan terus dengan firma-firma di negeri China. Kalau tidak, mengapa tidak. Pada amnya, dalam usaha Kerajaan memajukan perdagangan terus, bagaimanakah akan Kerajaan menjamin bahawa sesuatu bidang perdagangan tidak akan dimonopolikan oleh satu atau dua buah syarikat sahaja.

**Dato Oo Gin Sun:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat perkara ini telah pun saya huraikan pada masa saya menjawab soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong pada 26-3-85 dan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus hari ini. Saya tidak bercadang memberi apa-apa maklumat tambahan kepada jawapan-jawapan yang telah saya berikan.

**Dr Koh Tsu Koon:** Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ada satu soalan tambahan sahaja iaitu . . .

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya belum memanggil Yang Berhormat lagi. Yang Berhormat, saya mohon maaf oleh kerana kita ada 41 soalan yang harus saya kemukakan seberapa banyak soalan yang boleh untuk pengetahuan rakyat dalam masa sejam yang kita ada.

**Dr Koh Tsu Koon:** Baik, terima kasih.

## PERTUBUHAN BELIA— GALAKAN KEPADA MUDA-MUDI

**10. Tuan Omar bin Abdullah** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan apakah insentif-insentif dan langkah-langkah motivasi yang dijalankan oleh Kementerian untuk menggalakkan muda-mudi menyertai pertubuhan Belia. Memandangkan pusat-pusat latihan belia masih belum mencukupi, adakah Kementerian bercadang menambahkan sekolah-sekolah latihan belia di tiap-tiap negeri di Malaysia.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Awang bin Jabar):** Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengambil beberapa langkah untuk menggalakkan muda-mudi menyertai pertubuhan-pertubuhan dan persatuan belia. Antaranya termasuklah lawatan ke luar negeri dan dalam negeri dan latihan kemahiran dan kepimpinan seperti kursus pengurusan persatuan perniagaan, pertanian dan keagamaan. Kementerian juga menyediakan bantuan dan kemudahan pinjaman untuk ahli-ahli persatuan melibatkan diri di dalam bidang perniagaan dan pertanian. Di samping itu, Kementerian ini melalui pejabatnya di peringkat negeri dan daerah memberi bimbingan dan kerjasama supaya pertubuhan dan persatuan belia dapat merancang dan melaksanakan kegiatan-kegiatannya berasaskan kepada keperluan dan kepentingan belia tempatan.

Berkenaan dengan peluang untuk latihan belia di negara ini, Kementerian sedar bahawa pusat-pusat latihan belia di bawah Kementerian ini yang ada sekarang, iaitu di Dusun Tua, Pertak dan Kuala Terengganu tidak mencukupi untuk

menampung keperluan latihan kemahiran untuk belia. Kementerian ini sentiasa berusaha untuk menambahkan peluang-peluang latihan. Selaras dengan ini Kementerian ini telah mengemukakan cadangan kepada Kerajaan untuk menambahkan lagi bilangan persatuan latihan di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Walaupun demikian, bagi mengatasi masalah kekurangan tempat latihan ini Kementerian telah mengadakan projek latihan sambil bekerja di mana belia-belia yang memerlukan satu-satu kemahiran itu boleh dilatih di tempat kerja masing-masing.

Saya mengambil peluang ini juga untuk memberi maklumat kepada Dewan yang mulia ini bahawa tanggungjawab mengadakan pusat latihan kemahiran terutamanya bagi golongan belia bukanlah menjadi tanggungjawab Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sahaja, Kerajaan telah menyediakan kemudahan-kemudahan kemahiran juga di bawah Kementerian-kementerian yang lain seperti Kementerian Pelajaran, Kementerian Buruh dan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

#### **BANK ISLAM—PELABURAN AGENSI KERAJAAN**

**11. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pelaburan di kalangan agensi-agensi Kerajaan terutama FELDA di dalam Bank Islam kurang menggalakkan. Apakah sebabnya dan apakah langkah Kerajaan untuk mengesambungkan pelaburan-pelaburan tersebut di antara Bank Islam dan bank-bank utama di negara ini seperti Malayan Banking Berhad dan Bank Bumiputra.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, simpanan oleh agensi Kerajaan dan Badan-badan Berkanun di bawah Bank Islam adalah menggalakkan. Simpanan oleh agensi-agensi tersebut seperti pada akhir bulan Disember, 1984 adalah sebanyak \$136.1 juta iaitu hampir separuh daripada jumlah keseluruhan simpanan sebanyak \$274.9 juta. Agensi-agensi ini termasuklah PETRONAS, LLN, Lembaga Padi dan Beras Negara, FELCRA dan juga FELDA.

Pelaburan sesuatu agensi Kerajaan adalah bergantung kepada dasar agensi masing-masing. Buat masa ini Kementerian Kewangan telah mengiktirafkan 15 bank perdagangan termasuk Bank Islam, 13 syarikat kewangan, 4 syarikat diskaun dan 4 institusi bukan di bawah Akta Bank sebagai institusi-institusi kewangan yang diluluskan untuk menerima simpanan Kerajaan. Oleh itu terserahlah kepada agensi-agensi tersebut untuk memilih mana-mana institusi kewangan untuk menyimpan wang masing-masing.

Di samping itu, keupayaan sesebuah institusi kewangan untuk menarik simpanan Kerajaan juga bergantung kepada usaha institusi-institusi kewangan itu sendiri.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Bank Islam Malaysia Berhad merupakan sebuah bank yang baru ditubuhkan jika dibandingkan dengan bank-bank perdagangan lain yang telah lama bertapak. Selain daripada itu juga Bank Islam menggunakan konsep baru dalam urusan bank dan oleh itu akan mengambil masa untuk memperluaskan urusniaganya kepada pelanggan-pelanggan yang sebelum ini lebih kenal dengan cara urusan bank-bank perdagangan yang sedia

ada. Walau bagaimanapun untuk memperluaskan lagi kegiatan Bank Islam, kelulusan telah diberi kepada Bank Islam untuk menubuhkan 10 buah cawangan baru lagi di seluruh negara.

## IMBANGAN PERDAGANGAN

**12. Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan imbalan perdagangan (import dan eksport) negara dalam tahun 1984, dan sejauh manakah peningkatan atau kemerosotan eksport barang-barang utama negara berbanding dengan tahun 1983.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Ooi Gin Sun):** Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan perangkaan awal, adalah dianggarkan bahawa Malaysia akan memperolehi lebihan perdagangan sebanyak \$5.7 billion dalam tahun 1984. Ini merupakan satu prestasi yang baik jika dibandingkan dengan lebihan perdagangan sebanyak \$2 billion yang telah dicapai dalam tahun 1983.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya, dalam tahun 1984 kita telah mengeksport barang-barang bernilai \$38,667.5 juta iaitu peningkatan sebanyak 18.0% jika dibandingkan dengan jumlah eksport sebanyak \$32,771.2 juta dalam tahun 1983. Import untuk memenuhi keperluan negara pula adalah sebanyak \$32,999.3 juta dalam tahun 1984 iaitu bertambah sebanyak 7.4% daripada jumlah import sebanyak \$30,739 juta dalam tahun 1983.

Menyentuh soal prestasi eksport barang-barang utama negara, sukacita saya nyatakan di sini bahawa eksport minyak kelapa sawit, minyak isi kelapa sawit, petroleum mentah dan gas asli cecair, dengan izin, LNG telah meningkat pada tahun 1984. Kadar

kenaikan eksport bagi barang-barang tersebut jika dibandingkan dengan tahun 1983 ialah minyak kelapa sawit meningkat sebanyak 51.7%, minyak isi kelapa sawit 67.5%, petroleum mentah 10.4% dan gas asli cecair 110.4%. Manakala eksport timah, kayu balak dan kayu balak digergaji telah merosot pada tahun 1984. Kadar kemerosotan ialah timah sebanyak 32.4%, kayu balak 1.3% dan kayu balak di gergaji 18.7%. Eksport getah pula kekal di paras yang dicapai pada tahun 1983. Tuan Yang di-Pertua.

## ORANG-ORANG YANG DIHUKUM MATI

**13. Datin Paduka Hajjah Zaleha Ismail** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah beliau sedar bahawa ramai orang negara asing dan masyarakat antarabangsa mendapat maklumat yang salah mengenai negara kita Malaysia:

- (a) ada yang berpendapat bahawa ramai orang dihukum mati kerana fahaman politik; dan
- (b) apakah tindakan Bahagian Penerangan di Kementerian Luar Negeri bagi membetulkan fahaman atau anggapan yang salah ini.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir):** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar anggapan bahawa ramai orang negara asing dan masyarakat antarabangsa mendapat maklumat yang salah mengenai negara kita Malaysia, tetapi kita memang sedar tentang adanya beberapa anggapan yang tidak tepat di kalangan golongan-golongan kecil tertentu di luar negeri mengenai negara kita serta isu-isu tertentu seperti apa yang didakwa sebagai tahanan politik. Bagaimanapun orang-orang yang mempunyai penilaian sedemikian

adalah terbatas kepada golongan-golongan tertentu sahaja seperti Amnesty International dan Human Rights Commission. Kritik-kritik mereka ini pun sejak akhir-akhir ini ternyata sudah banyak berkurangan berbanding dengan kritik-kritik terhadap beberapa buah negara lain. Kementerian Luar Negeri sentiasa menilai segala kritik ini dan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mengatasinya. Tugas-tugas demikian adalah diselaraskan oleh Bahagian Penerangan Luar Negeri, Wisma Putra dan pegawai-pegawai penerangan kita di luar negeri. Ini pula adalah suatu usaha yang berterusan.

Misalnya mengenai dakwaan tentang adanya tahanan politik di negara kita. Langkah-langkah yang sesuai telah pun diambil untuk menerangkan kepada pihak-pihak yang berkenaan di luar negeri apabila perlu tentang keadaan yang sebenarnya. Bahagian Penerangan Luar Negeri di Kementerian Luar Negeri juga dari semasa ke semasa menerbit dan menyampaikan kepada perwakilan-perwakilan kita di luar negeri risalah-risalah yang dapat membantu pegawai-pegawai kita di perwakilan-perwakilan menyampaikan keterangan-keterangan yang lengkap mengenai negara kita supaya dapat memperkenalkan dengan lebih berkesan kepada dunia luar sebagai sebuah negara yang bebas dan mengamalkan demokrasi, cintakan perdamaian dunia dan mempunyai keadaan politik, ekonomi dan sosial yang stabil.

#### KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA— CARUMAN

**14. Tuan Ban Hon Keong** minta Menteri Kewangan menyatakan oleh kerana sebahagian besar tabung wang simpanan pekerja-pekerja adalah dipinjamkan kepada Kerajaan, adalah

merupakan dasar Kerajaan menolong rakyatnya mempunyai rumah-rumah jadi berapakah jumlah wang dari tabung tersebut telah digunakan untuk objektif ini dan bolehkah Yang Berhormat Menteri menyatakan:

- (a) jumlah peratus wang simpanan pekerja-pekerja yang dikeluarkan pada tahun lalu untuk pembelian rumah-rumah terhadap jumlah wang simpanan pekerja-pekerja yang dipungut untuk tempoh yang sama; dan
- (b) jumlah peratus pembeli-pembeli rumah yang berjaya mengeluarkan wang dari tabung tersebut pada tahun yang lalu terhadap jumlah pencarum-pencarum.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Dr Tan Tiong Hong):** Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1984 pengeluaran perumahan dari KWSP ialah \$150 juta iaitu merupakan 7.5% berbanding dengan jumlah caruman yang dikutip sebanyak \$2,500 juta. Di samping itu KWSP juga memberi pinjaman kepada Syarikat Perumahan Malaysia Berhad (MBSB) untuk membolehkan memberi kemudahan pinjaman perumahan kepada rakyat dan pada tahun 1984 jumlah pinjaman tersebut ialah sebanyak \$125 juta.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1984 seramai 36,000 ahli telah mengeluarkan wang caruman mereka untuk tujuan perumahan berbanding dengan 20,422 ahli bagi tahun 1982 dan 32,268 ahli bagi tahun 1983. Jika dibandingkan dengan jumlah ahli seramai 4.4 juta orang pada akhir tahun 1984, peratusan ahli yang telah mengeluarkan caruman untuk tujuan perumahan ialah 0.8%.

#### PASARAN BARANGAN MALAYSIA

**15. Dr George Chan Hong Nam** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan keadaan

pasaran eksport bagi barangan Malaysia di negara-negara maju memandangkan dasar perlindungan mereka bertambah ketat dan sama ada Malaysia telah berjaya mencari pasaran baru di negara-negara kurang maju; jika ya, sebutkan nama-nama negara yang berkenaan serta jenis, jumlah dan nilai barangan eksport kepada mereka sejak tahun 1982.

**Dato' Ooi Gin Sun:** Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya keadaan pasaran eksport bagi barangan Malaysia di negara maju masih baik walaupun tidak dinafikan bahawa sentimen perlindungan di negara-negara maju telah bertambah ketat. Perangkaan Malaysia menunjukkan bahawa eksport Malaysia ke negara-negara maju seperti Negara-negara Kesatuan Ekonomi Eropah, Amerika Syarikat, Jepun, Australia dan Kanada telah mencatat pertumbuhan sebanyak 22.7% untuk tahun 1983 dari nilai eksport sebanyak \$13,837.4 juta pada tahun 1982 ke \$16,257.7 juta dalam tahun 1983.

Usaha Kementerian saya untuk menembusi pasaran-pasaran bukan tradisional telah mencapai kejayaan. Umpamanya nilai eksport ke negara-negara kurang maju juga merupakan pasaran baru untuk Malaysia seperti Amerika Selatan, Asia Barat, Negara-negara ASEAN tidak termasuk Singapura, Benua Kecil India, China, Afrika dan Eropah Timur telah meningkat dari \$4,227.9 juta bagi tahun 1982 ke \$5,475.7 juta untuk tahun 1983 iaitu pada kadar pertumbuhan sebanyak 42.6%. Barangan eksport ke negara-negara kurang maju terdiri dari barang-barang mentah dan barang-barang perkilangan seperti getah asli, minyak kelapa sawit, kayu balak dan gergaji, nenas dalam tin, petroleum mentah, barang-barang elektronik, koko, barang-barang tekstail dan barang-barang getah.

Kementerian saya akan terus berusaha untuk menembusi pasaran-pasaran baru ini untuk memperluaskan pasaran untuk barangan eksport Malaysia, Tuan Yang di-Pertua.

### KOMPLEKS RUMAH GURU DI BALING— PEMBINAAN

**16. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah dalam rancangan Kementerian Pelajaran bagi membina Komplek Rumah Guru dan sebuah Sekolah Menengah Agama Berasrama Penuh di Baling dan kalau ada bilakah akan dibangunkan.

**Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi):** Tuan Yang di-Pertua, memang ada cadangan untuk membina sebuah kompleks rumah guru di Baling dan juga ada cadangan untuk membina sebuah sekolah agama berasrama penuh di negeri Kedah tetapi tempatnya belum ditetapkan secara muktamad pada masa ini.

Dan kedua-dua projek ini akan hanya dilaksanakan mengikut keadaan kewangan yang ada pada masa sekarang.

### KERETAPI TANAH MELAYU— HUTANG

**17. Tuan Othman bin Abdul** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

(a) adakah benar bahawa KTM sekarang mempunyai tanggungan hutang dari Kerajaan Pusat sejumlah \$500 juta; jika benar, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh KTM bagi menjelaskan hutang berkenaan; dan

- (b) apakah langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang KTM memperbaiki kedudukan kewangannya supaya tidak lagi terus-menerus bergantung kepada Kerajaan semata-mata.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman):**  
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah tanggungan hutang terkumpul dari Kerajaan Pusat kepada KTM ialah lebih daripada \$500 juta. KTM terpaksa membuat pinjaman daripada Kerajaan selagi aktiviti-aktiviti dijalankan berdasarkan kepada rancangan sosio-ekonomi negara seperti diarahkan oleh Kerajaan. Memandangkan kepada kedudukan kewangan KTM yang tidak memuaskan besar kemungkinan hutang tersebut tidak dapat dijelaskan. Sehubungan dengan itu, Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu telah memohon kepada pihak Perbendaharaan untuk menjadualkan semula pinjaman yang telah diberikan itu dan permohonan itu masih dalam pertimbangan.
- (b) Pentadbiran KTM sentiasa berusaha dan telah pun mengambil langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang bagi memperbaiki kedudukan kewangannya, iaitu:

- (1) Mengurangkan perbelanjaan dengan kawalan yang lebih ketat ke atas semua perbelanjaan. Walaupun demikian, perbelanjaan seperti penyelenggaraan lokomotif, koc, gerabak dan landasan sukar dikurangkan memandangkan kebanyakan alat-alat itu telah lama dan usang.

- (2) Meningkatkan hasil pendapatan dengan:

- (i) menggalakan aktiviti pemasaran dan perdagangan;
- (ii) meningkatkan prestasi KTM keseluruhannya dengan sistem-sistem yang lebih cekap, iaitu kawalan trafik, mutu perkhidmatan dan mutu penyelenggaraan.

Bagi langkah jangka panjang, KTM berharap dapat memperbaharui perkara-perkara yang didapati tidak lagi ekonomik untuk diselenggarakan dan juga konsep penswastaaan Kerajaan serta usahasama (joint venture) dapat menolong memperbaiki keadaan kewangan KTM pada keseluruhannya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 5 dan 18 hingga 41 adalah diberi di bawah ini).*

#### **PILIHANRAYA KECIL TAMBUNAN**

**5. Tuan Fung Ket Wing** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau telah menerima apa-apa laporan daripada Kerajaan Negeri Sabah mengenai isu Tambunan; jika ya, sila beritahu isi kandungannya, apakah tindakan yang diambil oleh beliau untuk memastikan pengundi-pengundi Tambunan tidak didera kerana tidak memilih calon parti memerintah dalam pilihanraya kecil Tambunan yang diadakan hujung tahun lalu.

29-3-85

**2. Tuan Fung Ket Wing** minta Perdana Menteri menyatakan tujuan beliau melawat Sabah baru-baru ini; sama ada beliau telah menerima sebuah memorandum daripada penduduk-penduduk Tambunan mengenai masalah yang dihadapi mereka dan sama ada lawatan beliau itu adalah semata-mata untuk berkempen bagi Parti Berjaya terutama sekali ucapan yang diucapkannya di Lahad Datu.

(Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Saya mohon menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat yang sama pada 29hb Mac 1985, kerana maksudnya hampir-hampir sama dengan soalan ini.

Y.A.B. Perdana Menteri telah menerima laporan daripada Kerajaan Negeri Sabah mengenai isu Tambunan. Tidak ada kenyataan yang menyebutkan bahawa pengundi-pengundi Tambunan telah didera kerana tidak memilih calon parti pemerintah dalam pilihanraya kecil Tambunan yang diadakan pada hujung tahun lalu. Namun begitu, jika Ahli Yang Berhormat ada bukti-bukti yang nyata bahawa ada pengundi-pengundi Tambunan telah didera, Ahli Yang Berhormat bolehlah melaporkan kepada pihak-pihak berkuasa yang bertanggungjawab untuk tindakan selanjutnya.

Tujuan Y.A.B. Perdana Menteri melawat Sabah baru-baru ini ialah untuk meninjau dan menyaksi sendiri rancangan-rancangan pembangunan yang sedang dilaksanakan di Sabah. Ucapan-ucapan Y.A.B. Perdana Menteri sama ada di Lahad Datu atau di tempat-tempat lain adalah perkara biasa yang dilakukan oleh seorang pemimpin negara untuk kebaikan rakyat dan negara.

Mengenai memorandum daripada penduduk-penduduk Tambunan, Y.A.B. Perdana Menteri telah menerimanya dan adalah dalam perhatian Yang Amat Berhormat.

#### LEMBAGA PADI NEGARA— KERUGIAN

**18. Tuan Chan Kok Kit** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan jumlah kerugian yang ditanggung oleh Lembaga Padi Negara akibat penanaman jenis padi IR-42 baru-baru ini. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan kerugian seumpama itu tidak berulang lagi dan apakah tindakan yang diambil untuk membantu petani-petani yang terlibat itu.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Bagi setiap 100kg. padi IR-42 yang dikisar oleh LPN, Lembaga ini akan mengalami kekurangan pendapatan sebanyak \$6.16 berbanding dengan pendapatan dari hasil kisanan lain-lain jenis padi. Kekurangan pendapatan ini adalah berpunca dari keadaan padi jenis IR-42 ini yang menghasilkan 27% beras hancur berbanding dengan 18% beras hancur yang dihasilkan dari pengisaran padi jenis-jenis lain. Padi jenis IR-42 adalah mudah patah di dalam proses pengilangan.

Bagi musim penuaian yang lepas, berdasarkan jumlah belian LPN sebanyak 85,000 tan metrik padi jenis IR-42 sehingga 15hb Mac 1985, jumlah kekurangan pendapatan yang dialami oleh LPN adalah sebanyak \$5.235 juta.

Oleh kerana padi IR-42 ini memberikan hasil kisanan yang lebih rendah, LPN sepatutnya menggunakan "mutu kisanan" sebagai faktor potongan dalam menentukan nilai jualan padi oleh petani. Walau bagaimanapun ini telah tidak dilakukan di dalam musim penuaian

yang lepas sebagai usaha untuk mengekalkan tingkat pendapatan petani.

LPN akan terpaksa menghadapi masalah yang sama selagi petani masih menanam padi dari jenis IR-42.

#### **MINYAK MENTAH—MENGURANGKAN PENGELUARAN**

**19. Tuan Ng Cheng Kuai** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah kesannya akibat keputusan Kerajaan mengurangkan pengeluaran minyak mentah sebanyak 40,000 tong sehari;
- (b) apakah pengurangan pendapatan Kerajaan yang dijangkakan; dan
- (c) apakah projek-projek Kerajaan tertentu bagi 1985 akan terjejas, jika ya, sila senaraikan projek-projek yang berkenaan.

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, keputusan Kerajaan mengurangkan pengeluaran minyak mentah adalah selaras dengan usaha Pertubuhan Negara-negara Pengeluar Minyak (OPEC) untuk menahan kejatuhan harga yang berterusan. Memang tidak dapat dinafikan bahawa keputusan ini memberi kesan kepada negara khususnya dari segi pendapatan Kerajaan.

Perusahaan petroleum merupakan sumber hasil dan pendapatan tukaran wang asing yang penting kepada negara. Sudah sememangnya keputusan mengurangkan pengeluaran petroleum mentah sejumlah 40,000 tong sehari akan mengurangkan pendapatan Kerajaan. Walau bagaimanapun, adalah terlalu awal untuk diberi angka-angka sebenar mengenai kesan keputusan ini. Adalah dijangkakan bahawa kekurangan

pengeluaran petroleum mentah akan mengurangkan pendapatan Kerajaan lebih kurang \$390 juta.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, peruntukan pembangunan dalam Belanjawan 1985 adalah sebanyak \$7,053 juta. Pada masa ini tidak ada rancangan untuk memberhentikan projek-projek yang telah diluluskan.

#### **NELAYAN—MENINGGIKAN TARAF HIDUP**

**20. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamad** minta Menteri Pertanian menyatakan sejauh manakah kejayaan yang dicapai oleh Kerajaan menerusi LKIM dalam meninggikan taraf hidup dan sosio-ekonomi serta pelajaran para nelayan di negara ini dan apakah sistem Zengyoren di Jepun itu sesuai kita contoh.

**Menteri Pertanian (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim):** Kejayaan Kerajaan di dalam meninggikan taraf hidup dan sosio-ekonomi para nelayan dapat dilihat dari segi penurunan kadar kemiskinan iaitu dari 73.2% pada tahun 1970 kepada 44.7% di dalam tahun 1983. Berhubung dengan pelajaran pula, ianya bukanlah tugas khusus LKIM walaupun LKIM ada memberikan berbagai bantuan bagi aktiviti pelajaran kepada anak-anak nelayan.

Untuk makluman Yang Berhormat sistem Zengyoren di Jepun telah pun dikaji oleh LKIM dan Kementerian Pertanian dan didapati ianya boleh dicontohi di negara kita. Zengyoren jika di terjemahkan di dalam Bahasa Malaysia boleh diertikan sebagai Pertubuhan Kebangsaan Persatuan Koperasi Nelayan yang mewakili kaum nelayan dan Persatuan-persatuan Koperasi Nelayan di seluruh negara. Tujuan dan matlamat Zengyoren

adalah untuk memperbaiki taraf sosio-ekonomi ahli-ahlinya melalui aktiviti-aktiviti perniagaan dan juga peningkatan hasil tangkapan ikan.

### JAWATANKUASA SEKOLAH

**21. Wan Ibrahim bin Abdullah** minta Menteri Pelajaran menyatakan berhubung dengan saranan yang dikemukakan oleh Menteri Pelajaran menjadikan sekolah sebagai institusi orang ramai; bagaimanakah garis panduan yang disediakan bagi menjayakan konsep ini mana murid-murid dan orang ramai boleh mendapat kesan-kesan positif dan pentadbiran sekolah pula tidak bercelaru dengan ganggu-gugat berbagai pihak.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Bagi melaksanakan konsep sekolah sebagai institusi masyarakat, Kementerian Pelajaran telah:

- (i) Mengeluarkan satu Surat Pekeliling mengarahkan supaya sebuah Jawatankuasa Sekolah sebagai Institusi Masyarakat ditubuhkan di sekolah-sekolah.
- (ii) Satu garis panduan sedang disediakan untuk memberi penerangan lanjut mengenai pelaksanaan konsep ini.

Jawatankuasa sekolah sebagai Institusi Masyarakat ditubuhkan di sekolah-sekolah adalah sebagai usaha lanjutan dari PIBG supaya menggalakkan lagi perhatian dan tumpuan masyarakat terhadap sekolah. Dengan terlaksananya saranan ini hubungan di antara sekolah dengan masyarakat adalah berupa perhubungan dua hala, sekolah akan mendapat bantuan dan sumbangan dari masyarakat terutama dalam tenaga dan material. Ini bukan sahaja melibatkan ahli PIBG, bahkan juga orang perseorangan yang anak-anak mereka tidak ada di sekolah berkenaan.

Walaupun sekolah menggalakkan penglibatan ahli masyarakat di dalam program dan aktiviti sekolah, namun begitu kegiatan mereka akan dikawal oleh peraturan-peraturan tertentu seperti yang terdapat di dalam peraturan-peraturan PIBG.

### HOSPITAL DAERAH KLUANG— DOKTOR PAKAR

**22. Tuan Quah Wee Liam** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah Kementeriannya akan menghantar doktor-doktor pakar terutamanya doktor perbidanan dan doktor bedah ke Hospital Daerah Kluang sebagaimana yang dijanjikan oleh Menteri Kesihatan pada menjawab pertanyaan ini dalam tahun 1983 bahawa doktor pakar akan dihantar ke situ pada tahun 1985.

**Menteri Kesihatan (Dato Chin Hon Ngian):** Pada tahun 1983 keperluan kepakaran di hospital-hospital telah dirancang dan ditentukan di mana beberapa jawatan di bidang kepakaran Perbidanan dan Sakitpuan dijangka akan diperuntukan di Hospital Daerah Kluang pada tahun 1985. Pada masa ini Kementerian Kesihatan masih menghadapi kekurangan pakar-pakar dalam bidang-bidang tersebut.

Pada 25hb Mac, 1985 Kementerian Kesihatan mempunyai 30 pegawai pakar dalam berbagai bidang yang berkhidmat di negeri Johor berbanding dengan 23 orang dalam tahun 1983. Daripada jumlah ini terdapat 5 pegawai pakar Bedah Umum dan 6 pegawai pakar Perbidanan dan Sakitpuan yang ditempatkan di Hospital-hospital Johor Bahru, Muar, Batu Pahat dan Segamat. Kementerian Kesihatan akan menempatkan pakar-pakar ini di Hospital Daerah Kluang apabila keadaan mengizinkan.

Walau bagaimanapun, pesakit-pesakit dari Hospital Daerah Kluang yang memerlukan perkhidmatan

kepakaran akan dirujukkan ke hospital-hospital yang berhampiran yang mana perkhidmatan kepakaran disediakan.

### PUSAT KESIHATAN DAERAH DALAT

**23. Tuan Leo Toyad** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah Pusat Kesihatan Daerah Dalat di Sarawak akan dibina dan apakah kemudahan yang akan disediakan di Pusat tersebut.

**Dato Chin Hon Ngian:** Suka saya memaklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa tidak ada projek untuk membangunkan Pusat Kesihatan Daerah Dalat dalam Rancangan Malaysia Ke-4. Pembangunan Pusat Kesihatan ini akan dipertimbangkan di dalam Rancangan Malaysia Ke-5 dan tapak tanah 10 ekar telah dikesan.

Projek ini akan meliputi:

- (i) Sebuah bangunan untuk Jabatan Pesakit Luar dan Klinik Kesihatan Ibu dan Kanak-kanak.
- (ii) Sebuah bangunan untuk unit bilik bedah, Jabatan X-Ray dan Makmal.
- (iii) Sebuah wad yang mengandungi bahagian perempuan (12 buah katil) dan bahagian perbidanan (7 buah katil).
- (iv) Sebuah wad yang mengandungi bahagian lelaki (9 buah katil) dan bahagian kanak-kanak (12 buah katil).
- (v) Sebuah bangunan untuk dapur dan tempat mencuci kain.
- (vi) Sebuah rumah mayat.
- (vii) Tempat membakar (incinerator).
- (viii) Kolam "Oxidation".
- (ix) Janakuasa bersedia.

(x) Rumah-rumah institusi termasuk:

- 2 Kelas II Quarters
- 2 blok Kelas F flat
- 2 blok Kelas G flat
- 2 blok barrack

(xi) Kemudahan-kemudahan sukan.

### PERKHIDMATAN POLIS SARAWAK

**24. Tuan Ling Sie Ming** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa jumlah anggota-anggota polis yang telah dihantarkan untuk berkhidmat di Negeri Sarawak pada tahun 1984. Pada tahun itu, berapakah bilangan rakyat Sarawak yang telah memohon untuk menyertai perkhidmatan polis. Sama ada Kerajaan telah merancang dan bagaimanakah caranya untuk merekrut lebih ramai rakyat Sarawak untuk menyertai perkhidmatan polis.

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri (Dato' Musa Hitam):** Adalah menjadi dasar Polis Diraja Malaysia menempatkan anggota-anggotanya di merata-rata di seluruh negara mengikut keperluan keadaan dan perkhidmatan.

Pada tahun 1984 seramai 141 orang anggota-anggota polis telah dihantar berkhidmat di negeri Sarawak.

Dalam tahun yang sama, seramai 875 orang rakyat negeri Sarawak telah memohon untuk menyertai perkhidmatan polis. Sebelum sesuatu eksesais pengambilan diadakan, Polis Diraja Malaysia mengadakan ceramah-ceramah menerusi berbagai-bagai media massa di seluruh tanah air termasuklah negeri Sarawak untuk menarik lebih ramai rakyat menyertai perkhidmatan polis. Dalam usaha mencapai hasrat ini, Kerajaan telah melonggarkan syarat kelayakan, seperti kelulusan akademik Bahasa

Malaysia khususnya buat sementara waktu, bagi mengambil lebih ramai rakyat negeri Sarawak menjadi anggota polis.

### PERKHIDMATAN X-RAY

**25. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah benar sehingga ini Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984 tidak menyediakan garis panduan bagi mendakwa orang-orang yang tidak bertauliah mengendalikan perkhidmatan X-Ray kepada orang ramai; jika benar:

- (a) apakah langkah-langkah yang positif telah, sedang dan akan diambil untuk melindungi keselamatan tubuh badan atau kesihatan orang ramai akibat dari perkhidmatan kakitangan yang tidak bertauliah itu; dan
- (b) berapa banyakkah Hospital-hospital swasta yang mengadakan perkhidmatan X-Ray di seluruh negara dan berapa ramaikah kakitangannya yang mempunyai tauliah atau sebaliknya mengendalikan unit X-Ray di Hospital itu.

**Dato Chin Hon Ngian:** Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984 tidak mengandungi garis panduan untuk mendakwa operator-operator mesin X-Ray yang tidak bertauliah. Walau bagaimanapun, Akta tersebut mengandungi perbekalan untuk membuat kaedah-kaedah. Kaedah-kaedah tersebut sedang dirangka dan akan diwartakan tidak berapa lama lagi.

- (a) Kaedah-kaedah Perlindungan Sinaran (Diagnos Perubatan Sinar-X) 1983 telah diwartakan bagi menjamin perbekalan garis panduan adalah mencukupi untuk melindungi orang ramai. Kementerian Kesihatan mempunyai Sekolah Latihan

Juru X-Ray untuk melatih penuntut-penuntut selama tiga tahun di dalam bidang teknik X-Ray dan pengendalian mesin-mesin X-Ray. Kursus-kursus sedang dipertimbangkan untuk melatih operator-operator X-Ray di klinik perubatan swasta bagi membolehkan mereka menjalankan pemeriksaan-pemeriksaan X-Ray terhad di bawah Kaedah-kaedah Perlindungan Sinaran 1983.

- (b) Sekarang terdapat 16 hospital-hospital swasta di seluruh negara yang mempunyai perkhidmatan X-Ray. Hospital-hospital tersebut dikendalikan oleh 18 orang Juru X-Ray bertauliah dan 26 orang kakitangan lain.

### PELABUR SINGAPURA KE MALAYSIA

**26. Tuan Peter Chin Gan Oon** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) apakah sambutan terhadap dasar Kerajaan melamar pelabur-pelabur Singapura ke Malaysia;
- (b) sama ada beliau dapat memberi statistik tentang bilangan syarikat-syarikat yang telah ditubuhkan di bawah dasar insentif yang bertambah kepada pelabur-pelabur Singapura dan apakah nilai pelaburan mereka; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Y.B. Menteri dalam bentuk insentif berlebihan untuk memastikan bahawa pelaburan Singapura yang sedemikian adalah di merebak dengan sama rata di seluruh Semenanjung Malaysia termasuk Perak, supaya mengganti membenar orang-orang Singapura inklinasi semula jadi mereka dalam

menempat semula kilang-kilang mereka diseberang tembok ke Johor sahaja.

**Dato' Oo Gin Sun:**

- (a) Sambutan pelabur-pelabur Singapura melabur di negara ini adalah sentiasa baik dan ketika ini ia merupakan negara terkemuka yang melabur di sektor perindustrian.
- (b) Di antara tahun 1971 hingga akhir tahun 1984 terdapat sejumlah 777 projek perindustrian daripada Republik Singapura telah diluluskan. Pada akhir tahun 1983 adalah diperhatikan bahawa 611 daripada projek-projek itu sedang di dalam pengeluaran. Jumlah modal dibayar di dalam projek-projek ini ialah \$1,045.7 juta yang merupakan 31.3% daripada jumlah modal dibayar asing di dalam semua projek-projek yang disertai oleh pelabur-pelabur asing. Dari segi modal pelaburan pula adalah didapati bahawa 611 projek-projek ini telah melabur \$1,189.9 juta. Ini pula merupakan 28.0% daripada jumlah pelaburan projek-projek asing yang sedang dalam pengeluaran pada akhir tahun 1983.
- (c) Memanglah diperakui, bahawa pelabur-pelabur daripada Singapura pada dasarnya akan tertumpu kepada Johor sebagai tempat yang paling sesuai mendirikan projek mereka. Ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor nyata seperti pertalian kekeluargaan, pasaran, kemudahan-kemudahan, eksport dan juga dari segi kedudukan negeri Johor yang berhampiran dengan Negara tersebut. Namun demikian pelabur-pelabur

Singapura telah juga memilih lain-lain negeri di Malaysia untuk menempatkan projek-projek mereka. Mengenai galakan, seperti Ahli Yang berhormat sedia maklum, Kerajaan telah menyediakan beberapa jenis galakan untuk menggalakkan industri-industri ditempatkan di kawasan-kawasan/negeri-negeri kurang maju. Jenis-jenis galakan ini ialah Galakan Tempat Kedudukan yang membolehkan projek-projek yang ditempatkan di kawasan-kawasan yang diwartakan sebagai kawasan galakan tempat kedudukan (kawasan-kawasan dan negeri-negeri kurang maju) menikmati pengecualian cukai sehingga 10 tahun. Bagi menempatkan projek di kawasan-kawasan pembangunan pula, cukai tambahan satu tahun diberi bagi projek-projek yang diberi Galakan Taraf Perintis dan tambahan kredit 5% diberi bagi projek-projek yang diluluskan dengan Kredit Cukai Pelaburan.

**LADANG DAN KEBUN  
KECIL GETAH KEPADA  
KELAPA SAWIT—PENUKARAN**

27. **Dr Chen Man Hin** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada beliau sedar Malaysia mungkin hilang kedudukannya sebagai pengeluar utama getah kerana ladang-ladang kini menukar menanam kelapa sawit dan pekebun-pekebun kecil juga terpaksa mengikut langkah mereka.

**Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong):** Kementerian sedar tentang penukaran ladang-ladang dan kebun-kebun kecil getah kepada kelapa sawit tetapi penukaran ini tidak semestinya menyebabkan Malaysia hilang kedudukannya sebagai

pengeluar utama getah. Walaupun keluasan tanaman getah Malaysia merosot sebanyak 2.9% iaitu daripada 2.02 juta hektar dalam tahun 1970 kepada 1.96 juta hektar dalam tahun 1984, namun demikian pengeluaran getah telah bertambah daripada 1.27 juta tan dalam tahun 1970 kepada 1.529 juta tan dalam tahun 1984 iaitu bertambah sebanyak 20.3%. Pengeluaran yang bertambah sebanyak 20.3% berbanding dengan keluasan bagi tanaman tersebut yang telah merosot 2.97% jelas menunjukkan peningkatan daya pengeluaran yang pesat. Kemajuan ini dicapai menerusi penggunaan klon-klon yang lebih baik dalam tanaman baru, tanaman semula serta penggunaan teknologi baru termasuk amalan agronomi khususnya di sektor estet dan agensi-agensi pembangunan.

Peningkatan pengeluaran seunit bagi sektor estet telah bertambah 35.3% daripada 1109 kg/ha dalam tahun 1970 kepada 1500 kg/ha pada tahun 1984 sementara daya pengeluaran di sektor pekebun kecil telah meningkat 33.3% daripada 750 kg/ha kepada 1000 kg/ha bagi tempoh yang sama. Malah di skim-skim tanah FELDA yang diuruskan secara teratur purata daya pengeluaran telah mencapai tahap 1500 kg/ha. Masih terdapat skop yang luas untuk meningkatkan lagi daya pengeluaran dalam perusahaan getah khususnya dalam sektor pekebun kecil untuk mencapai matlamat pengeluaran negara melalui peningkatan produktiviti.

Walaupun terdapat penukaran kawasan getah kepada tanaman-tanaman lain dan ini telah dilakukan berikutan Dasar Mempelbagaikan Pertanian dan oleh lain-lain pertimbangan ekonomi tetapi penukaran getah kepada lain-lain tanaman adalah terhad disebabkan oleh iklim, kesesuaian tanah dan topografi. Mengikut Laporan Pasukan Petugas Pakar mengenai getah masih

terdapat kawasan tanah yang dianggarkan seluas 1.6 juta hektar di Semenanjung Malaysia yang didapati hanya sesuai bagi tanaman getah dan kajian yang lebih lanjut untuk menentukan kesesuaian tanah tersebut sedang dijalankan. Di Sabah dan Sarawak juga masih terdapat skop bagi pembukaan tanah baru bagi tanaman getah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebagai matlamat keseluruhan, pembukaan tanah baru bagi tanaman getah ialah dalam lingkungan 350,000-375,000 hektar dari sekarang hingga tahun 1990. Dengan pertambahan kawasan baru serta langkah bagi memperbaiki produktiviti, Malaysia tidak sepatutnya khuatir mengenai kedudukannya sebagai pengeluar getah utama di dunia. Apa yang lebih penting ialah supaya Malaysia dapat menjamin perusahaan getah di negara ini adalah kompetitif dan berdaya maju dengan mengambil langkah-langkah menentukan pengeluaran yang lebih cekap dengan cara mengurangkan kos pengeluaran, meningkatkan produktiviti dan mengeluarkan getah yang bermutu tinggi serta meneruskan usaha-usaha Penyelidikan dan Pembangunan dan pemodenan di sektor pekebun kecil.

Akhir sekali kita harus akui bahawa strategi pelbagaian tanaman adalah perlu supaya ekonomi negara tidak semata-mata bergantung kepada satu jenis tanaman sahaja. Keputusan untuk memilih sama ada tanaman getah, kelapa sawit atau lain-lain tanaman adalah bergantung kepada pulangan ke atas pelaburan, kos melepasi dan lain-lain pertimbangan ekonomi.

#### JAWATANKUASA KO-KURIKULUM

**28. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Pelajaran menyatakan bagaimanakah Jawatankuasa Ko-Kurikulum akan dilaksanakan dengan berjayanya tanpa

menjejaskan kurikulum utama. Adakah bukti yang menunjukkan aktiviti-aktiviti ko-kurikulum boleh menumpukan perpaduan kaum. Adakah beliau menjangka bahawa Menteri Pelajaran yang menyandang jawatan ini pada masa depan akan berkemungkinannya mengubah konsep dan cara pelaksanaan ko-kurikulum.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya sekolah tidak mempunyai Jawatankuasa Ko-Kurikulum. Apa yang ada ialah Jawatankuasa Bimbingan Pelajar Sekolah yang bertujuan untuk menggembeling tenaga anggota masyarakat dan pihak sekolah bagi mempertingkatkan kegiatan ko-kurikulum di kalangan pelajar. Gerak kerja ko-kurikulum dijalankan di luar jadual waktu persekolahan. Dengan ini tidak menjejaskan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah; sebaliknya kegiatan ko-kurikulum boleh membantu mempertingkatkan perkembangan mental, sosial, rohani dan jasmani serta memupuk semangat perpaduan di kalangan kaum. Walaupun tidak ada satu cara sahaja yang boleh menjamin perpaduan kaum tetapi aktiviti ko-kurikulum yang dijalankan ini adalah merupakan satu cara yang baik bagi memupuk perpaduan kaum. Oleh sebab itu saya percaya dasar ini akan berterusan dalam sistem pelajaran kita.

#### JET PEJUANG SKYHAWK TUDM

29. Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad minta Menteri Pertahanan menyatakan perkara berikut:

- (a) dengan pembelian beberapa buah skyhawk baru-baru ini oleh Kerajaan Malaysia, adakah ini bermakna bahawa lain-lain jet pejuang akan dihentikan penggunaannya;

(b) adakah juga ini bermakna bahawa ia merupakan satu tindakan persediaan oleh Kerajaan kita kerana Skuadron Tentera Udara Di Raja Australia akan berpindah dari pengkalan Pulau Pinang; dan

- (c) tidakkah Y.A.B. Perdana Menteri Pertahanan bercadang dimasa-masa yang akan datang membeli jet-jet pejuang yang lebih baik lagi kualitinya daripada jet Skyhawk.

#### Dato Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha

- (a) Di samping jet pejuang Skyhawk, TUDM akan terus menggunakan jet-jet pejuang yang lain yang masih beroperasi, kerana seberapa boleh kita harus menggunakan segala apa kelengkapan yang tersedia ada khususnya kerana terdapat kemahiran menggunakan kelengkapan tersebut.

- (b) Memang benar dengan adanya jet pejuang Skyhawk sudah tentu akan menambahkan lagi keupayaan kita dari segi gerak tempur dan pertahanan udara. Pembelian pesawat ini adalah salah satu daripada beberapa program pembangunan untuk memperkuat dan memperluaskan keupayaan Angkatan Tentera kita.

- (c) Segala pembelian alat kelengkapan Pertahanan termasuk pembelian pesawat-pesawat pejuang yang lebih sophisticated adalah bergantung kepada keperluan dan keupayaan negara membiayai keperluan tersebut.

### RAWATAN PERUBATAN KE CHINA—KEBENARAN

**30. Tuan Seow Hun Khim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar sejak 12hb Mac, 1984, Encik Lai Wan Ying telah mula memohon kebenaran untuk anaknya Encik Lai Weng Hong mendapat rawatan perubatan di Negeri China, tetapi malangnya, selepas lebih daripada satu tahun, kebenaran ini masih belum dikeluarkan; dan apakah sebab-sebab utama yang mengakibatkan kelambatan ini dan apakah langkah-langkah berkesan yang akan diambil agar perkara seperti ini tidak akan berulang pada masa depan.

**'Dato' Musa Hitam:** Bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat tersebut sukalah saya menjelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan sentiasa mempertimbangkan dengan adil dan saksama setiap permohonan melawat RRC bertujuan untuk rawatan perubatan yang tidak boleh di perolehi di Malaysia atau lain-lain lawatan yang dibenarkan oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun seperti mana Ahli Yang Berhormat telah sedia maklum bahawa dalam memproses permohonan tersebut semestilah terlebih dahulu melalui peraturan-peraturan yang ditentukan sebelum permohonan yang berkaitan diluluskan oleh Kementerian saya. Setiap permohonan yang tidak menghantar maklumat yang cukup atau permohonan yang memerlukan tindakan lanjutan daripada Jabatan-jabatan di bawah Kementerian ini sudah tentu memerlukan sedikit masa sebelum permohonan yang berkaitan dapat di pertimbangkan oleh Kementerian saya. Dalam hubungan ini suka juga dijelaskan bahawa Kementerian saya tidak ada menetapkan jangkamasa atau berapa lamakah masa setiap permohonan lawatan tersebut boleh diselesaikan. Kelulusan permohonan boleh diberi

apabila mencukupi syarat-syarat seperti yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun saya akan menyiasat tentang kelewatan permohonan seperti dakwaan Ahli Yang Berhormat tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa kedua-dua pemohon tersebut telah pun diberi kelulusan.

### RASUAH DI JABATAN KASTAM/ PELABUHAN PULAU PINANG

**31. Tuan Gooi Hock Seng** minta Perdana Menteri menyatakan.

- (a) sama ada beliau sedar tentang amalan rasuah yang berleluasa di kalangan kakitangan Jabatan Kastam dan kakitangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang; dan
- (b) jika ya, tindakan apakah yang telah diambil atau akan diambil bagi menghapuskan amalan-amalan rasuah ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob):** Kerajaan sedar akan perbuatan rasuah yang dilakukan oleh hanya segelintir kakitangan-kakitangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dan Jabatan Kastam di Pelabuhan Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, keadaan dapat dikawal.

Dalam usaha membenteraskan perbuatan rasuah itu, Kerajaan telah/ sedang dan akan terus mengambil langkah-langkah pencegahan dari segi undang-undang dan pentadbiran seperti berikut:

- (a) sedang melaksanakan penyiasatan ke atas maklumat-maklumat yang telah diterima bagi tempoh 1982 hingga 1985;
- (b) mempergiat dan mempertingkatkan aktiviti siasatan dan mendakwa mereka yang melakukan rasuah di mahkamah;

- (c) mempertingkatkan aktiviti-aktiviti perisikan untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang tepat dan bermutu untuk penyiasatan selanjutnya;
- (d) mempergiatkan usaha-usaha untuk menyedarkan pegawai/kakitangan Kerajaan tentang bahayanya perbuatan rasuah dengan mengadakan ceramah, majlis perbincangan dan bengkel kerja dari masa ke semasa.

### PENAGIH DADAH—HUKUMAN

**32. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman** minta Perdana Menteri menyatakan berapa ramai dianggarkan jumlah penagih-penagih dadah pada masa ini dan apakah butir-butir penting tentang penangkapan pendedar-pendedar dan penagih-penagih, termasuk bilangan-bilangan yang menjalani hukuman. Berapa ramai penagih-penagih yang dijatuhkan hukuman supaya menjalani pemulihan, tetapi ditahan di lokap-lokap kerana tidak cukup tempat di pusat-pusat pemulihan.

#### Perdana Menteri:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jumlah penagih-penagih yang telah dikesan sejak tahun 1970 hingga bulan Disember tahun 1984 adalah seramai 104,225 orang.
- (b) Bagi soalan Ahli Yang Berhormat berikutnya, butir-butir mengenai penangkapan pendedar-pendedar dan penagih-penagih adalah:

#### (i) Penagih-penagih

Bagi tahun 1984, terdapat sejumlah 78.6% penagih-penagih yang dikesan berada di bawah umur 29 tahun dan 99.1%

dari penagih-penagih yang dikesan adalah dari kaum lelaki. Pada keseluruhannya penagih-penagih dadah tersebut adalah terdiri daripada semua golongan masyarakat seperti buruh kasar, penganggur, pekerja mahir, pekedai, golongan dalam bidang pengurusan serta penuntut-penuntut sekolah.

#### (ii) Pendedar-pendedar

Daripada tahun 1975 sehingga bulan Januari 1985 seramai 73 orang pendedar dadah yang ditangkap di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 telah menerima hukuman gantung dan daripada jumlah tersebut seramai 30 orang telah menjalani hukuman. Kebanyakan pendedar dadah yang telah ditangkap adalah berumur antara 20-40 tahun, tiada mempunyai pekerjaan yang tetap atau membuat perniagaan sambilan. Pendedar-pendedar dadah ini mempunyai rangkaian-rangkaian perhubungan sendiket di negeri-negeri seperti Kedah/Perlis, Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan, Selangor, Johor dan juga di peringkat antarabangsa. Tangkapan - tangkapan terhadap pendedar-pendedar ini selalunya dibuat di dalam dan/atau di kawasan rumah sewaan atau rumah kepunyaan sendiri, di kuala-kuala sungai, di dalam dan

sebagainya. Jenis-jenis dadah yang diedar mengikut keutamaan adalah heroin, candu mentah dan ganja.

- (c) Bagi soalan yang terakhir, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat tiada terdapat penagih-penagih yang diperintah menjalani pemulihan ditahan di lokap-lokap polis di atas alasan tempat-tempat di Pusat Rawatan dan pemulihan tiada mencukupi.

Dalam sistem rawatan dan pemulihan yang diamalkan sekarang, penagih-penagih dadah yang telah dikeluarkan perintah oleh mahkamah untuk menjalani rawatan dan pemulihan boleh dimasukkan ke pusat rawatan dan pemulihan untuk tempoh selama 2 tahun atau diletakkan di bawah pengawasan (Supervision) pegawai pemulihan dalam masyarakat terbuka. Justeru itu, soal seseorang itu ditahan di lokap polis kerana tempat-tempat di pusat rawatan dan pemulihan tidak mencukupi adalah tidak timbul.

##### 5. *Penagih Dadah*

- (a) Mereka yang terlibat dengan penagihan dadah, iaitu penagih-penagih dadah tidak dianggap sebagai penjenayah. Mereka yang disyaki sebagai penagih dadah adalah ditahan di bawah Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 untuk menjalani ujian. Sekiranya mereka telah disahkan sebagai penagih maka mereka akan dikeluarkan perintah mahkamah (court order) untuk menjalani rawatan dan pemulihan sama ada di pusat-pusat pemulihan ataupun secara pengawasan.

- (b) Penahanan seseorang yang disyaki sebagai penagih di dalam lokap-lokap polis hanya dibuat sementara menunggu keputusan air kencing, bagi menentukan seseorang itu penagih atau tidak.

- (c) Terdapat juga mereka yang dijatuhkan hukuman penjara oleh mahkamah kerana melakukan kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya dan Undang-undang yang lain seperti Kanun Keseksaan (Penal Code), Ordinan Kesalahan-kesalahan Kecil (Minor Offences Ordinance) dan sebagainya yang juga merupakan penagih-penagih adalah dikehendaki menjalani rawatan dan pemulihan yang disediakan oleh pihak berkuasa penjara.

##### 6. *Hukuman Gantung*

Dari tahun 1975-1984 seramai 73 orang telah menerima hukuman gantung di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952. Dari jumlah ini seramai 4 orang telah menerima hukuman penjara seumur hidup (selepas rayuan), 3 orang telah dibebaskan oleh mahkamah persekutuan, 29 orang telah menjalani hukuman gantung dan 36 orang lagi berada di penjara sementara menunggu keputusan rayuan. Seorang lagi telah menjalani hukuman gantung pada bulan Januari tahun 1985.

#### **BANGUNAN MAHKAMAH- MAHKAMAH YANG U'ZUR**

33. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Kehakiman menyatakan sama ada beliau sedar kebanyakan bangunan-bangunan Mahkamah Tinggi dan

Rendah (Magistrates Courts) di seluruh negara berada dalam keadaan uzur dan tidak memuaskan dari berbagai aspek kegunaan sebagai sebuah mahkamah, jika ya, adakah Kerajaan akan membaiki taraf dan kedudukan bangunan-bangunan ini selaras dengan kemajuan negara kita.

**Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James Ongkili):** Ya, saya sedar ada terdapat mahkamah-mahkamah yang dalam keadaan uzur dan tidak memuaskan. Kelemahan-kelemahan dan kekurangan-kekurangan ini adalah, antara lain, disebabkan peruntukan yang mencukupi belum pernah diberi untuk membina mahkamah-mahkamah baru ataupun membaiki mahkamah-mahkamah yang sedia wujud semenjak negara mencapai kemerdekaan 27 tahun yang lalu. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, saya sedang melawat semua negeri untuk meninjau dengan teliti kelemahan-kelemahan dan kekurangan-kekurangan Jabatan Kehakiman ini.

Tindakan-tindakan sedang dan akan diambil untuk memperbaiki keadaan ini iaitu dengan cara membina bangunan baru bagi menggantikan mahkamah-mahkamah yang uzur atau mengubahsuai dan memperbaiki bangunan-bangunan mahkamah yang tidak sempurna.

### **PENUNGGANG MOTOSIKAL WANITA BERTELEKUNG LABUH**

**34. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa:

- (a) ada penunggang motosikal kalangan wanita dengan bertelekung labuh yang menyelubungi badan, ada kalanya menutup mukanya

sekali; dan kemungkinannya hujung-hujung telekung yang labuh itu termasuk ke dalam celah-celah lidi motosikal yang sedang laju itu; dan

- (b) penunggang motosikal dengan pemboncengnya mendukung atau meriba anak kecil yang diletakkan di celah apitan antara si penunggang dan pembonceng yang mana ini adalah suatu keadaan yang amat merbahaya; jika sedar, nyatakan sama ada kerajaan akan menerapkan suatu garis panduan bagi penunggang-penunggang dan pembonceng motosikal mengenai perlakuan-perlakuan yang menyalahi undang-undang seperti itu oleh kerana ia banyak berlaku terutama sekali dalam perjalanan antara bandar ke satu bandar.

### **Puan Hajjah Rahmah binti Othman:**

- (a) Sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa pihak-pihak yang menguatkuasakan undang-undang lalulintas jalan sehingga kini belum lagi mengesan adanya penunggang-penunggang motosikal di kalangan wanita dengan bertelekung labuh yang menyelubungi badan dan hujung-hujung telekung yang labuh itu termasuk ke dalam celah-celah lidi motosikal yang sedang dipandu itu.

Jarang-jarang sekali kelihatan penunggang motosikal di kalangan wanita dengan telekung labuh yang menyelubungi badan dan ada kalanya menutup mukanya sekali. Tidak dinafikan bahawa jika penunggang-penunggang motosikal di kalangan wanita dengan bertelekung labuh yang menyelubungi badan dan

hujung-hujung telekung yang labuh termasuk ke dalam celah-celah lidi motosikal yang sedang dipandu itu boleh mendatangkan bahaya dan kejadian ini adalah sentiasa diawasi oleh pihak-pihak penguatkuasaan berkenaan yang juga sentiasa menasihatkan mereka yang terlibat supaya tidak berbuat demikian.

- (b) Pihak Kementerian Pengangkutan memang menyedari bahawa ada penunggang motosikal dengan pemboncengnya mendukung atau meriba anak kecil yang diletakkan di celah apitan antara si penunggang dengan pembonceng yang mana ini adalah suatu keadaan yang amat merbahaya. Kebanyakannya adalah berlaku dalam kawasan-kawasan luar bandar. Perbuatan sedemikian memanglah sangat merbahaya dan perlakuan-perlakuan itu adalah menyalahi undang-undang. Garispanduan bagi penunggang dan pembonceng motosikal memang sedia terdapat dalam Undang-undang Lalulintas Jalan serta Kaedah-kaedah dan Peraturan-peraturan yang diperbuat di bawah Ordinan Lalulintas Jalan 1958.

#### PENYELEWENGAN WANG BMF

**35. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) setakat ini berapa buahkah syarikat yang telah diminta Mahkamah menahan/membeku harta bendanya kerana terlibat dengan penyelewengan wang BMF;

(b) berapa jumlah harta benda yang telah diperintah untuk dibekukan oleh pihak Mahkamah; dan

(c) berapa orang Pegawai yang terlibat dengan penyelewengan kes BMF ini yang telah diambil tindakan seperti:

- (i) menahan harta benda dan perjalanan mereka; dan  
(ii) ditangkap atau dalam jaminan.

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Sehingga hari ini sebanyak 90 buah syarikat telah diperintahkan oleh Mahkamah menahan/membekukan harta bendanya dan jumlah harta benda itu belum lagi ditentukan nilainya. Sementara saman perintah untuk menahan/membekukan harta benda telah diambil ke atas 4 orang bekas pegawai Bank dan/atau BMF (Hong Kong). Tindakan menangkap atau menahan surat-surat perjalanan mereka belum lagi diambil memandangkan kajian teliti sedang dibuat oleh pihak berkuasa ke atas laporan-laporan yang dibuat oleh Bank Bumiputra Malaysia Bhd.

#### PENGANUT AGAMA DI MALAYSIA

**36. Tuan Ng Cheng Kuai** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilangan dan peratusannya bagi penganut-penganut agama-agama masing-masing di Malaysia; dan  
(b) apakah usaha Kerajaan (dan hasilnya) dalam mengujudkan persefahaman antara agama.

**Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri (Tuan Mustaffa bin Mohammad):**

- (a) Mengikut Banci Penduduk Tahun 1980, bilangan dan peratus penganut-penganut agama di negara ini ialah:

Agama	Bilangan	Peratus
Islam .. .. .	6,918,307	52.93
Kristian .. .. .	842,990	6.45
Hindu .. .. .	920,393	7.04
Buddha .. .. .	2,265,456	17.33
Confucianism/Taoism lain agama tradisi orang Cina	1,518,683	11.62
Agama suku kaum/folk (Orang Asli)	259,455	1.99
Agama-agama lain (Sikh, Sai Baba)	69,750	0.53
Tiada Beragama (Atheis)	275,383	2.11
<b>JUMLAH ..</b>	<b>13,070,372</b>	<b>100.00</b>

- (b) Di negara ini, persefahaman antara agama boleh dikatakan sentiasa wujud sejak dahulu lagi. Selaras dengan Perlembagaan Malaysia tidak ada sebarang sekatan dikenakan oleh mana-mana pihak kepada penganut sesuatu agama untuk mengamalkan agama mereka masing-masing. Dalam usaha untuk memupuk lagi persefahaman serta perasaan menghormati pengalaman agama-agama dalam negara ini, Jabatan Perpaduan Negara telah menubuhkan satu Jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Antara Agama. Jawatankuasa ini bolehlah dianggap sebagai satu forum untuk berbincang serta bertukar-tukar maklumat-maklumat mengenai perkara-perkara yang boleh menjejaskan keharmonian masyarakat.

- (b) Oleh kerana pemupukan persefahaman antara agama

adalah satu proses berpanjangan, maka kita tidak dapat menentukan tahap pencapaiannya. Namun begitu Kerajaan sentiasa mengambil berat di atas peningkatan persefahaman antara agama ini. Misalnya dalam mengkaji-kaji serta mengatasi masalah yang ditimbulkan dari isu-isu yang menyentuh kesucian/kebebasan agama tertentu, pernah ahli-ahli Jawatankuasa Antara Agama ini dijemput memberi pandangan mereka masing-masing. Dengan lain perkataan, peningkatan persefahaman antara agama dapat dikatakan berkesan. Buktinya ialah bahawa walaupun negara ini diduduki oleh rakyat berbilang agama, sebarang persengketaan bercorak keagamaan seperti di negara-negara lain yang sedang bergolak, tidak pernah berlaku di negara ini.

**ASEAN—PERBINCANGAN  
MENTERI LUAR**

**37. Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah perbincangan dan keputusan yang dicapai oleh Menteri-menteri Luar ASEAN semasa mesyuarat khas di Bangkok baru-baru ini dan adakah benar ASEAN akan mengadakan pakatan ketenteraan sekiranya salah sebuah negara-negara ASEAN diganggu atau dicerobohi oleh musuh. Dan sejauh manakah keputusan mesyuarat tersebut telah dihormati oleh negara Vietnam terutama dalam konsep kemerdekaan dan kebebasan yang dipegang teguh oleh negara kita dan negara-negara ASEAN yang lain.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Saya mohon izin memaklumkan bahawa jawapan kepada soalan ini telah pun di jawab di

Dewan ini pada 26hb Mac 1985 ketika Menteri Luar menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kemaman. Saya tidak ada sebarang tambahan kepada jawapan tersebut.

### INDUSTRI DI SARAWAK— PERTUMBUHAN

**38. Dr George Chan Hong Nam** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bahawa memandangkan Negeri Sarawak adalah kaya dengan sumber-sumber tenaga gas dan petroleum dan ia masih jauh ketinggalan dari segi perindustrian dan perkilangan, apakah galakan-galakan dan insentif-insentif yang sedang atau akan diberi oleh Kerajaan Persekutuan untuk menubuhkan industri-industri yang boleh mengekspolitasikan sumber-sumber tenaga tersebut atau lain-lain industri yang berkaitan di situ.

**Dato Oo Gin Sun:** Sebagai sebahagian daripada strategi pembangunan perindustrian, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menyelerakkan industri-industri ke kawasan-kawasan kurang maju dengan tujuan mencapai pertumbuhan perindustrian yang seimbang di antara kawasan-kawasan. Berdasarkan kepada kelulusan-kelulusan yang telah diberi oleh Kementerian saya dari tahun 1971-1984, Sarawak mempunyai jumlah projek yang memuaskan. Di antara negeri-negeri kurang maju, Sarawak mempunyai bilangan projek-projek yang kedua tingginya (340 projek atau 22.0 peratus daripada projek-projek yang diluluskan untuk negeri-negeri kurang maju) dan jumlah cadangan modal pelaburan yang tertinggi (\$4,414.8 juta atau 29.8 peratus). Sebenarnya, jumlah cadangan modal pelaburan di Sarawak sebanyak \$4,414.8 juta merupakan yang kedua tingginya di antara semua negeri-negeri di Malaysia.

Seperti Ahli Y.B. sedia maklum, terdapat beberapa jenis galakan untuk sektor perkilangan, di bawah Akta Galakan Pelaburan, 1968 dan Akta Cukai Pendapatan, 1967. Ini termasuk:

Galakan-galakan di bawah Akta Galakan Pelaburan, 1968—

1. Taraf Perintis.
2. Pengecualian Cukai kerana Menggunakan Buruh.
3. Galakan Tempat Kedudukan.
4. Kredit Cukai Pelaburan.
5. Galakan Eksport yang terdiri daripada Elaun Eksport, Potongan Untuk Galakan Eksport dan Elaun Susutan Dipercepatkan.
6. Elaun Modal Tambahan.
7. Galakan Khas Untuk Industri-industri Pertanian Yang Diluluskan.

Galakan-galakan di bawah Akta Cukai Pendapatan, 1967—

1. Elaun Pelaburan Semula.
2. Elaun Penanaman (Plantation Allowance).
3. Galakan-galakan untuk Penyelidikan dan Pembangunan.
4. Galakan untuk Melatih Pekerja-pekerja.
5. Elaun Bangunan Perindustrian untuk gudang-gudang dan tempat-tempat yang digunakan bagi menyimpan barang-barang untuk eksport.
6. Elaun Susutan Dipercepatkan.

Walaupun galakan-galakan ini disediakan untuk semua jenis aktiviti-aktiviti perkilangan, penekanan sekarang diberikan ke atas penggalakkan industri-industri yang berasaskan sumber asli yang bererti bahawa galakan-galakan adalah digunakan untuk menggalakkan

industri-industri seperti ini. Pada masa yang sama, projek-projek seumpama yang ditempatkan di kawasan-kawasan kurang maju, seperti Sarawak, adalah diberi pertimbangan istimewa dalam pemberian galakan-galakan. Di samping itu projek-projek yang ditempatkan di “Kawasan-kawasan Galakan Tempat Kedudukan” dan “Kawasan-kawasan Pembangunan” adalah layak untuk mendapat galakan-galakan tambahan berbanding dengan projek-projek seumpama yang ditempatkan di luar kawasan ini.

### **BANK BUMIPUTRA—PINJAMAN**

**39. Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sama ada benar atau tidak Bank Bumiputra mempunyai masalah pinjaman dalam negeri yang seburuk Skandal BMF sebagaimana yang didakwa oleh bekas Perdana Menteri Tun Hussein Onn;
- (b) jumlah wang pinjaman dalam negeri yang sedang didapatkan kembali melalui tindakan undang-undang; dan
- (c) jumlah wang pinjaman buruk sehingga hari ini yang telah dihapuskan.

**Dato' Sabbaruddin Chik:**

- (a) Adalah tidak benar kenyataan bahawa Bank Bumiputra Malaysia Bhd., menghadapi masalah pinjaman dalam negeri yang sama dan seburuk pinjaman yang dikeluarkan oleh BMF (Hong Kong).
- (b) Semua pinjaman Bank Bumiputra Malaysia Bhd., diiktiraf sebagai pinjaman yang baik dan tindakan undang-undang hanya akan diambil terhadap akaun-akaun yang tidak dijelaskan dengan baik, jika ada.

- (c) Sementara jumlah pinjaman yang buruk pula adalah terkawal, seperti juga di bank-bank lain.

### **PERSATUAN BAHASA CINA UNIVERSITI MALAYA**

**40. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada terdapat sebarang permohonan untuk menubuhkan semula Persatuan Bahasa Cina Universiti Malaya, dan sebab-sebab mengapa persatuan tersebut tidak ditubuhkan semula.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Permohonan untuk menubuhkan semula Persatuan Bahasa Cina Universiti Malaya memang ada diterima. Bagaimanapun Ahli Yang Berhormat sedia maklum atas faktor-faktor keselamatan, persatuan itu telah ditutup. Oleh hal yang demikian, membukanya semula memerlukan pertimbangan yang teliti dan mengambil masa.

### **PETROLEUM—MENGURANGKAN PENGELOUARAN**

**41. Dato Jamaluddin bin Haji Suhaimi** minta Perdana Menteri menyatakan bahawa Malaysia bukan ahli Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Minyak (OPEC) mengapa kita mengambil langkah seperti keputusan ahli-ahli OPEC yang mengurangkan pengeluaran minyaknya masing-masing, tambahan pula hasil minyak Malaysia masih rendah jika dibandingkan dengan hasil minyak negara-negara OPEC. Adakah kita diseru supaya berbuat demikian oleh OPEC atau sekadar menunjukkan sokongan kepada usaha-usaha mereka.

[Sila lihat Jawapan No. 1 26-3-85].

## RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

### RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dan bagi membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

### RANG UNDANG-UNDANG MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Pelajaran; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

## USUL

### UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, mohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan

berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Keenam”. (26hb Mac, 1985).

3.37 ptg.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas, sila teruskan ucapan.

3.38 ptg.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Padang Rengas):** Bismillahir-rahmanir-rahim. Assalamu Alaikum Warahmatullaahi Taala Wabarakaatuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menyambung ucapan saya pada sebelah petang semalam.

Tuan Yang di-Pertua, di samping menyokong usul ucapan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kemaman, saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Baginda yang walaupun ringkas Titah ucapannya tetapi bernas, padat dan mencakupi seluruh inspirasi rakyat dan negara seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, Parlimen adalah merupakan lambang kekuatan dan tanggung demokrasi negara kita selama lebih sesuku abad, sistem ini berperanan memenuhi hasrat rakyat untuk hidup di dalam suasana aman dan tenteram di samping menikmati berbagai-bagai kemudahan dan kemajuan dalam semua bidang.

Kita bersyukur kepada Allah atas nikmat dan rahmat kurniaannya mudah-mudahan Allah akan

menambahkan lagi nikmat dan rahmatNya sepertimana yang dijanjiNya di dalam Al-Quran dengan izin, yang bermaksud: Barang siapa yang syukurkan nikmatKu akan Ku tambah berganda-ganda lagi tetapi sebaliknya barang siapa yang kufurkan nikmatKu akan terimalah azab yang pedih.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga dan seluruh rakyat negara ini seharusnya terhutang budi dan berterima kasih kepada pucuk pimpinan negara yang telah mengasaskan dasar pemerintahan yang bijaksana, sehingga kita dapat menikmati berbagai-bagai kemudahan yang ada pada hari ini. Tetapi di samping itu kita juga harus insaf dan sedar bahawa ramai dari kalangan rakyat di beberapa buah negara di dunia ini yang terpaksa menanggung penderitaan dan mengalami berbagai-bagai kesengsaraan sekalipun mereka telah berjaya melepaskan negara mereka dari belenggu penjajahan.

Nasib mereka ini tidak ubah seperti kata pepatah Melayu terlepas dari mulut harimau masuk ke mulut buaya. Contohnya, seperti apa yang dialami oleh rakyat dahulunya dikenal dengan nama Indo China sebuah negara yang makmur dapat mengeluarkan atau mengeksportkan hasil beras sekurang-kurangnya ke rantau Asia ini tetapi hari ini mereka berada di dalam penuh kebimbangan, ketakutan dan ada di antaranya yang tidak mampu lagi untuk tegak dan hidup di tanahair mereka sendiri.

Walaupun pepatah Melayu mengatakan hujan emas di negeri orang, hujan keris-lembing di negeri sendiri lebih baik negeri sendiri, tetapi tidak kepada orang-orang di Laos, Vietnam, Kampuchea dan sebagainya. Mereka sanggup menggadai nyawa mengharungi lautan semata-mata untuk menyambung hidup akibat daripada kesengsaraan yang

ditanggung akibat oleh tersalah langkah pucuk pimpinan negara mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini, saya suka menyebutkan kajian yang telah dibuat oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu baru-baru ini di mana laporan itu telah menjelaskan bahawa pertikaian senjata telah meragut 21 juta nyawa sejak berlakunya peperangan dunia kedua dahulu dan dalam pertikaian baru sehingga tahun 1983, kira-kira empat juta tentera sedang bertempur di 75 buah negara. Kebanyakan kemalangan itu berlaku di negara-negara yang sedang membangun dan negara-negara perindustrian.

Dalam tahun 1983 juga terdapat 40 pertikaian utama dan kecil telah dikenalpasti dan 8 buah negara mempunyai tentera masing-masing di bumi negara lain. Saya menyebutkan perkara ini supaya kita membuat suatu perbandingan bagaimana keselisaan hidup keadaan kita dan rakyat seluruhnya di negara kita yang bertuah ini.

Di samping itu supaya kita jangan terlalu ghairah dengan keadaan suasana yang wujud ini dan kita janganlah cuba menafikan segala nikmat-nikmat yang telah diberikan oleh Allah s.w.t. kepada kita di Malaysia kerana apa yang telah berlaku di beberapa buah negara dewasa ini sama ada seperti mana negara yang saya sebutkan tadi ataupun di Iran atau Iraq dan Afghanistan dan banyak lagi negara-negara di dunia ini janganlah kita fikirkan keadaan seumpama itu tidak akan berlaku di negara kita. Ini bukanlah suatu perkara yang mustahil, yang kalau sekiranya kita tersalah langkah bermakna kita menempuh penderitaan dan kesusahan.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya yang cetak ini, faktor utama yang menyebabkan banyak

rakyat dan negara-negara yang mengalami berbagai kesukaran dan penderitaan itu ialah oleh kerana mereka kurang mempunyai pemimpin-pemimpin yang boleh dianggap sebagai akitek negara, yang berkewibawaan, berpandangan jauh, bertanggungjawab dan jujur di samping menghadapi kemelesetan atau kemerosotan ekonomi di negara mereka masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam hubungan ini, sekali lagi kita bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana dengan limpah dan rahmat serta nikmatNya, maka di Malaysia ini telah dilahirkan beberapa orang pemimpin yang berkewibawaan, jujur, bertanggungjawab dan berkalibar dan berpandangan jauh. Mereka bolehlah dianggap sebagai akitek negara yang berjaya dan menduduki senarai yang setaraf dengan negarawan-negarawan dunia yang berjiwa besar.

Sebagai contoh sudah menjadi kelaziman, tidak ada kedudukan dan pangkat yang paling tinggi kepada mana-mana negara berdemokrasi selain daripada Perdana Menteri. Tetapi Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj oleh kerana cintakan negara dan bangsa serta agama, oleh kerana menginsafi akan kemampuannya bagi menerima amanah dan tanggungjawab, walaupun jawatan yang didudukinya itu paling tinggi, mempunyai berbagai-bagai kemudahan, beliau sanggup menyerahkannya dengan hati yang tulus ikhlas kepada Allahyarham YAB Tun Abdul Razak bin Hussein. Sebenarnya sejak beberapa tahun sebelum penyerahan itu Tunku berperilaku menyatakan hasrat untuk meletakkan jawatan, tetapi ahli-ahli UMNO meminta beliau supaya meneruskan kerana pimpinan dan tenaganya masih diperlukan. Sesudah dua-tiga tahun beliau meminta,

merayu supaya Allahyarham Tun Abdul Razak mengambil alih pucuk pimpinan. maka barulah Tun menerimanya. Dan kita lihat juga selepas kematian Tun Abdul Razak sebagai bapa pembangunan negara. Tun Hussein Onn telah memangku jawatan itu menerajui negara. Tun Hussein Onn juga sanggup melepaskan jawatan, menyerahkan kepada kepimpinan baru, kepada Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr Mahathir Mohamad. Sikap yang seumpama ini tidak dapat dilakukan kalau sekiranya manusia itu tidak benar-benar berjiwa besar.

Kita tahu di setengah-setengah negara ada yang telah mengisytiharkan kepada dunia mahu menjadi Presiden seumur hidup dan terus memegang kuasa sekalipun mereka sedar bahawa mereka tidak mempunyai keupayaan. Inilah tuah yang diterima oleh rakyat Malaysia. Pada hal di setengah-setengah negara, di sinilah letaknya punca pertelagahan di antara pucuk pimpinan di dalam sesebuah negara itu sehingga rakyat diperalatkan. Bak kata pepatah Melayu, gajah sama gajah berjuang, pelanduk mati di tengah-tengah. Inilah kebanyakan yang berlaku kerana kepimpinan mereka itu asyik berebut pangkat, berebutkan kedudukan, mementingkan diri sendiri daripada kepentingan bangsa dan negara, mengakibatkan rakyatlah yang menanggung segala risikonya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan perwatakan yang berhemah tinggi yang ditunjukkan oleh mereka-mereka seperti yang saya sebutkan tadi, maka dengan mudahnya mereka dapat mempengaruhi hati rakyat di negara ini di samping merancang pembangunan negara dengan penuh cermat dan teliti serta mengawasi pelaksanaannya dengan penuh kebijaksanaan.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita mengikut corak kepimpinan mereka walaupun kadangkala agak berbeza-beza tetapi mereka tidak pernah mengubah arah perjuangan yang diasaskan, yang diilhamkan oleh rakyat atau parti-parti mereka, iaitu untuk membentuk sebuah negara yang aman, sebuah negara yang makmur dan bersatu padu. Inilah matlamat dan inilah hasrat yang dkehendakki oleh mana-mana juga manusia yang menjadi rakyat bagi sesebuah negara di dalam dunia ini. Kalimah ini sungguhpun pendek tetapi amat sukar untuk diamalkan, tambahan pula di dalam sebuah masyarakat majmuk seperti di Malaysia. Bukan mudah untuk melahirkan sebuah negara dan Kerajaan yang adil, negara yang aman dan makmur, di dalam masyarakat berbilang kaum, berlainan keturunan dan sebagainya. Hanya mereka yang benar-benar berjiwa besar sahaja yang mampu mencapai kejayaan atau matlamatnya.

Tuan Yang di-Pertua, usaha ke arah perpaduan adalah merupakan teras utama ke arah pembangunan dan keharmonian negara kita. Bagi kita umat Islam, usaha ke arah pembangunan ini bukan sahaja dituntut oleh masyarakat tetapi sebenarnya dituntut oleh agama kita. Tuhan telah berfirman di dalam Al-Quran, dengan izin, yang bermaksud, "Hendaklah kamu berpegang teguh kepada tali Allah (agama Islam), jangan bercerai-berai, jangan berpecah-belah". Di bawah kalimah inilah pemimpin-pemimpin Melayu bergerak dari satu negeri ke satu negeri dan ke seluruh cerok rantau negara ini bagi menyatupadukan seluruh umat Islam yang berbangsa Melayu di negara ini. Dan di bawah kalimah inilah juga pemimpin-pemimpin melahirkan apa yang dikenal dengan nama Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau UMNO. Dalam tempoh hampir 40

tahun, ianya telah berkembang dengan pesat sehingga kini keahliannya telah meningkat lebih daripada sejuta orang yang terdiri daripada berbagai-bagai peringkat masyarakat, sama ada alim-ulama, cerdik-pandai, kakitangan Kerajaan, petani-petani, nelayan-nelayan, peniaga-peniaga dan semua lapisan masyarakat ada di dalam Barisan UMNO ini. Saya menyebut perkara ini bukanlah kerana hendak menunjuk bangga atau angkuh atau takabur, tetapi semata-mata hendak menyatakan bahawa kita bekerja, berusaha untuk menuntut keredhaan Allah s.w.t. kerana Allah melarang kita daripada bercerai-berai atau berpecah-belah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, dasar luar negara kita juga banyak mempengaruhi keselamatan dan kedaulatan sesebuah negara. Sekali lagi kita bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan taufik dan hidayahnya telah memberikan ilham yang berguna kepada pucuk pimpinan negara kita iaitu mewujudkan satu konsep "aman, bebas dan berkecuali" serta tidak mencampuri hak kedaulatan lain-lain negara di dunia ini. Dengan lain-lain perkataan, Malaysia ingin bersahabat dan berbaik-baik dengan semua negara, dengan semua masyarakat dunia tanpa mengira apa anutan politik, fahaman agama dan sebagainya asalkan mereka tidak menjalankan usaha-usaha ke arah perkara-perkara yang boleh menjejaskan perikemanusiaan.

Kita telah menyertai apa yang dikatakan kumpulan negara-negara bekecuali. Walaupun pada mulanya negara-negara ini diwujudkan, atau kumpulan-kumpulan negara ini diwujudkan, suaranya tidaklah berapa diambil perhatian oleh kebanyakan negara-negara apa yang dikatakan kuasa-kuasa besar dunia. Akan tetapi

keadaan ini telah berubah di mana pendapat-pendapat daripada negara-negara berkecuali atau negara-negara kecil ini tidak lagi dipandang ringan dan dianggap sepi oleh negara-negara yang menganggap dirinya kuasa-kuasa besar. Malah suara-suara dari negara keucali ini telah diiktiraf sebagai suara dunia ke tiga. Kita bersyukur kepada Allah s.w.t.

Jika semasa menentukan dasar luar negara dahulu, pemimpin-pemimpin kita tersalah langkah dengan menyebelahi mana-mana blok dunia sama ada blok Barat ataupun blok Timur maka sudah tentu negara kita akan terperangkap menjadi medan pertarungan, perebutan kuasa-kuasa besar dunia, seperti yang berlaku di kebanyakan negara-negara di dunia ini. Akibatnya rakyat sebagaimana yang saya katakan tadi akan terus menanggung penderitaan dan kesengsaraan yang tidak tahu akan untung nasib dan keturunannya bagi masa yang akan datang. Sikap untuk berbuat baik kepada semua negara dan bersahabat dengan semua manusia di dunia ini mengikut pandangan Islam adalah satu tuntutan Allah. Allah s.w.t. telah berfirman di dalam Al-Quran yang bermaksud, "Hendaklah kamu berbuat baik kepada semua makhluk Allah di bumi ini sepertimana Allah berbuat baik kepada kamu". Inilah ajaran Allah. Inilah ajaran yang dibawa oleh Muhammad, Rasul pilihan, Nabi besar Muhammad s.a.w. kepada seluruh manusia. Memanglah kelahiran Muhammad benar-benar membawa rahmat kepada umat manusia, kerana kalau kita membaca sejarah manusia zaman Kelahiran Rasul-rasul dahulu apabila manusia melakukan sesuatu yang melanggar ajaran-ajaran Allah maka dengan serta-merta mereka akan menerima azab seperti umat-umat Nabi Nuh telah tenggelam di dalam lautan; yakni bah yang terbesar di dunia.

Tetapi dengan kelahiran Muhammad, manusia akan selamat sepertimana Tuhan telah berfirman dalam Al-Quran, dengan izin, yang bermaksud:

"Tidak kami utuskan engkau wahai Muhammad melainkan untuk menjadi rahmat kepada seluruh alam".

Oleh sebab itu, walaupun ada orang-orang yang membuat perkara yang mungkar maka Tuhan tidak balaskan dengan serta merta tunggulah di akhirat kelak, kerana rahmat kelahiran Muhammad tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya garis-garis dasar negara sama ada di dalam atau luar negeri adalah selaras dengan tuntutan agama kita yang maha suci. Maka sebab itulah dahulunya dikenal dengan nama Kerajaan Perikatan dan sekarang Barisan Nasional sentiasa mendapat restu daripada Allah s.w.t. di mana ianya telah berjaya mengekalkan rekod dalam dunia demokrasi mencapai kejayaan yang gilang gemilang. Dalam setiap kali pilihanraya yang diadakan di negara ini sebanyak lapan kali berturut-turut dan berjaya mengekalkan pemerintahan negara lebih daripada sesuku abad. Kejayaan yang seumpama ini hanya boleh dicapai oleh sebahagian kecil sahaja negara-negara di dunia ini. Saya menyebutkan perkara ini sekali lagi bukanlah kerana takabul, bukanlah kerana menunjukkan angkuh, megah dan sebagainya, hanyalah sebagai satu kenangan kesyukuran atas nikmat dan rahmat Allah. Kerana kalau kita selalu mengingati Allah, Allah akan mengingati kita sebagai mana firmanNya, yang bermaksud:

"Ingatlah selalu kepada Ku supaya Aku ingat kepada mu".

dalam surah Albakarah, ayat 152.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kepimpinan yang lalu telah menggariskan dasar-dasar dalam dan luar negara kita selaras dengan tuntutan agama kita yang maha suci dan terbukti mendapat restu daripada Allah s.w.t. maka tidak ada sebab kita mesti melengah-lengahkan penerapan nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran negara sekarang ini. Kerana sungguhpun kita boleh berusaha mengekalkan kekuasaan kita memerintah negara kita tetapi yang pasti menjadi kuasa penentunya oleh Allah s.w.t. sendiri sepertimana firmanNya di dalam Al-Quran surah Alhimran, dengan izin, yang bermaksud:

“Katakanlah oleh mu wahai Muhammad, wahai Tuhan yang mempunyai kuasa pemerintahan, Engkaulah yang berkuasa memberi kuasa pemerintahan kepada siapa yang Engkau kehendaki. Engkaulah berkuasa mencabut kuasa pemerintahan daripada siapa yang Engkau kehendaki. Engkaulah juga yang memuliakan kepada siapa yang Engkau kehendaki. Engkaulah juga yang menghinakan kepada siapa yang Engkau kehendaki. Di dalam kekuasaan Engkaulah segala kebaikan. Sesungguhnya Engkau berkuasa di atas tiap-tiap sesuatu”.

Inilah firman Tuhan yang bermaksud, manusia itu tidak mampu untuk mempertahankan Kerajaannya sekalipun mereka mempunyai wang, mempunyai tenaga, mempunyai segala-gala kemudahan. Contohnya banyak, berapa ramai orang-orang kaya yang bertanding dalam pilihanraya atas tiket bebas, kononnya mereka kuat, mereka gagah, mereka banyak wang, mereka cerdik, mereka pandai tetapi mereka tewas, kerana Inallah haala kullisyaien kadir—Allah ta'ala berkuasa di atas tiap-tiap sesuatu.

Memandangkan ayat ini bermakna Kerajaan kita ini adalah mendapat restu daripada Allah, kerana kita menjalani sebagaimana dasar yang saya sebutkan tadi, dasar-dasar yang selaras dengan kehendak Allah. Kita bersatu padu di bawah kalimah walatafaraku. Kita mengadakan hubungan dengan Bangsa-bangsa Bersatu di bawah kalimah, yang bermaksud:

“Berbuat baiklah kamu dengan semua makhluk di bumi Allah sepertimana Allah berbuat baik kepada kamu”.

Dan sekarang ini kita akan menjalankan penerapan nilai-nilai Islam ke dalam pentadbiran dan insya Allah dalam kehidupan rakyat seluruhnya.

Kita lihat walaupun PAS mendabik dada hendak menjalankan Islam tetapi oleh sebab mereka telah melanggar kalimah walatafaraku—Allah melarang jangan berpecah-belah tetapi mereka berpecah-belah. Misalnya daripada PAS lahirnya Berjasa, daripada PAS lahirnya Hamim, akhirnya Kerajaan di Kelantan, Kerajaan di Terengganu dirampas kembali oleh Allah s.w.t. Kejatuhan Kerajaan di Kelantan dan di Terengganu bukan kerana sangat kebijaksanaan pemimpin-pemimpin UMNO tetapi kerana PAS sendiri telah melanggar perintah Allah, mulut bercakap menjalani Islam, tindakan dan perlakuannya menyeleweng dari Islam.

Kepada masyarakat bukan Islam mereka tidak perlu merasa bimbang kerana Islam adalah satu agama perdamaian dan kesejahteraan. Kalau terdapat negara-negara Islam yang dianggap tidak cukup, kata orang Indonesia, tidak sesuai, tidak bagus bukan kerana salah Islam kerana salah pemimpin-pemimpin negara itu telah menyeleweng daripada ajaran Islam yang hakiki, Islam yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai anggota Dewan yang mulia ini saya merayu dan mendesak supaya langkah-langkah yang positif hendaklah diambil oleh pihak Kerajaan ke arah pelaksanaan penerapan nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran negara dan diikuti dengan kehidupan rakyat seluruhnya, kerana itu adalah tuntutan Allah sebagaimana perintahnya dalam Al-Quran ayat Surah Ali Imran 104, dengan izin, yang bermaksud:

“ . . . . . dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru kepada kebajikan (mengembangkan Islam) dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik serta melarang segala perkara yang keji dan perkara yang buruk dan mereka yang bersifat demikian adalah orang-orang yang berjaya”.

Ini firman Tuhan. Oleh sebab itu kita tidak harus bertangguh-tangguh, tiada sebab untuk kita bertangguh-tangguh, biarlah kita mati dalam keadaan niat yang baik dan maut itu akan tiba bila-bila sahaja, kerana sebagaimana, firman Tuhan, yang bermaksud:

“Maut itu akan datang mencari kamu walaupun kamu berada di dalam benteng yang tinggi lagi kukuh”.

Tidak ada siapa yang dapat menangguh. Apabila Malaikatulmaut datang dia akan mengambil nyawa kita sekalipun di mana kita berada—burujen musyayadah. Oleh itu, sebelum kita mati kerana kita setiap perlakuan kita akan disoal, di depan Qadhi Rabul Jalil yang mempunyai penghakiman yang maha adil.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada penerapan nilai-nilai Islam, Baginda juga ada menyentuh mengenai sikap kesederhanaan Kerajaan. Dalam

perkara-perkara politik, ekonomi, sosial, keagamaan dan sebagainya. Di samping mengalu-alukan sikap Kerajaan itu, saya berpendapat sikap yang seumpama ini bukan sahaja perlu dipelihara tetapi harus dikekalkan sebagai satu budaya dalam pemerintahan negara. Kerana ia selaras dengan anjuran manusia agong kekasih Allah Nabi besar Muhammad s.a.w. menerusi sabdanya yang bermaksud:

“Sebaik pekerjaan itu adalah sederhana”.

Bagi saya sebagai seorang Islam tidak ada tolok bandingnya daripada apa yang dianjurkan oleh manusia kekasih Allah dan Rasul pilihan itu.

Hakikat ini telah ditegaskan oleh Allah dalam firmanNya Surah Al-Ahzab, ayat 21, dengan izin, yang bermaksud:

“Sesungguhnya adalah bagi kamu pada diri Rasul itu contoh ikutan yang baik”.

Tuhan telah mengatakan tidak ada tempat, tidak ada contoh yang paling baik yang seharusnya diikuti oleh umat manusia di dunia ini melainkan apa yang dianjurkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. sebagaimana dalam FirmanNya uswatun hasannah.

Tuan Yang di-Pertua, hasil dari sikap kesederhanaan Kerajaan itu telah banyak melahirkan kebaikan kepada rakyat dan dapat dinikmati oleh negara seluruhnya. Sebagai contoh, menerusi sikap toleransi di dalam politik maka kita dapat menubuhkan sebuah Kerajaan yang paling stabil di rantau ini. Menerusi sikap berjimat-cermat dalam pengurusan dan pentadbiran negara, kita dapat membendung wabak inflasi dan kemaraan kemelesetan ekonomi yang melanda setiap rantau di dunia ini. Menerusi semangat kekeluargaan kita dapat memadam konfrantasi

Indonesia dalam tahun enam puluhan dan menamatkan kesan-kesan tragedi 13 Mei 1969. Menerusi konsep Aman, Bebas dan Berkecuali dalam perhubungan masyarakat antara-bangsa, kita berjaya menyelamatkan negara daripada menjadi medan pertarungan pengaruh kuasa-kuasa besar di dunia ini. Menerusi sikap liberal, terhadap penganut-penganut berbagai-bagai agama, kita dapat membentuk sebuah masyarakat yang harmoni dan saling bantu membantu serta tolong menolong di antara satu sama lain. Inilah bukti, inilah realiti atau kenyataan betapa baiknya sikap kesederhanaan itu diamalkan oleh mana-mana Kerajaan.

Walaupun negara kita sebagai sebuah negara yang unik yang mempunyai masyarakat berbilang kaum atau masyarakat majmuk tetapi kita hidup sebagai saudara sekandung. Walaupun ini kadangkala dinafikan oleh pihak DAP tetapi hakikatnya adalah nyata bahawa kita hidup sebagai saudara. Walaupun Ahli dari Kuala Lumpur Bandar daripada parti DAP tetapi bila kita keluar Dewan kita bermesra sambil berbual dan minum kopi. Inilah kebaikan yang ada. Begitu juga Ahli-ahli dari Kuching dan Kepong, bila berada di luar Dewan kita berbaik-baik, tidak ada pergaduhan. Oleh sebab itulah saya anjurkan supaya ini dijadikan sebagai satu budaya dalam pemerintahan negara. Hakikat ini patutlah diambil perhatian oleh generasi kepimpinan muda di masa hadapan. Janganlah cuba hendak meniru-niru cara-cara yang lain dalam kepimpinan negara kerana kalau tersalah langkah, buruk padahnya sepertimana yang saya sebut pada awal ucapan saya tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat adalah wajar setiap orang yang cintakan hidup rukun damai memberikan sepenuh-penuh sokongan

terhadap sikap kesederhanaan Kerajaan ini. Janganlah mengambil kesempatan untuk faedah diri atau politik masing-masing di samping menyalahafsirkan bahawa Kerajaan ini lemah dan tidak berani bertindak kepada sesiapa sahaja yang melaksanakan sebarang tindakan yang boleh menjejaskan keamanan negara dan keharmonian hidup masyarakat keseluruhannya.

Dalam hubungan ini saya menyokong sebarang tindakan yang telah, akan dan sedang diambil oleh Kerajaan ke atas mereka yang berani mencabar undang-undang. Mereka ini bolehlah dianggap sebagai kuman wabak penyakit masyarakat yang sangat merbahaya. Oleh itu tindakan yang positif perlu diambil untuk membendung. Jika tidak, masyarakat akan sakit dan terus lumpuh dan negara akan musnah dan hancur. Kerajaan tidak seharusnya merasa bimbang di atas tindakannya kerana itu adalah tuntutan Allah sepertimana FirmanNya yang bermaksud, hendaklah mencegah daripada membuat perkara-perkara yang mungkar, perkara-perkara yang keji, perkara-perkara yang tidak baik. Hanya kita boleh menyeru, menyuruh kepada perkara-perkara yang baik, perkara-perkara yang boleh dimanfaatkan kepada bangsa dan negara tetapi perkara-perkara yang tidak baik hendaklah dicegah seberapa yang boleh, setakat yang terupaya kerana Allah pun tidak memaksa kita. Tuhan berfirman yang bermaksud. Allah tidak memberati seseorang melainkan yang terdaya olehnya.

Tuan Yang di-Pertua, sewaktu saya mengikuti ucapan Ketua Pembangkang pada sebelah petang semalam, saya sungguh-sungguh merasa hampa kerana tidak ada satu pun idea-idea yang membina. Habis-habis pandai mencadangkan

penubuhan suatu Suruhanjaya Di-Raja bagi mengkaji perjalanan Parlimen selama 25 tahun yang lalu kerana katanya tidak memberi apa-apa faedah kepada rakyat walaupun banyak pemimpin-pemimpin negara dunia, sama ada negara-negara maju atau yang membangun, kagum dengan pencapaian yang didapati oleh negara kita.

Barangkali yang dimaksudkan, yang ditafsirkan dengan tidak ada apa-apa faedah boleh juga diterima kalau Ahli dari Kota Melaka itu kata tidak ada faedah, boleh jadi betul iaitu faedah kepada DAP sendiri tetapi rakyat dan ahli-ahli Barisan Nasional mendapat faedah yang banyak selama tempoh wujudnya Parlimen.

Dalam ucapan itu juga seolah-olah menggambarkan kegagalan pemimpin-pemimpin kita menadbirkan negara. Istilah ini memang boleh disebut kalau hendak dikatakan juga gagal, saya bolehlah kata gagal. Memanglah pemimpin-pemimpin kita gagal untuk memberi peluang kepada DAP memerintah negara—itu yang gagal semuanya dibolot. Yang lain, seperti membina negara, memberi faedah dan kebajikan kepada rakyat—semua berjaya. Gagalnya memberi faedah dan peluang kepada DAP memerintah negara. Sebab itulah walaupun sudah bertahun-tahun DAP berkecimpung dalam arena politik tanahair, belum sehari pun Tuhan mengizinkan DAP memerintah negara. Walaupun mereka berper-peri mengatakan parti merekalah yang baik tetapi Allah tetap mengatakan mereka tidak baik, sebab itulah sehari pun tidak pernah menjadi pemerintah dalam negara ini. Tetapi mereka mengaku dirinya pandai, dirinya bagus, dirinya baik. Saya teringat kepada satu kata bijak pandai: “Janganlah ikut orang yang mengaku dirinya baik, tetapi ikutlah orang yang ingin berbuat baik dan terus berbuat baik”.

Dalam hubungan ini saya tidak pernah mendengar pucuk pimpinan negara sejak daripada Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj kerana saya berkecimpung sejak zamannya sehingga empat Perdana Menteri dalam politik, tidak pernah mereka mengaku “Akulah yang baik”, menyalahkan orang ini tidak betul, itu tidak betul. Hanya mereka mengatakan, sama ada Tunku atau Allahyarham Tun Abdul Razak atau Tun Hussein atau Dato’ Seri Dr Mahathir untuk membuat kebaikan—Dato’ Seri Dr Mahathir umpamanya mengatakan: “Saya akan berusaha untuk memberi kebaikan kepada negara, bangsa dan agama”. Dia tidak kata pun dia baik, sampai ada orang tuduh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah Firaun. Siapakah itu Firaun? Firaun ialah orang yang pernah mengaku dirinya Tuhan. Bilakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengaku dirinya Tuhan? Itulah dahsyatnya manusia. Oleh sebab tiada modal dalam politik, tunggu pun dikatakan hantu. Inilah hakikatnya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang menarik perhatian saya dalam Titah Ucapan Baginda itu ialah mengenai kadar pertumbuhan ekonomi negara kita. Dalam tahun 1984, kadar pertumbuhannya lebih daripada 7% tetapi dalam tahun 1985 diramalkan hanya pada tahap 6% sahaja. Daripada tahun 1986 kadarnya akan terus menurun. Namun demikian kita tetap bersyukur akan nikmat Allah jika kita bandingkan dengan kadar pertumbuhan di setengah-setengah negara di dunia ini di mana diramalkan kadar pertumbuhannya hanya 3.4% sahaja. Di samping itu kita haruslah berusaha dan bertawakkal kepada Allah semoga kadar pertumbuhan negara tidak akan terus menurun ke tahap yang boleh melumpuhkan program-program pembangunan negara kita. Kita sedar

banyak faktor-faktor yang mempengaruhi pertumbuhan ekonomi negara kita. Setengah daripada faktor-faktor ini adalah di luar bidang kuasa dan keupayaan kita, umpamanya kadar pertumbuhan ekonomi yang rendah di negara-negara maju dan seterusnya kemelesetan ekonomi di lain-lain bahagian dunia. Ini kita tidak boleh berbuat apa-apa. Tetapi apa yang harus kita memberi perhatian yang lebih ialah peranan yang boleh kita lakukan di dalam negara kita sendiri. Di antaranya, yang pertama, mempertingkatkan daya pengeluaran negara sama ada di sektor awam atau badan-badan berkanun.

Kerajaan perlulah memastikan keupayaan dan kecekapan jentera Kerajaan yang ada sekarang sejauh manakah prestasi pencapaiannya berdasarkan matlamat yang dirancangkan. Apakah langkah yang positif perlu diambil jika terdapat sebarang kelemahan? Bagi kakitangan di sektor awam . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagikah?

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Sedikit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila teruskan.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Bagi kakitangan sektor awam, kita ada dengan INTAN untuk berusaha ke arah peningkatan daya pengeluarannya dari masa ke semasa. Mungkin jika terdapat sebarang kelemahan, langkah-langkah segera yang membina boleh diambil. Tetapi bagaimana halnya dengan kakitangan di badan-badan berkanun? Hingga setakat ini kalau tidak salah ingatan saya, kita mempunyai lebih daripada 60 buah badan-badan berkanun di peringkat pusat dan lebih daripada 200 buah badan-badan berkanun itu peringkat negeri-negeri. Untuk melahirkan tenaga pengurusan yang

cekap dan berwibawa, setakat ini badan-badan berkanun itu mengadakan program latihan secara bersendirian bagi menampung keperluan masing-masing, seperti, kalau tidak salah saya, FELDA di Trolak; RISDA di Kuala Lumpur dan sebagainya. Cara ini akan membabitkan perbelanjaan atau kos yang lebih tinggi jika semua badan-badan berkanun itu berbuat demikian.

Perkara ini patut diberi perhatian yang serius supaya negara tidak akan terus menanggung kerugian. Dalam hubungan ini saya mencadangkan supaya satu kajian dibuat untuk mengadakan satu pusat latihan yang khusus ala INTAN kerana dengan langkah yang seumpama itu saya berpendapat mungkin kosnya dapat dikurangkan dan dengan pemuatan latihan yang seumpama itu memudahkan perancangan jangka panjang dalam soal-soal penyelidikan, penggunaan alat-alat tenaga kepakaran dan penyelarasan kegiatan latihan supaya tidak berlaku sumber pembaziran latihan.

Untuk menjamin pengurusan yang cekap dan tepat pada sasarannya, saya menyokong pendapat yang diutarakan oleh Ketua Juru Audit Negara supaya Kerajaan patut menimbangkan penubuhan sebuah Lembaga Juru Audit Bebas untuk memeriksa setiap pengurusan kewangan dalam badan-badan berkanun itu. Dengan yang demikian, Kerajaan akan mendapat gambaran yang lebih jelas di samping membendung sebarang penyelewengan yang mungkin berlaku dan merugikan rakyat serta negara keseluruhannya.

Saya penuh berkeyakinan dengan adanya bimbingan yang betul dan bersistematik, serta pengawasan yang rapi di kalangan kakitangan di badan-badan berkanun itu, sama ada di segi pentadbiran, perancangan dan

pengurusan kewangan yang betul dan baik, usaha ke arah mempertingkatkan produktiviti di sektor tersebut lambat laun akan berjaya, insya Allah.

Satu perkara yang menarik perhatian saya berhubung dengan kakitangan di sektor awam itu ialah adanya saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita baru-baru ini di mana beliau mengatakan, kalau tidak salah ingatan saya, iaitu kakitangan di sektor awam ini akan dikurangkan kerana bilangannya terlalu besar, kini telah meningkat lebih daripada 800,000 orang daripada bilangan jumlah penduduk 15 juta orang. Jika dibandingkan dengan Indonesia, hanya 2 juta kakitangannya daripada jumlah penduduk 150 juta.

Saya tidak berhajat untuk mempertikaikan pendapat Yang Berhormat itu. Mungkin ada alasan-alasan yang dapat diterima, cuma saya inginkan beberapa penjelasan. Apakah pengurangan itu sudah mengambil kira tentang dasar penswastaan yang akan dilancarkan oleh Kerajaan? Atau memang bilangan yang ada itu sudah lebih daripada keperluan Kerajaan sekarang ini? Kerana sepanjang pengetahuan saya masih ada sungutan-sungutan di sana sini terutama oleh Ketua-ketua Jabatan sama ada di peringkat Pusat, Negeri dan Daerah yang mengatakan tentang kekosongan jawatan-jawatan di jabatan masing-masing disebabkan atau alasan-alasan kerana kemelesetan ekonomi negara.

Saya berharap jika benar dakwaan yang dibuat oleh Ketua-ketua Jabatan itu, Kerajaan mestilah menimbang dengan cermat setiap langkah ke arah pengurangan kakitangan itu. Kekurangan kakitangan di sektor awam itu bukan sahaja akan menjejaskan ekonomi negara tetapi akan mendatangkan kesan yang besar

terhadap kesejahteraan hidup rakyat di negara ini. Umpamanya dengan kekurangan doktor-doktor perubatan dan doktor-doktor pakar di Rumah-rumah Sakit Kerajaan sudah pasti akan mengakibatkan kesusahan kepada rakyat terutama mereka yang kurang bernasib baik dan menjadi sasaran utama dalam Dasar Ekonomi Baru negara kita. Demikian juga kakitangan-kakitangan di Pejabat-pejabat Tanah sudah tentu kerja-kerja memproses pengeluaran tanah akan terjejas dan ini akan membantut program pembangunan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang boleh dilakukan dan saya percaya sedang dilakukan ialah mempertingkatkan mutu barangan hasil buatan tempatan seperti mempertingkat daya pengeluaran yang tinggi dan mutu yang tinggi untuk dieksport ke luar negeri. Saya bersetuju dengan pendapat Kerajaan, kita tidak boleh lagi bergantung kepada kaedah-kaedah eksport yang lama secara tradisional bergantung kepada komoditi-komoditi yang ada. Kita perlu mengubah langkah dengan mengeksport barangan buatan daripada negara ini dan saya mengalu-alukan di atas usaha yang gigih yang sedang dijalankan oleh Kerajaan.

Sementara kita berjaya menembusi pasaran perdagangan bebas di luar negeri menerusi konsep perdagangan dua hala usaha-usaha ke arah perdagangan di dalam negeri perlulah diberi penekanan yang lebih.

Dalam hubungan ini saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah ke atas usaha-usaha yang dibuat oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bersabit dengan perkara ini di mana kempen penggunaan barang-barang sendiri sudah pun dimulakan dan satu pameran barang-barang buatan Malaysia akan

diadakan di Hotel Hilton pada 4hb April, 1985 yang akan datang ini kalau tidak salah ingatan saya.

Ini suatu langkah yang positif dan perlu diberi sokongan oleh semua rakyat di negara ini. Saya berharap kempen menggunakan barang-barang buatan sendiri ini mestilah diperluaskan dan dibuat secara berterus-terusan. Dan saya fikir ada baiknya pihak Kementerian Pelajaran akan mengambil ingatan berhubung dengan perkara ini kerana menyampaikan semangat cinta dan sukakan barang-barang sendiri ini eloklah diberi sejak dari awal-awal lagi. Bak kata Pepatah Melayu: "Melentur buloh biarlah dari rebung" kerana sehingga setakat ini sikap mendewa-dewakan barang-barang luar negeri ini masih begitu berleluasa terutamanya di kalangan mereka yang hidup mewah, seolah-olah barang-barang kita ini tidak mempunyai mutu dan nilai yang baik.

Jika boleh biarlah buku-buku cerita di sekolah yang mengandungi ciri-ciri pendekatan ke arah membentuk semangat cintakan kepada barang-barang buatan sendiri ini disemai pada peringkat sekolah rendah hinggalah sampai ke pusat pengajian tinggi.

Saya juga berseru kepada para sasterawan supaya dapat menanamkan semangat cintakan barang-barang buatan sendiri itu menerusi karya-karya mereka dan juga kepada semua media-massa sama ada pihak Kerajaan atau swasta akan turut melibatkan diri untuk menjayakan kempen barang-barang tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya kalau seluruh tenaga masyarakat di negara ini dapat digembelngkan menuju kepada satu arah bergerak di dalam satu barisan kepada satu matlamat, insya Allah lambat laun kita akan berjaya.

Kita pernah dengar bagaimana berjayanya mendiang Mahatma Ghandi dalam memperjuangkan semangat cintakan barang-barang buatan India. Mereka sanggup pakai dothi di tengah-tengah bandar London dan sebagainya walaupun hawanya sejuk. Inilah semangat yang kita perlu tanam kepada rakyat dalam negara kita.

Suatu hal yang mungkin menimbulkan masalah ialah keinginan orang ramai mahukan barang-barang yang baik tetapi harga mesti murah. Inilah satu masalah. Saya fikir kita perlulah bersabar, mungkin ini boleh diatasi sekiranya kita berjaya menembusi pasaran bebas dagangan luar negeri maka barang-barang keluaran kita akan dapat dibuat dengan banyak serta dengan mutu yang baik dan tinggi nilainya.

Kalau barang-barang keluaran itu dapat dibuat dengan banyak sudah pasti kosnya juga rendah dan Kerajaan bolehlah berunding dengan pihak-pihak pengilang-pengilang supaya dapat mengenakan harga yang murah. Tetapi selagi kita tidak mendapat pasaran ke luar negeri, mengeluarkan barang yang terlalu terhad bagaimana kita hendakkan harga murah dan mutunya baik; sudah tentu akan membebankan kepada pengusaha-pengusaha kita sendiri.

Ini saya rasa tidak adil. Kita perlu bersabar. Kalau kita mahu kebaikan kita mesti sanggup memberi pengorbanan. "Di manakan dapat sagunya kalau tidak dipecahkan ruyungnya". Inilah pepatah orang tua-tua. Kita mestilah sanggup berkorban buat sementara untuk membolehkan pengilang-pengilang kita mempertingkatkan mutu barangan dan mempertingkatkan produktiviti mereka sehingga dapat mengurangkan harga barang-barang itu dalam

pasaran-pasaran tempatan dan juga menembusi pasaran-pasaran bebas di luar negeri.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Panjang lagi Yang Berhormat?

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Sedikit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sudah dua kali sedikit. Sila teruskan.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Ketua Pemandangan semalam telah menuduh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita untuk menjadikan akhbar-akhbar di negara ini sebagai suara Kerajaan. Dakwaan ini adalah ekoran daripada kenyataan akhbar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menimbang semula dasar liberalnya terhadap penerbitan di negara ini. Ini adalah suatu tuduhan yang melulu. Apa yang digambarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya pihak akhbar haruslah mengambil kira tentang keselamatan negara di samping mengaut keuntungan. Isu-isu yang boleh mencetuskan perselisihan faham, pertelagahan kaum ataupun yang boleh memarakkan api perkauman hendaklah jangan disebarkan seluas-luasnya kerana kita takut peristiwa 13hb Mei akan berulang kembali. Kalau ini berlaku apakah keuntungan yang akan diharapkan oleh akhbar-akhbar. Bak kata Pepatah Melayu: "Harapkan untung sekarang, akan rugi seguni". Maaf, ini bukan semua akhbar-akhbar. Ada akhbar-akhbar yang tertentu sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila arahkan ucapan kepada saya.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Siapa makan cabai dia tentu berasa pedas. Oleh sebab itu saya rasa adalah wajar sebagai pucuk pimpinan yang

menerajui negara, yang memegang amanah rakyat daripada berbilang kaum untuk menasihatkan kepada anak buahnya supaya berwaspada kerana kita bimbang sebagaimana ucapan saya pada mula-mula tadi segala keburukan dan penderitaan yang dialami oleh negara-negara seperti Vietnam, Laos dan sebagainya tidak mustahil akan berlaku di negara kita kalau kita kurang cermat mengendalikannya negara ini.

Oleh itu setiap unsur yang boleh mencetuskan keadaan yang tidak diinginkan itu perlulah diawasi. Ini adalah wajar sebagai seorang bapa kepada anaknya. Tetapi Wakil dari Kota Melaka itu telah menyalah tafsir kononnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak menjadikan semua akhbar mengikut telunjuk Kerajaan. Ini satu dakwaan yang tidak betul.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Apakah salahnya sebagai seorang bapa atau pemimpin menasihatkan anak-anak? Kalau mereka boleh mengubah sikap maka sudah pasti tindakan tidak akan dibuat. Dasar liberal akan terus berkembang di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh satu perkara lagi . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Satu lagi?

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Satu lagi berkenaan dengan dadah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Satu lagi . . . .

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Ya. Menyentuh berkenaan dengan dadah, sukalah saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan menerusi Pasukan Polis

Cawangan Anti Dadah dan pihak-pihak yang telah memberikan sumbangan untuk membanteras penyalahgunaan dadah di negara ini.

Saya harap usaha-usaha ke arah ini perlulah dipertingkatkan lagi dari masa ke semasa kerana tugas yang dilakukan itu adalah tugas yang baik dan mulia untuk kepentingan bangsa dan negara seluruhnya.

Dalam hubungan ini, saya juga mengalu-alukan usaha yang sedang dijalankan oleh Institiut Penyelidikan Perubatan ke atas kesan penggunaan dadah jenis heroin yang boleh diuji menerusi air kencing seseorang penagih. Kajian seumpama ini amat penting dan mustahak untuk membolehkan Kementerian Kesihatan dan pihak Polis menyiasat sesiapa yang disyaki terlibat dengan penyalahgunaan dadah di negara ini.

Apa yang diharapkan kajian-kajian kepada jenis-jenis dadah heroin sahaja tidaklah memadai kerana ada bermacam-macam jenis dadah telah digunakan oleh penagih-penagih di negara ini seperti ganja, morphin dan sebagainya. Oleh itu saya mengharapkan kajian hendaklah dibuat kepada semua jenis dadah yang pernah dijumpai di negara ini. Pihak Kerajaan hendaklah memberi perhatian yang serius kepada usaha baik IPP ini, jika perlu peruntukan dan kakitangan hendaklah segera ditambah supaya usaha yang baik ini akan dapat membantu menghapuskan musuh utama negara kita. Badan penyelidikan seumpama ini jika boleh eloklah diperluaskan ke peringkat ASEAN. Menerusi usaha bersama ini bukan sahaja kita mendapat tenaga kepakaran yang lebih banyak, mungkin kos dapat dikurangkan dan penyelidikan itu tidaklah hanya terbatas setakat mengesan air kencingnya bagi mengenali seseorang penagih, kalau boleh hendaklah dikaji dan dibuat penyelidikan yang meluas

untuk mengeluarkan ubat-ubat yang lebih berkesan untuk membina semula tubuh badan mangsa-mangsa dadah dari semasa ke semasa supaya tenaga mereka akan dapat digunakan semula sebagai sumber negara bagi masa yang akan datang. Kebanyakan daripada penagih-penagih dadah ini didapati daripada golongan-golongan belia, maka mereka ini pada adatnya masih lagi berpeluang untuk memberi sumbangannya kepada pembangunan negara ini sendiri, tetapi kalau fizikalnya lemah, mentalnya lemah, maka bagaimanakah mereka ini dapat membantu, mereka akan terus hidup menjadi satu beban kepada negara, diletakkan di bawah pengawalan Menteri Kebajikan Masyarakat untuk mendapat bantuan kerana mereka tidak boleh berusaha mencari nafkah hidupnya. Maka dengan ini sekali lagi saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya atas usul yang dibawa oleh wakil dari Kemaman. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Betong.

4.43 ptg.

**Datuk Alfred Jabu anak Numpang (Betong):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana memberi saya peluang berucap di Dewan yang mulia ini pada petang ini.

Terlebih dahulu saya turut hadir bersama dengan semua Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini dan bersyukur pada Tuhan Yang Maha Kuasa.

Saya ingin mempersembahkan junjung kasih lagi penghargaan dan tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan Yang Maha Mulia Tuanku bersempena Pembukaan Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Keenam pada pagi Isnin 25-3-85.

Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang penuh beramanat untuk membimbing rakyat yang berbilang kaum di tanahair kita Malaysia yang kita cintai ini akan menjadi panduan besar pada rakyat Malaysia demi untuk memperkukuhkan perpaduan dan muhibbah antara semua kaum dan agama yang berhasrat dan sanggup menggembelikan tenaga membangunkan negara kita ke arah kestabilan, kebahagiaan dan kemajuan. Kata-kata amanat yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku amatlah berguna dan tepat terutama sekali masa kini negara kita beberapa hari lagi akan menyambut ulangtahun suku abad bersempena memperingati penubuhan Parlimen dan juga tidak berapa lama lagi negara kita akan melancarkan Rancangan Malaysia Kelima sebagai satu strategi membangunkan negara kita Malaysia yang kita cintai ini.

Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, pencapaian ke suku abad Parlimen sudah wujud melambangkan nasib rakyat dan negara kita Malaysia sudah dipelihara di bawah satu payung mahkota Seri Paduka Baginda ke arah kemakmuran dan kesejahteraan menerusi sistem demokrasi berparlimen.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa amatlah terharu, dengan izin, deeply touched oleh kerana dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang menyarankan segala usaha akan ditumpukan oleh Kerajaan Persekutuan terhadap membangunkan negeri-negeri yang Kerajaan mengakui masih dalam ketinggalan dari segi pembangunan seperti negeri Sarawak dan negeri Sabah, dan langkah-langkah seperti ini akan diteruskan oleh Kerajaan Barisan Nasional yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri kita dalam Rancangan Malaysia Kelima kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai salah seorang dari 24 lagi Ahli Dewan Rakyat dari Sarawak turut bersama dengan rakyat Malaysia di Sarawak dengan sepenuh keikhlasan bangga dan mengalu-alukan usaha-usaha Kerajaan Persekutuan yang akan meneruskan pembangunan yang lebih berkesan di Sarawak dan Sabah yang masa kini masih lagi dalam ketinggalan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Persidangan Parlimen yang 2-3 tahun berlalu, saya pernah berucap dalam Dewan yang mulia ini merayu pada semua pihak Yang Berhormat-Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet Kerajaan Persekutuan melawat ke Sarawak terutama sekali ke kawasan luar bandar, ke kampung-kampung dan ke rumah-rumah panjang untuk mempelajari sendiri dengan mata kepala sendiri tentang masalah-masalah ataupun kesusahan-kesusahan di Sarawak supaya langkah yang membina dan langkah yang positif boleh diambil oleh pihak Kementerian yang berkenaan untuk membaiki keadaan di luar bandar dengan tujuan hendak mengimbangkan kemudahan-kemudahan pada suatu ketika di keseluruhan tanahair kita.

Mengenai lawatan yang dirayukan terhadap Menteri-menteri, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan dalam Dewan yang mulia ini rakyat di Sarawak mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih pada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri yang kita kasahi dan juga Yang Amat Berhormat Dato' Timbalan Perdana Menteri kita kerana mereka selalu melakukan lawatan ke Sarawak. Terdapat juga lagi beberapa orang Yang Berhormat Menteri-menteri dan Timbalan Menteri juga beberapa orang Yang Berhormat Menteri-menteri dan

Timbalan Menteri turut mengikuti jejak langkah dan memegang sikap yang diamalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat di Sarawak masih lagi merayu kepada pihak Yang Berhormat Menteri-menteri Persekutuan untuk sesiapa mereka ini yang belum lagi melawat ke Sarawak untuk berbuat demikian supaya masalah tempatan harus dapat disedari dan apakala merancang langkah-langkah pembangunan di Sarawak segala aspek-aspek ini mestilah diambilkira. Sebagai misalan, Tuan Yang di-Pertua, di Sarawak terdapat kekurangan jalan raya yang menyebabkan perhubungan banyak bergantung atas sungai-sungai. Lazimnya sungai-sungai ini yang seperti, dengan izin, trunk road dan apa juga permohonan untuk membina jalan raya dari tepi sungai besar ini untuk menghubungkan kampung-kampung atau rumah-rumah panjang semestinya ditakrifkan sama makna dengan permohonan membina, dengan izin, spur road.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat di Sarawak merasa bangga atas hasil daripada lawatan ini dan satu pendirian Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri berkenaan segala jalan raya yang menghubungkan tepi sungai dengan kampung atau rumah panjang di Sarawak perlu dianggap seperti spur road atau feeder road, dengan izin. Adalah menjadi harapan rakyat Malaysia di Sarawak, Tuan Yang di-Pertua, agar pendirian yang sama harus digunakan oleh Kementerian Kerjaraya apabila mempertimbangkan permohonan-permohonan dari Sarawak berkenaan dengan jalan-jalan raya seperti yang dimaksudkan menjadi, dengan izin, spur road dari sungai, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Berhormat Menteri berkenaan sudah melawat ke Sarawak dan sudah melihat keadaan yang begitu teruk dari segi jalan raya ataupun kemudahan-kemudahan perhubungan di Sarawak. Saya berharap hasil daripada lawatan Yang Berhormat Menteri berkenaan maka dapat disusun apa juga langkah yang boleh mengatasi masalah-masalah yang setempat seperti di Sarawak.

Lagi satu aspek, Tuan Yang di-Pertua, rakyat di Sarawak mengalu-alukan Dasar Pertanian baru yang akan dijadikan untuk meninggikan produktiviti serta memperbaiki sosio ekonomi di sektor pertanian. Untuk tujuan ini dan memandangkan kepada luasnya tanah di Sarawak maka rakyat di Sarawak ingin melihat supaya lebih banyak lagi rancangan pertanian secara bersepadu (integrated agricultural development programme) dan mempercepatkan pelaksanaan rancangan pertanian di kawasan Sadungkrang, Samarahan di Bahagian Pertama dan di Klaka Saribas Bahagian Kedua di Sarawak dengan memberi peruntukan cukup wang dalam Rancangan Malaysia Kelima. Dari segi mempergiatkan lebih lagi aktiviti pertanian di negeri Sarawak, rakyat di Sarawak menaruh harapan agar FELDA dan FELCRA dapat memperluaskan aktiviti-aktivitinya ke Sarawak dengan secepat yang mungkin dengan tujuan untuk mempertingkatkan pendapatan kewangan kepada rakyat dalam sektor pertanian.

Satu lagi aspek yang disebutkan dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda yang patut diperluaskan iaitu industri pelancongan. Sepertimana yang kita ketahui negara kita Malaysia adalah satu negara yang mempunyai potensi yang besar dalam industri pelancongan. Terdapat di waktu

sekarang masih lagi masalah-masalah yang belum lagi memberi penuh galakan dari segi mendorong pelancong-pelancong melawat ke Sarawak. Kadang-kala disebabkan kekurangan penerbangan MAS terutama dalam "peak period", dengan izin, menyebabkan pelancong-pelancong tidak dapat meneruskan destinasi mereka ke Sarawak di mana terdapat daya penarik yang mempunyai keistimewaan sendiri seperti Rumah Panjang Iban dan Kampung-kampung Bidayah, Melanau, Orang Ulu dan sebagainya. Di sini saya menyeru kepada pihak berkenaan terutama sekali pihak MAS untuk mengadakan lebih banyak lagi penerbangan dari Kuala Lumpur ke Sarawak dan Sabah ataupun jika perlu dari Singapura ke Sarawak dan Sabah, dengan izin, "to take advantage of overseas tourists who come to the ASEAN region through Singapore".

Tuan Yang di-Pertua, rakyat di Sarawak sangat berbangga mengalu-alukan segala seruan dan menghargai unsur-unsur memupuk integrasi nasional. Untuk mencapai integrasi nasional, satu aspek yang penting dilihat dari kaca mata rakyat di Sarawak iaitu perhubungan. Setakat ini perhubungan hanya menerusi perjalanan kapal terbang MAS sahaja antara Sarawak ke Semenanjung dan begitu juga antara Sabah ke Sarawak disebabkan jalan raya seperti saya sebutkan tadi antara Sarawak dan Sabah yang ada sekarang yang begitu teruk sekali.

Saya pernah dalam sidang Dewan yang mulia ini pada tahun yang lalu mengemukakan cadangan, dengan izin, "flight incentive scheme" oleh pihak MAS untuk rakyat, iaitu cadangan memberi "discount rate", dengan izin, untuk penumpang-penumpang MAS apakala mereka sudah mencapai banyak kali terbang dengan pesawat MAS.

Saya sedar juga, Tuan Yang di-Pertua, bahawa sekarang Kerajaan Pusat sedang membuat persediaan untuk menjalankan Feri Malaysia menerusi perbadanan National Shipping Line. Saya percaya perkhidmatan Feri Malaysia ini bersama dengan langkah-langkah yang dicadangkan kepada pihak MAS akan lebih lagi memberi kesan. Maksud saya mengemukakan cadangan ini semata-mata untuk memberi lebih lagi peluang kepada rakyat Malaysia di Sarawak dan rakyat Malaysia di Semenanjung Malaysia dengan secara dua hala mengadakan lebih ramai dan lebih kerap lagi perhubungan dan bertukar pemikiran antara satu sama lain supaya mengelakkan "communication barrier", dengan izin.

Kerajaan Negeri Sarawak dari awal menyedari perlunya integrasi nasional dipupuk. Menerusi Yayasan Sarawak, Kerajaan Negeri Sarawak sejak tahun 1972 sudah menghantar tidak kurang dari 600 pelajar-pelajar dari Sarawak untuk mengaji di sekolah menengah Kerajaan di merata tempat di Semenanjung Malaysia supaya mereka ini mendapat peluang, dengan izin, "early exposure" bersuai kenal dengan rakyat di Semenanjung Malaysia. Kita mengalu-alukan beberapa langkah dua hala serupa ini dipelopori oleh Yayasan Sarawak tentang sikap melentur buluh semasa rebung demi untuk mencapai integrasi nasional seperti yang dimaksudkan di dalam Titah Ucapan Baginda Tuanku.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi aspek perlu diberi perhatian berkaitan dengan industri pelancongan, iaitu dari segi memperkenalkan kesemua negeri-negeri dalam Malaysia kepada seluruh dunia. Saya menyentuh perkara ini supaya peluang-peluang dari segi "advertisement of feature articles, feature films" berkaitan dengan satu-satu negeri mesti dibuat

dan dipamerkan kepada negeri-negeri luar di mana terdapat potensi-potensi untuk melancong ke Malaysia. Untuk tujuan yang demikian, saya merasa kekeliruan terdengar dalam usaha memperkenalkan negara Malaysia kita ke Amerika Syarikat menerusi rancangan televisyen yang bertajuk "3-2-1 Contact", aspek-aspek negeri Sarawak tidak dimasukkan dalam rancangan ini. Disebabkan ini, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Penerangan supaya dengan kebijaksanaan beliau dapat mempertimbangkan kemasukan features dan aspek-aspek negeri Sarawak seperti Rumah Panjang, Gua Niah, Santubong, Gunung Muluk, Giam Pelagus dan kraftangan-kraftangan dari rakyat yang berbilang kaum di Sarawak. Tolonglah jangan memulau Sarawak dari negeri-negeri Malaysia yang lain dalam rancangan yang akan dibuat oleh firma Amerika Syarikat ini menerusi siri "3-2-1 Contact". Sekiranya Sarawak sengajanya tidak dimasukkan dalam rancangan ini, saya khawatir unsur-unsur seperti ini yang menjadi hakisan terhadap pencapaian integrasi nasional. Tentang perkara ini adalah tanggungjawab kita rakyat Malaysia semua yang ingin memperlihatkan integrasi nasional sentiasa berterusan wujud di kalangan rakyat untuk memperbaiki keadaan yang kurang baik seperti ini. Marilah kita memperkenalkan semua negeri dalam Malaysia menerusi apa sahaja media massa termasuk menerusi rancangan "3-2-1 Contact" siri TV ini supaya tidak ada sesuatu negeri yang menjadi ketinggalan. Ini langkah positif secara menyahut seruan dan amanat yang terkandung dalam Titah Ucapan Di Raja pada Pembukaan Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga Parlimen pada 25hb Mac dalam penuh erti kata ke arah integrasi nasional.

Tuan Yang di-Pertua, di Sarawak terdapat tempat-tempat yang mempunyai daya penarik terletak di

luar bandar dan kadangkala amat sukar dihubungi. Demi untuk memudahkan tempat ini dilawati oleh pelancong-pelancong, rakyat di Sarawak mohon agar pihak Kementerian berkenaan dapat mempertimbangkan permohonan-permohonan jalan raya dibina ke tempat itu. Saya percaya dengan pembinaan jalan raya ke tempat itu peluang akan dibuka bukan sahaja kepada pelancong-pelancong melawat tempat-tempat itu tetapi kepada tanah-tanah di tepi jalan itu dapat diusahakan oleh tuan-tuan punya tanah secara individu ataupun menerusi rancangan dibiayai oleh Kerajaan.

Berkaitan dengan aspek semangat cintakan negara, rakyat di negeri Sarawak di segenap lapisan sentiasa mengamalkan sikap tersebut bukan sahaja menerusi belia bakal pemimpin negara, tetapi di seluruh peringkat.

Rakyat dewasa bersama dengan belia dan pemuda yang berbilang keturunan sentiasa dinasihati berpegang teguh atas prinsip-prinsip Rukunegara dan mengamalkan sikap berganding bahu untuk mempertahankan nama baik kita rakyat Malaya mahupun dalam bidang sukan dan olahraga.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia di Sarawak sudah ternyata sekali mengutuk kegiatan-kegiatan yang mengancam kestabilan sistem demokrasi berparlimen seperti kutukan terhadap penganas-penganas komunis dan puak-puak pelampau.

Di sini ingin saya jelaskan, Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia di Sarawak bersependapat dengan rakyat keseluruhan Malaysia dalam bidang menghadapi peperangan membanteras golongan-golongan yang terlibat dengan pengedaran dan penagih-penagih dadah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam peluang membahaskan Titah Ucapan Di Raja di Dewan yang mulia ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak polis dan pihak tentera yang berusaha penuh berdedikasi mempertahankan negara kita dari segala ancaman musuh dan anasir-anasir pengganas-pengganas komunis di seluruh negara kita. Selain daripada tugas-tugas harian mereka saya mengambil kesempatan ini untuk memuji pihak polis dan pihak tentera atas kecekapan mereka membantu rakyat, membantu rakyat jelata menjalankan projek jiwa murni, bergotong-royong dengan penduduk tempatan yang saya sendiri saksikan di keseluruhan bahagian di Sarawak terutama sekali di Bahagian Kedua di mana pihak tentera dan pihak polis membina dan menyiapkan lebih 14 buah jambatan di luar bandar yang sudah rosak atau hanyut akibat banjir kilat. Semangat berjiwa murni seperti ini adalah menggariskan tauladan yang baik dan mesti dikekalkan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersama dengan rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini menyambut langkah-langkah yang digariskan oleh Kerajaan kita terhadap membeli barangan buatan tempatan dengan syarat asalkan kualiti mutu buatan ini dijamin kekal bermutu tinggi. Sikap membeli barang buatan tempatan perlu diberi galakan pada segenap lapisan terutama sekali pada anak-anak muda kita yang masa kini terpengaruh sangat dengan buatan-buatan yang termasyhur dari luar negeri seperti pakaian-pakaian di gedung-gedung fesyen umpamanya. Langkah seperti ini bukan sahaja menjimatkan wang pertukaran negara, akan tetapi memperluangkan rakyat kita di Malaysia didorong untuk berdiri atas usaha kita sendiri mengeluarkan barang-barang buatan Malaysia untuk

kegunaan rakyat Malaysia dan dieksportkan pada negeri-negeri luar supaya nama Malaysia akan kekal terkenal, lagi menambahkan nama yang sudahpun termasyhur sebagai pengeksport yang terbesar dalam berbagai commodities seperti getah, kelapa sawit, tin, lada hitam, koko dan sebagainya. Saya berharap Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha Kerajaan kita dalam mempergiatkan bidang-bidang kraftangan akan berjaya menerima pasaran di seberang laut seperti jenis-jenis buatan dari buluh, tikar, rotan, anyaman, tenunan dan sebagainya.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memuji pada Lembaga Kraftangan ataupun Karyaneka dan KEDA yang membuat usaha untuk memperluaskan jenis-jenis tempatan yang dibuat dari rotan, bamboo dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhajat bercakap panjang lebar dan sekai lagi saya memberi ucapan terima kasih atas peluang yang diberi untuk membahaskan Titah Ucapan.

Untuk mengakhiri ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul mempersembahkan junjung kasih yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kemaman kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan Baginda pada Pembukaan Sidang Parlimen ini pada 25hb Mac.

Sekian, terimakasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Padang Terap.

5.04 ptg.

**Tuan Baharom Haji Bakar (Padang Terap):** Bismillahir-rahman nir-rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang kepada saya berucap di dalam Dewan yang mulia ini bagi kali yang pertama, khususnya untuk menyokong penuh Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Keenam pada 25-3-85.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun berucap dalam Dewan yang mulia ini, pertamanya untuk menyentuh sedikit sebanyak titah tentang perpaduan umat Islam di dalam negara ini. Kegiatan-kegiatan pulau-memulau majlis kenduri, kematian, tahlil dan lain-lain lagi, kegiatan yang dianjurkan oleh orang-orang UMNO tidak dikunjungi oleh orang-orang PAS ataupun pada penyokong-penyokongnya. Sesungguhnya perkara ini amatlah mendukacitakan kerana ianya melibatkan orang-orang Melayu yang beragama Islam.

Para pemimpin-pemimpin PAS sama ada di peringkat kebangsaan atau di negeri seharusnya menyedari hakikat dan sepatutnya berusaha supaya jurang perbezaan di antara penyokong-penyokong PAS dan UMNO ini dapat dihapuskan. Adalah tidak adil membiarkan kepada Kerajaan dari parti yang memerintah sahaja di dalam menyelesaikan perkara-perkara ini sedangkan pemimpin-pemimpin PAS masih bersikap baling batu sembunyi tangan.

Saya mengambil contoh bahawasanya di dalam Kawasan Parlimen Padang Terap kejadian-kejadian seperti ini berlaku begitu ketara sekali khususnya selepas Pilihanraya Kecil yang lalu. Melalui Dewan yang mulia ini saya menyeru supaya para pemimpin PAS yang telah menyebabkan peristiwa pulau-memulau dan sebagainya yang berlaku khususnya di Padang Terap baru-baru

ini dapat mengeneipkan kepentingan diri untuk mencari pengaruh dan membuang jauh-jauh sentimen perkauman sesama sebangsa, seagama di dalam negara ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan sekalian, semasa kempen pilihanraya Padang Terap yang lalu, para pemimpin-pemimpin PAS atau penceramah-penceramah PAS telah melakukan pelbagai tohmahan dan melakukan pelbagai penghinaan terhadap orang-orang UMNO dan Barisan Nasional. Adalah perkara yang sangat menyedihkan bahawa hanya kerana niat untuk memenangi sebuah kerusi pilihanraya, para pemimpin PAS sanggup melakukan perbuatan terkutuk di luar nilai-nilai keislaman. Ini sama sekali bercanggah dengan teori perjuangan PAS yang tertulis di atas kertas iaitu untuk menegakkan sebuah negara Islam sedangkan tingkah-laku mereka semasa berkempen sebagai contohnya bukanlah bersifat Islam. Melalui Dewan ini saya berseru supaya semua pemimpin-pemimpin PAS, terutamanya supaya sama-sama berikhtiar untuk menyatupadukan semula orang-orang Melayu di dalam negara ini khususnya di Padang Terap.

Juga saya menyeru kepada pihak Kerajaan tindakan yang lebih tegas perlulah diambil untuk mengatasi masalah-masalah seperti ini. Adalah sesuatu yang tidak wajar bila mana Kerajaan seperti berlembut dengan tohmah-tohmah PAS sekarang sedangkan yang menjadi mangsa ialah orang-orang Melayu di luar bandar yang masih rendah taraf hidupnya. Peristiwa pergaduhan di Lubuk Merbau adalah suatu yang amat menyedihkan sehingga menjadi korban kematian dan ianya adalah membuktikan betapa persoalan ini telah menjadi semakin kuat sekarang ini. Saya berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana

Menteri juga Menteri Dalam Negeri yang telah mengharamkan buku Peristiwa Berdarah di Libuk Merbau ini. Ini demi kebaikan kepada agama, bangsa, tanahair kita pada masa sekarang ini.

Saya sekali lagi menyeru melalui Dewan yang mulia ini agar semua pihak memberi perhatian utama terhadap isu perpecahan ini di kalangan orang-orang Melayu ini kerana ianya hanya akan merugikan orang-orang Melayu sendiri yang sepatutnya lebih diarahkan supaya melipatgandakan usaha-usaha dan kegiatan dalam bidang ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, dari sudut ekonomi memanglah tidak dapat dinafikan bahawa kawasan Padang Terap adalah masih mundur dan merupakan salah sebuah daripada 20 buah kawasan yang termundur di Semenanjung, malah semasa berkempen pilihanraya yang lepas Yang Berhormat Menteri Pertanian sendiri mengakui akan hakikat ini.

Saya bagi pihak seluruh rakyat Padang Terap ini, ingin mengucapkan terima kasih dan berdoa agar setiap janji-janji akan dapat dibuktikan dan projek-projek yang sedang dan dalam perancangan akan dapat diteruskan pelaksanaannya dengan secepat mungkin. Sebagai sebuah kawasan yang mundur, para penduduk di kawasan Padang Terap ini masih memerlukan pelbagai kemudahan asas, misalnya kemudahan-kemudahan perhubungan, hospital, sekolah-sekolah menengah, asrama dan bekalan api, air, pembinaan rumah-rumah kos rendah, jalan-jalan yang sempurna dan sebagainya.

Oleh yang demikian kepada Kementerian-kementerian yang terlibat supaya dapat mengambil perhatian berat terhadap masalah-masalah ini. Kawasan Padang Terap

juga adalah terletak berhadapan dengan sempadan Malaysia Thai adalah merupakan satu kawasan yang strategik dari sudut pertahanan. Kawasan-kawasan sempadan Malaysia Thai patut dibangunkan secara meluas. Proses membangunkannya bolehlah melalui perwujudan lebih banyak rancangan-rancangan tanah seperti FELDA, FELCRA dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara yang menjadi anggota ASEAN, saya percaya pihak Kerajaan tentu berhati-hati di dalam pelaksanaan dasar luar negara. Walaupun teori Domino mungkin tidak diikuti oleh Vietnam sekarang tetapi kita perlu juga berhati-hati terhadap kemungkinan adanya kebenaran mengenai teori tersebut. Kehadiran kapal-kapal selam Russia di Selat Melaka atau kehadiran kapal-kapal terbangnya di Laut China Selatan walaupun dianggap sebagai perkara biasa oleh setengah-setengah pihak tetapi perlulah juga diberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam hal membeli kapal-kapal terbang dan kereta-kereta kebal dari negara luar, saya berharap agar pihak Kerajaan terutama Kementerian Pertahanan mengambil kira untuk mewujudkan woksyp dan alatganti bagi pembelian kelengkapan tentera tersebut. Adalah tidak wajar pada hemat saya jika sesudah membeli kelengkapan pertahanan tersebut, kita berhadapan dengan masalah alatganti pula dan terpaksa menghantar kapal terbang atau kereta kebal tersebut ke luar negeri untuk diperbaiki. Keadaan ini sudah tentulah melibatkan perbelanjaan yang begitu besar.

Tuan Yang di-Pertua, melalui Dewan yang mulia ini saya berseru supaya pihak Kerajaan tidak mengabaikan tanggungjawab terhadap kakitangan Kerajaan di dalam

perkhidmatan awam, tentera dan polis. Ini adalah kerana mereka merupakan tulang belakang pentadbiran negara yang turut menyumbangkan tenaga di dalam proses memajukan negara. Maksudnya selain daripada melihat sumbangan golongan perniagaan, petani-petani dan lain-lain lagi maka sumbangan kakitangan Kerajaan patutlah juga diberi perhatian berat dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja ucapan saya di dalam Dewan yang mulia ini dan saya menyokong penuh atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 25hb Mac, 1985 yang lalu dan sekali lagi saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kerana diberi peluang berucap dan saya sudah dengan dua rangkap pantun yang berbunyi begini:

Kerusi Parlimen kini dimenangi,  
Para Menteri telah kembali,  
Rakyat Padang Terap sedang menanti,  
Agar janji tidak tinggal janji.

Rakyat Padang Terap bersatu hati,  
Mengundi parti berlambang kati,  
Sesudah Menteri melihat sendiri,  
Rakyat Padang Terap janganlah dilupai.

Sekianlah ucapan saya disudahi dengan wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

5.18 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Ucapan kepada Parlimen

telah menyentuh satu perkara yang sangat penting apabila beliau mengingatkan semua Ahli-ahli Parlimen supaya mengeneipkan sikap melampau dan keterlaluan yang boleh menimbulkan suasana yang tidak stabil sehingga menjejaskan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara. Apa yang begitu penting dalam Titah Ucapan Di Raja itu ialah penekanan supaya bersikap sederhana dalam semua hal yang melibatkan kehidupan dan perjalanan negara kita, baik di dalam bidang politik, sosial, ekonomi, kebudayaan, agama dan lain-lain hal.

Adalah sering menjadi pandangan saya bahawa kesederhanaan dalam semua hal yang melibatkan kehidupan setiap rakyat menjadi kunci kepada daya hidup dan kejayaan Malaysia sebagai sebuah negara yang pelbagai kaum.

Seruan Baginda itu adalah kena pada masanya. Apa yang perlu dibuat sekarang ialah setiap kita membuktikan tidak sahaja dengan perkataan tetapi dengan tindakan bahawa kita akan sentiasa menjunjung prinsip kesederhanaan apabila menguruskan hal-hal harian di negara kita. Yang pentingnya Kerajaan mestilah menjadi satu contoh dalam arahan ini.

Kami di dalam DAP penuh menyedari bahawa dalam sebuah negara pelbagai kaum seperti Malaysia, sikap melampau dan keterlaluan dalam apa juga bentuk tidak hanya membahayakan negara tetapi akan membinasakan masyarakat pelbagai kaum di negara kita.

Saya mendapati bahawa dalam Titah Ucapan telah menyentuh banyak hal-hal tertentu secara meluas yang ada kaitan dengan pembangunan negara kita dan saya bercadang untuk

mengemukakan pandangan-pandangan saya mengenai beberapa perkara yang telah disentuh.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang amat penting kepada Malaysia dalam baki dekad terakhir 80an dan 90an, ialah pencapaian perpaduan nasional. Tanpa perpaduan nasional berapa besar pun perbelanjaan dan kekuatan tentera tidak akan boleh mempertahankan negara kita, tanpa perpaduan nasional negara tidak akan selamat, aman dan makmur. Kami berpandangan bahawa masanya telah tiba bagi Kerajaan menyemak semula dasar perpaduan negara dan langkah-langkah menggalakkan keharmonian kaum di negara ini selaras dengan kenyataan baru-baru ini yang dikeluarkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang berkata bahawa banyak langkah-langkah yang ada sekarang untuk menggalakkan perpaduan nasional adalah ketinggalan masa. Hakikatnya bahawa sehingga ke hari ini Jabatan Perpaduan Negara masih gagal untuk mencapai tujuan dan objektifnya. Jelas menunjukkan bahawa program-program yang ada sekarang mengenai menggalakkan perpaduan nasional tidak berkesan.

Jika selepas 27 tahun mencapai kemerdekaan, kita tidak boleh berbangga yang kita telah menjadi sebuah negara Malaysia yang benar-benar bersatu padu, maka inilah masanya bagi kita semua menyemak semula dasar-dasar kita, mengenalpasti setiap kelemahan dan bersedia membaikinya.

Kita mestilah mengambil satu pandangan yang serius ke atas dasar-dasar pembinaan negara kita sekarang dan mengkaji kenapa kita masih belum mendapat satu "consensus" yang mana kita boleh menggunakannya untuk membina sebuah negara Malaysia yang benar-benar bersatu padu. Hakikatnya

semua ini masih belum dicapai selepas 27 tahun negara kita mencapai kemerdekaan yang disuarakan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri apabila beliau bercakap mengenai kebimbangannya terhadap polarisasi kaum di negara ini, terutamanya di kalangan pelajar-pelajar sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, masalah polarisasi kaum di Malaysia tidak boleh diketepikan begitu sahaja tetapi mestilah mengakui masalah itu dan menyelesaikan masalah-masalah yang telah berakar umbi itu.

Polarisasi kaum di Malaysia telah wujud kerana kelemahan-kelemahan dasar Kerajaan sendiri dan kelalaian dan kecuaiian yang begitu lama terhadap seruan, permintaan dan aspirasi semua kaum di Malaysia. Polarisasi kaum mestilah disekat dan ini boleh disekat atau dihentikan oleh pengiktirafan sendiri oleh Kerajaan terhadap perkara-perkara yang menimbulkan perasaan tidak puas hati pelbagai kaum yang ada dalam negara ini dan ianya mestilah diatasi.

Kami di dalam DAP bersedia memberikan bantuan dan kerjasama untuk membantu Kerajaan mengurangi masalah polarisasi kaum yang kian membesar dalam masyarakat kita tetapi kita tidak boleh menjadi satu parti yang boleh mendiamkan sahaja kelalaian dan kecuaiian yang berterusan kepada rungutan rakyat yang sepatutnya diatasi oleh Kerajaan.

Mengenai persoalan polarisasi kaum ini, saya suka menggesa Kerajaan supaya menubuhkan sebuah Suruhanjaya Di-Raja mengandungi Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Kehakiman, para pendidik, orang perseorangan dan lain-lain pertubuhan untuk mengkaji masalah polarisasi kaum yang masih berleluasa dalam

masyarakat di negara kita dan mencadangkan langkah-langkah positif untuk mengatasinya.

DAP bersedia memainkan peranan dalam Suruhanjaya itu untuk membantu Kerajaan mencari jawapan-jawapan kepada masalah polarisasi kaum di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara nasional, izinkan saya membangkitkan satu seruan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya dihidupkan semula kelab-kelab pelbagai kaum bagi mempercepatkan integrasi antara kaum. Kami setuju dengan buah idea ini untuk membuka lebih banyak kelab-kelab pelbagai kaum bagi membantu berbagai kaum supaya berintegrasi.

DAP dari sejak mula lagi telah menyeru Kerajaan supaya menubuhkan kelab-kelab pelbagai kaum. Penubuhan kelab-kelab seumpama ini akan membantu dalam banyak hal untuk menyegerakan proses integrasi antara kaum. Walau bagaimanapun, penggalakan perpaduan kebangsaan dan pencapaiannya jauh lebih penting dari penubuhan kelab-kelab pelbagai kaum itu. Inilah sebabnya mengapa saya menyedari bahawa terdapat satu keperluan mewujudkan satu Suruhanjaya Di-Raja untuk membuat kajian yang mendalam mengenai langkah-langkah yang positif untuk menggalakkan perpaduan kebangsaan.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa perpaduan kebangsaan hanya mungkin tercapai menerusi keharmonian antara agama dan hidup bersama. Masanya telah tiba bagi berbagai kaum menubuhkan jentera-jentera menggalakkan keharmonian antara agama dan bersefahaman.

Mengenai perpaduan kebangsaan, izinkan saya menegaskan di sini mengenai tugas penting semua pemimpin politik dalam dekad terakhir 80-an dan 90-an supaya bekerja ke arah perpaduan kebangsaan yang dengan sendirinya boleh menjamin daya hidup Malaysia pada masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi aspek yang saya ingin membangkitkan dalam Dewan yang mulia ini ialah mengenai seruan yang kerap disuarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan lain-lain pemimpin-pemimpin Kerajaan mengenai mewujudkan sebuah kerajaan yang bersih, cekap dan amanah. Walaupun orang ramai menyokong seruan ini untuk mewujudkan satu kerajaan yang bersih, cekap dan amanah adalah menjadi pandangan umum rakyat Malaysia bahawa konsep ini belum benar-benar dilaksanakan untuk faedah semua rakyat Malaysia.

Kebimbangan yang menyeluruh telah disuarakan oleh rakyat Malaysia mengenai penyelewengan Kerajaan yang serius dalam janjinya untuk mewujudkan pentadbiran yang bersih, cekap dan amanah dalam melaksanakan dasar-dasar dan perjalanan harian Kerajaan sebagaimana yang dibuktikan oleh beberapa perkembangan terakhir dalam negara. Adalah mesti ditegaskan di sini bahawa konsep ini tidaklah seharusnya tinggal sebagai cogan kata ataupun slogan sahaja tetapi mesti ditukarkan menjadi kenyataan pada setiap masa dalam pentadbiran harian Kerajaan.

Inilah masanya yang tepat bagi Kerajaan Dato' Seri Dr Mahathir membuat satu kajian menyeluruh konsep sebuah Kerajaan Bersih, Cekap dan Amanah dengan tujuan untuk menentukan, memastikan sejauh mana objektif itu telah dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Di Raja ada disentuh mengenai pentingnya pelajaran dan peranan institusi pelajaran tinggi untuk menjadi tempat pertumbuhan semangat kebangsaan yang sihat dan membina. Selaras dengan semangat itu, saya suka menggesa Kerajaan supaya menyediakan lebih banyak tempat untuk pelajaran tinggi di negara ini. Dalam hubungan ini, saya suka mencadangkan kepada Kerajaan supaya membina sekurang-kurangnya tiga buah lagi universiti tempatan di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Dan dalam masa yang sama menambahkan tempat belajar untuk pelajar-pelajar Malaysia dalam universiti tempatan yang ada sekarang. Inilah yang diperlukan memandangkan bertambahnya kesukaran yang dihadapi oleh pelajar-pelajar Malaysia yang bercadang untuk melanjutkan pelajaran mereka ke seberang laut. Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mestilah menyedari bahawa salah satu sebab mengapa ramai ibubapa Malaysia yang menghantarkan anak-anak mereka belajar ke seberang laut. Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mestilah menyedari bahawa salah satu sebab mengapa ramai ibubapa Malaysia yang menghantarkan anak-anak mereka belajar ke seberang laut kerana terdapat kekurangan peluang-peluang belajar di negara ini, dengan membina lebih banyak universiti-universiti tempatan dan peruntukan lebih banyak peluang pelajaran tempatan, ia juga akan membantu Malaysia mengatasi defisit yang tak ketara ini.

Pelajaran adalah satu bentuk pelaburan kemanusiaan yang penting dan adalah menjadi tanggungjawab mana-mana Kerajaan yang dipilih supaya memastikan adanya peluang-peluang pelajaran yang mencukupi untuk rakyatnya untuk faedah kemajuan dan pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara pelajaran tinggi, izinkan saya menyentuh keputusan Kerajaan Australia baru-baru ini untuk menaikkan yuran untuk pelajar-pelajar asing. Keputusan Kerajaan Australia akan secara serius memberi kesan ke atas saku kepada lebih kurang 10,000 orang pelajar Malaysia yang berada di Australia yang pada umumnya dari kalangan keluarga yang kurang mampu.

DAP membantah keras kenaikan yuran ini dan ingin menyuarakan rasa dukacita yang amat sangat ke atas keputusan Kerajaan Australia itu. Apa yang kita bantah dengan tegas juga ialah sikap pasif Kerajaan Malaysia terhadap keputusan Kerajaan Australia itu. Kita ingin menggesa Kerajaan Malaysia supaya membuat satu bantahan yang kuat terhadap Kerajaan Australia seperti sekuat bantahan kepada Kerajaan British apabila ia menaikkan yuran untuk pelajar-pelajar asing. Kerajaan hendaklah membentangkan perkara ini dengan Kerajaan Australia dan memberitahu mereka perasaan sebenar rakyat Malaysia mengenai hal ini. Satu Jawatankuasa Kabinet hendaklah ditubuhkan supaya meneliti perkara ini dan Kerajaan hendaklah mengambil satu pendirian yang lebih positif, yang lebih tegas untuk membantah terhadap kenaikan yuran untuk pelajar-pelajar asing.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan satu perkara yang juga telah disentuh oleh Baginda dalam Ucapan Titah Diraja dan itu ialah mengenai bidang pelancongan. Saya telah beberapa kali pada masa yang lalu menyeru Kerajaan supaya memberi perhatian yang serius dan memberi keutamaan kepada pembangunan industri pelancongan kita sebagai satu cara untuk mengurangkan "deficit invisible".

Tumpuan usaha mestilah dibuat untuk membangunkan Malaysia sebagai satu destinasi pelancongan yang utama, memandangkan faedah yang besar yang diwujudkan oleh industri pelancongan untuk Malaysia.

Satu industri pelancongan yang sudah maju bermakna akan mendatangkan lebih banyak pendapatan pertukaran asing ke negara ini yang akan memberi faedah kepada rakyat Malaysia. Kita selama ini gagal memberi keutamaan kepada pembangunan pelancongan dan inilah masanya bagi kita berbuat sesuatu untuk meninggikan pendapatan negara menerusi galakan pelancongan.

Pelancongan terletak tempat yang ketujuh dalam tahun 1983 dalam bentuk pendapatan pertukaran asing kepada ekonomi Malaysia. Dan industri ini telah membantu menyediakan pekerjaan kepada sejumlah lebih kurang 40,000 dalam tahun 1983. Pelancongan sekarang dilihat sebagai satu jalan yang terbaik untuk mengurangi deficit invisible ini disebabkan rakyat Malaysia membelanjakan lebih banyak wang untuk melancong ke luar negeri daripada orang-orang asing yang melancong di Malaysia.

Adalah dilaporkan misalnya, dalam tahun 1983 rakyat Malaysia telah membelanjakan lebih kurang \$998 juta kerana melancong dan belajar ke luar negeri melebihi daripada pelancong asing yang melancong dan menuntut pelajaran di Malaysia.

Dalam aspek perjalanan sahaja, rakyat Malaysia telah membelanjakan \$2.015 juta untuk perjalanan ke seberang laut dalam tahun 1983. Sementara pelawat-pelawat asing membelanjakan lebih kurang \$1,230 juta dan ini mengakibatkan Malaysia mengalami deficit sebanyak \$875 juta berbanding dengan hanya \$155 juta

dalam tahun 1976. Dengan ini adalah jelas bahawa deficit invisible ini akan berterusan sehingga sesuatu langkah dilakukan.

Apa yang perlu dilakukan ialah merangka satu strategi yang berkesan untuk membangun dan menggalak Malaysia menjadi satu destinasi pelancongan yang utama. Untuk menggalakkan lebih ramai pelancong asing melawat Malaysia dan menarik lebih ramai orang Malaysia menghabiskan cuti mereka di dalam negeri daripada di luar negeri.

Satu lagi strategi penting ialah membangunkan Kuala Lumpur yang telah dipilih sebagai tempat persidangan tahunan PATA (Pacific Area Travel Association) yang ke 35 dalam tahun 1986 sebagai pintu masuk ataupun "gate way", dengan izin, ke Malaysia, satu destinasi pelancong. Galakan Malaysia satu destinasi pelancong yang masyhur memerlukan kerjasama antara pihak awam dan sektor swasta dan semua agensi yang terlibat. Apa yang saya ingin mencadangkan di sini ialah Kerajaan hendaklah mengambil langkah-langkah yang segera untuk memperkuatkan Perbadanan Kemajuan Pelancongan (TDC) dengan memberikan sumber dan tenaga pekerja yang cukup untuk menjual Malaysia kepada rakyat Malaysia serta juga pelawat-pelawat asing. TDC hendaklah mempunyai lebih ramai wakil daripada sektor swasta untuk membincangkan idea ataupun cadangan-cadangan yang baik mengenai bagaimana menggalakkan pelancongan.

Kerajaan hendaklah memastikan bahawa sebarang terutamanya rangkaian Talivisyen hendaklah bekerja erat dengan pihak TDC untuk menyangkan filem-filem rencana dan dokumentari-dokumentari mengenai tumpuan pelancong Malaysia mestilah

dikemaskinikan. TDC hendaklah memberi keutamaan untuk menjual Malaysia kepada rakyat Malaysia dan dalam hubungan ini hendaklah memastikan bahawa semua tarikan pelancongan dalam negara ini hendaklah diberi pendedahan dan publisiti yang luas.

Berhubung perkara menggalakkan pelancongan, saya mendapati bahawa Kerajaan memutuskan untuk mempunyai satu Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelancongan. Ini dialu-alukan dan saya suka mencadangkan di sini Jawatankuasa Kabinet hendaklah meminta setiap negeri mengemukakan laporan, misalnya apakah setiap negeri boleh menawarkan bentuk-bentuk tarikan pelancong bagi menggalakkan pelancongan. Saya ingin menekankan di sini bahawa Malaysia boleh menjadi satu destinasi pelancong yang utama dan terdapat banyak tempat yang bakal boleh menarik pelancong di negara ini yang masih belum didedahkan. Apa yang diperlukan ialah penerimaan dan pelaksanaan strategi yang betul oleh Kerajaan untuk membangunkan industri pelancongan kita dan memberi keutamaan yang khusus.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Diraja telah juga menyentuh bahawa Kerajaan sedang mengambil langkah aktif untuk memerangi dadah dengan harapan bahawa satu strategi antarabangsa yang komprehensif hendaklah dirumus untuk membasmi ancaman dadah dengan berkesan. Saya bersetuju sepenuhnya bahawa jika usaha Malaysia untuk memerangi ancaman dadah berhasil, kita terpaksa membawa masalah dadah ini ke forum antarabangsa dan menekankan supaya disediakan satu strategi antarabangsa yang komprehensif melibatkan penyertaan penuh semua negara yang berminat untuk menghapuskan masalah dadah yang tidak sahaja

dialami di Malaysia tetapi juga di seluruh dunia. Pembasmian ancaman dadah memerlukan usaha antarabangsa.

Dalam konteks ini Bangsa-bangsa Bersatu ataupun United Nations terutamanya kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat hendaklah melakukan sesuatu program khas di peringkat antarabangsa yang bertujuan untuk menumpukan perhatian antarabangsa ke atas masalah dadah dan mendapatkan kerjasama antarabangsa untuk memeranginya.

Sebelum saya menutup ucapan saya ini, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menarik dua perkara yang sedang menjadi perhatian utama kalangan masyarakat perniagaan Cina di Malaysia iaitu apa yang berlaku pada baharu-baharu ini mengenai kesilapan tindakan Kerajaan mengenai soal pengimportan buah limau mandarin dan persoalan dagangan terus dengan negeri R.R.C. (Republik Rakyat China). Mengenai hal yang menimbulkan pertikaian ataupun controversy baharu-baharu ini mengenai pengimportan limau mandarin, saya suka menggesa Kerajaan dengan sesungguhnya hati supaya jangan memandangi isu ini sebagai isu perkauman.

Saya merasa dukacita dengan ulasan yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri yang membidas rakyat Malaysia keturunan Cina kerana bersikap melampau memboikot limau mandarin. Pemboikotan limau mandarin China baharu-baharu ini tidak boleh disifatkan berbau perkauman ataupun tidak boleh diputar-belitkan. Rakyat Malaysia keturunan Cina telah membuktikan diri mereka tidak bersikap melampau apabila mereka bersedia menerima orange dari Pakistan, Thailand dan

dari lain-lain negara dan bukan limau mandarin dari Republik Rakyat China. Tindakan pemboikotan tidak boleh ditujukan kepada mana-mana kaum tertentu sahaja, sebaliknya tindakan boikot secara tiba-tiba itu sebenarnya ialah satu bentuk bantahan terhadap apa yang mereka sifatkan sebagai penyelewengan yang besar dasar-dasar Kerajaan yang dilakukan oleh kakitangan-kakitangan yang tertentu di Kementerian berkenaan dengan tidak mengindahkan hak dan sensitiviti orang lain. Rakyat Malaysia umumnya tidak ingin melihat satu monopoli dalam perniagaan limau mandarin daripada hanya menyalahkan kaum Cina Malaysia kerana bersikap keterlaluan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendaklah mengakui kesilapan Kerajaan dalam mengendalikan isu limau mandarin baharu-baharu ini dan mengambil tindakan yang sesuai dan sewajar terhadap mereka yang terlibat.

Saya ingin menggesa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil pandangan yang serius mengenai kesilapan Kerajaan baharu-baharu ini berhubung dengan kepentingan limau mandarin dan mengambil langkah-langkah tertentu supaya memastikan ianya tidak berulang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah untuk menggalakkan ahli perniagaan Malaysia untuk berniaga terus dengan negeri China sebagai satu perkara dasar. Saya suka menggesa Kerajaan Malaysia supaya menimbang untuk menghapuskan semua bentuk halangan dan red-tape yang merintang usaha menggalakkan dagangan terus antara Malaysia dan China. Terdapat beberapa halangan dihadapi oleh ahli-ahli perniagaan Malaysia yang hendak mengadakan hubungan dagangan terus dengan

negeri China dan di antaranya ialah perjalanan bebas yang terhad ke China dan sekatan dikenakan ke atas bilangan orang, umur dan bilangan perjalanan ahli-ahli perniagaan Malaysia yang boleh menyertai pertunjukan—pameran perdagangan di Canton anjuran PERNAS pada musim gugur dan musim bunga. Perdagangan dengan negeri China biasanya tertakluk kepada red-tape dan ini telah mengakibatkan kebimbangan di kalangan ahli perniagaan Malaysia. Kerajaan sering menggunakan alasan keselamatan dan hakikatnya hubungan antara Malaysia dan China ialah antara Kerajaan dengan Kerajaan dan bukan antara rakyat dengan rakyat dan ini membuktikan sebagai satu sekatan ke atas ahli-ahli perniagaan Malaysia yang hendak melawat China untuk tujuan perdagangan. Walau bagaimanapun, memandangkan hasrat Kerajaan untuk menggalakkan lebih banyak hubungan dagangan secara terus antara Malaysia dan China, saya ingin menggesa Kerajaan supaya mengamalkan sikap liberal terhadap ahli-ahli perniagaan Malaysia yang hendak mengadakan hubungan dagangan terus dengan rakan perniagaan mereka di negeri China. Saya harap Jawatankuasa Antarabangsa Menteri yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan akan mengkaji perkara ini.

Imbangan perdagangan sekarang antara Malaysia dan China ialah lebih memihak ke negeri China. Angka dagangan terus antara Malaysia dan China adalah seperti berikut:

Dalam tahun 1982—eksport Malaysia ke negeri China bernilai \$258.2 juta akan tetapi import ke Malaysia dari negeri China bernilai \$648.5 juta.

Bagi tahun 1983—eksport Malaysia ke China bernilai \$364.4 juta akan tetapi import ke Malaysia

dari negeri China \$625.8 juta, dan untuk tempoh bulan Januari hingga bulan November 1984 eksport Malaysia ke negeri China bernilai \$347.6, juta akan tetapi import ke Malaysia dari negeri China \$616.0 juta.

Perangkaan di atas menunjukkan bahawa perdagangan antara dua negara itu lebih banyak menguntungkan negeri China. Jurang ini akan bertambah luas jika kita mengambil kira import ke Malaysia dari negeri China menerusi negara yang ketiga sebagaimana angka-angka tadi hanya meliputi dagangan terus. Dengan tujuan untuk mewujudkan satu perhubungan perdagangan yang lebih seimbang antara Malaysia dan China, saya mencadangkan bahawa Malaysia hendaklah mengamalkan satu dasar yang lebih liberal berhubung dengan lawatan perdagangan oleh ahli-ahli perniagaan Malaysia ke negeri China. Kebaikan yang boleh didapati adalah seperti berikut:

- (i) Jika ahli-ahli perniagaan kita dibenarkan pergi ke negeri China untuk mendapat maklumat pasaran secara terus, kita boleh memutuskan kemudian, bukan sahaja apakah barang yang Malaysia boleh menjual ke negeri China sekarang tetapi juga mendapatkan peluang-peluang pasaran untuk barang keluaran Malaysia ke negeri China.
- (ii) Para pengimport barang-barang negeri China akan berupaya mendapatkan rundingan yang lebih baik berhubung dengan pilihan barang-barang, mutu dan harga jika mereka boleh berunding terus dengan pembekal barang-barang negeri China.

Pelanggan dan pengguna Malaysia akan menerima faedah pada akhirnya.

- (iii) Lebih banyak hubungan dagangan akan juga menggalakkan pertandingan yang adil. Beberapa negara rakan ASEAN nampaknya lebih agresif daripada Malaysia dalam hubungan dagangan mereka dengan negeri China. Ahli-ahli perniagaan Malaysia mestilah diberi peluang untuk bertanding ke arah ini dan saya harap bahawa pihak Kerajaan boleh memberi bantuan yang banyak.

Pada akhirnya mengenai soal perdagangan antara Malaysia dan China. Saya suka menggesa Kerajaan supaya mengenakan semula kehendak-kehendak pengimport barang-barang negeri China di Malaysia supaya membayar levi hanya 5% kepada PERNAS di atas nilai dagangan. Apabila levi mula dikenakan pada 1972 sebagai hasil misi dagangan PERNAS ke negeri China yang berunding mengenai soal perdagangan yang mana semua perdagangan dengan China mestilah dilakukan di bawah perlindungan PERNAS dan ahli-ahli perniagaan dikehendaki membayar setengah peratus daripada nilai dagangan kepada PERNAS pada masa itu barangkali ini adalah sesuai, tetapi pada masa kini, setelah satu dekad berlalu sejak perdagangan dengan China diperkenalkan dan memandangkan kepada galakan Kerajaan kepada perdagangan terus antara Malaysia dengan negeri China, saya tidak nampak apa-apa sebab kenapa pengimport terpaksa membayar setengah peratus kepada PERNAS. Saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan dapat mengkaji perkara ini dan mengambil langkah-langkah untuk menghapuskan levi setengah peratus

oleh PERNAS demi kepentingan keadilan kepada pengimport tradisional di Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Saratok.

5.48 ptg.

**Datuk Edmund Langgu anak Saga (Saratok):** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk berucap serta membahaskan Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa merasmikan Pembukaan Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Keenam pada 25hb Mac, 1985.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih yang tidak terhingga serta mengucapkan syabas di atas Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu. Saya sangatlah sukacita bahawa Duli Yang Maha Mulia telah meletakkan ketegasan terhadap pembangunan kawasan luar bandar bagi beberapa golongan orang yang tertentu seperti nelayan, pekerja-pekerja estet, Orang Asli dan mereka yang kurang bernasib baik. Apabila kita memperkatakan mengenai orang yang kurang bernasib baik ini membuat kita ingin membawa perkara kesengsaraan kaum Dayak yang kebanyakan mereka tinggal di kawasan-kawasan luar bandar di negeri Sarawak.

Mereka ini adalah terlalu malang kerana tidak dapat menikmati beberapa projek pembangunan yang telah dilaksanakan di kawasan-kawasan bandar. Dalam hal ini saya tidak menyalahkan Kerajaan kerana memberi keutamaan kepada projek-projek pembangunan di bandar pada masa yang lalu kerana ini adalah

amalan di merata-rata dunia dan ini terdapat di hampir semua negara-negara yang sedang membangun.

Walaupun sekarang Malaysia ialah sebuah negara sedang maju tetapi kita telah mencapai kemajuan pembangunan bandar yang bermakna sejak kemerdekaan kita, dan saya rasa masanya sudah tepat bagi kita mengulangkaji dasar-dasar dan strategi-strategi pembangunan kita dan meletakkan lebih tumpuan ke atas pembangunan kawasan luar bandar bagi faedah dan kemajuan orang-orang kita yang kurang bernasib baik seperti yang saya sebutkan tadi.

Salah satu keperluan-keperluan asas yang dikehendaki oleh orang yang kurang bernasib baik ialah kemudahan-kemudahan asas seperti jalan-jalan yang menghubungkan jalan-jalan masuk dan jambatan-jambatan. Dalam hal ini saya hendak menggesa Kerajaan Persekutuan supaya memperuntukkan lebih banyak lagi wang bagi jalan-jalan luar bandar, jambatan-jambatan, jeti-jeti yang boleh membaiki perkhidmatan pengangkutan luar bandar yang akan memberi faedah kepada petani, nelayan dan pekerja-pekerja syarikat. Dengan perlaksanaan lebih banyak lagi kemudahan-kemudahan asas, kita dapat membangun kawasan luar bandar kita dengan cara lebih mudah lagi.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan tentang pembangunan tanah di Sarawak adalah sentiasa merupakan satu isu yang penting tetapi seperti sebelum ini dan disebabkan oleh berbagai faktor, ianya dengan pesat menjadi satu isu pembangunan yang besar dalam negeri. Di luar bandar Sarawak di mana kebanyakan rakyat pribumi didapati, adalah merupakan kawasan-kawasan pengeluar sumber-sumber yang sangat-sangat diperlukan oleh negeri dan yang maha penting di

antaranya ialah balak. Perkara yang saya ketengahkan hari ini bukanlah hal kayu balak tetapi hanya mengambil ia sebagai misalan.

Nampaknya setelah bertahun-tahun eksploitasi pembalakan dilakukan sangat sedikit penduduk-penduduk luar bandar yang mendapat faedah secara langsung daripadanya kecuali kaum buruh sahaja. Kekeciwaan pada amnya telah dibuat dan lebih menonjol lagi sebab dalam banyak peristiwa, kayu balak telah ditumbang di tempat-tempat yang sangat dekat dengan kampung dan sememangnya juga dalam kawasan-kawasan yang biasa dianggap oleh rakyat pribumi sebagai hak tradisi mereka dan tempat pemburuan.

Sumber lain dari tanah terutamanya pembangunan tanah pada dasarnya dan objektif pembangunan tanah telah disambut baik dalam negeri seperti buktinya kewujudan beberapa buah agensi-agensi pelaksanaan yang kini sedang bergerak. Terdapat sekurang-kurangnya tiga buah badan berkanun negeri dan beberapa pertubuhan swasta yang objektif mereka ialah untuk membangunkan tanah di Sarawak. Sekarang ini, sekiranya saya tidak silap, agensi-agensi Persekutuan juga menunjuk minat tentang kemungkinan hendak membantu Sarawak dalam pembangunan tanah.

Tuan Yang di-Pertua, di Sarawak perkara pembangunan tanah boleh dianggap sebagai satu bahagian yang paling penting dalam pembangunan luar bandar dan yang mana merupakan satu-satunya kawasan yang pembangunannya dieksploitasi dan akan menjejaskan rakyat luar bandar secara besar-besaran.

Sememangnya, kita boleh menyatakan bahawa di mana arah pembangunan tanah begitulah juga nasib pembangunan luar bandar dan rakyatnya. Sebagai perbezaannya,

walau apa sahaja faedah-faedah didapati daripada rancangan-rancangan pembangunan tanah yang lain, kecuali bagi pendidikan dan kesihatan, ia belum lagi bermanfaat kepada rakyat luar bandar. Saya rendah hati ingin mencadangkan demi nasib masyarakat-masyarakat luar bandar Sarawak, pertimbangan-pertimbangan utama yang tertentu perlu diambil kira apabila kita melakukan pembangunan tanah dalam negeri.

Pertamanya, bagi masa depan yang dapat kita ramalkan pembangunan luar bandar menerusi sumber tanah hendaklah dilakukan oleh agensi-agensi Kerajaan.

Pertimbangan yang kedua ialah walau macam manapun bentuk pembangunan tanah yang akan diambil, adalah amat penting sekali untuk kita memberi penekanan atau pemerhatian yang sama ke atas pembangunan manusia. Bukan sahaja mereka mesti dijadikan peserta aktif dalam mendapat faedah-faedah daripada pembangunan tanah tetapi usaha-usaha mesti juga dibuat agar mereka maju dari segi sosial dan mental.

Mengabaikan keperluan pembangunan manusia, yakni keperluan bagi penerusan sosial dan kebudayaan dalam konteks Integrasi Nasional, iaitu untuk menolak dasar-dasar yang tidak berkesan yang akhirnya boleh membawa kepada pergolakan luar bandar dan bencana. Tuan Yang di-Pertua, adalah mustahak bagi kita menyedari hakikat ini apabila kita menjalankan pembangunan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada keadaan kemiskinan yang berlarutan di kalangan pekebun-pekebun kecil di negeri Sarawak. Memang dari dahulu lagi pihak Kerajaan telah berusaha untuk

membaiki beberapa aspek kehidupan keluarga pekebun-pekebun kecil. Beberapa rancangan pembangunan pertanian juga telah dijalankan oleh Kerajaan untuk mempertingkatkan hasil pengeluaran pertanian mereka. Namun demikian, mereka masih lagi hidup di dalam keadaan yang sangat miskin.

Rancangan pembangunan pertanian yang berkesan memerlukan saling tindakan beberapa faktor yang penting seperti tanah, tenaga dan modal. Ketiadaan satu daripada faktor-faktor ini boleh membantutkan usaha-usaha pembangunan. Satu daripada masalah-masalah yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil di negeri Sarawak ialah kekurangan modal. Modal yang cukup adalah perlu untuk menubuhkan perusahaan pertanian dan untuk menanggung segala kos pengeluaran selanjutnya.

Meskipun rancangan pengembangan pertanian boleh kita aturkan dengan rapi dan dijalankan dengan gigih, belum pasti lagi pekebun-pekebun kecil akan menerima dan mengamalkan cara-cara pertanian moden yang diajarkan kepada mereka. Kebanyakan pekebun kecil tidak berupaya untuk memperolehi input-input yang secukupnya dengan keperluan teknologi baru itu. Kemudahan kredit untuk pekebun-pekebun kecil perlu diadakan supaya mereka dapat memperolehi input-input pertanian yang diperlukan.

Di negeri Sarawak bank-bank perdagangan hanya mempunyai cawangan-cawangan di bandar-bandar yang besar sahaja. Misalnya, Bank Pertanian hanya mempunyai cawangan di Kuching dan Sarikei. Adalah sukar sekali bagi pekebun-pekebun kecil yang tinggal di desa memperolehi perkhidmatan kredit dan pinjaman dari bank-bank perdagangan

ini. Yang merumitkan lagi ialah bank-bank ini mempunyai peraturan di mana si peminjam dikehendaki mencari penjamin ataupun menyerahkan tanah mereka sebagai cagar pinjaman. Ini menimbulkan kerumitan bagi pekebun-pekebun kecil kerana kebanyakan mereka mempunyai tanah di bawah "Native Customary Rights". Tanah-tanah ini tidak dapat diserahkan sebagai cagar pinjaman.

Kebanyakan pekebun kecil memperolehi kredit daripada orang-orang tengah. Orang-orang tengah membekalkan input-input pertanian kepada pekebun-pekebun kecil dengan harga yang tinggi. Pekebun-pekebun kecil pula terpaksa menjualkan hasil pertanian mereka kepada orang-orang tengah mengikut harga yang ditetapkan oleh orang-orang tengah itu. Di dalam pertalian yang tidak seimbang ini orang-orang tengah akan memeras keuntungan daripada pekebun-pekebun kecil. Walau bagaimanapun pekebun-pekebun kecil terus berhubung rapat dengan orang-orang tengah ini semata-mata untuk mendapatkan pinjaman secara mudah.

Keadaan sedemikian tidak harus dibiarkan berpanjangan. Suatu perancangan jangka panjang adalah perlu untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil. Dan sudah tentulah perancangan yang berkesan memerlukan kerjasama dari semua pihak yang berkenaan.

Sebagai langkah jangka pendek untuk mengatasi masalah kekurangan modal di kalangan pekebun-pekebun kecil di negeri Sarawak, saya merayu kepada Kerajaan Persekutuan untuk memberi semula peruntukan subsidi kepada mereka untuk penanaman tanaman-tanaman kontan, khususnya lada hitam dan koko. Peruntukan

subsidi bagi penanaman baru tanaman kontan telah dihentikan oleh Kerajaan Persekutuan semenjak tahun 1983. Saya sedar akan dasar Kerajaan mengenai peruntukan subsidi kepada pekebun-pekebun kecil. Walau bagaimanapun, perlonggaran di dalam pelaksanaan dasar mengenai subsidi pertanian harus dipertimbangkan untuk pekebun-pekebun kecil di negeri Sarawak atau di negeri lain kerana sebab-sebab yang telah saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya melanjutkan perbincangan saya mengenai kepentingan tanaman lada hitam dan koko bagi pekebun-pekebun kecil di Sarawak. Lada hitam adalah tanaman kontan yang utama di negeri Sarawak. Daripada tahun 1974 hingga ke tahun 1983, lada hitam telah mendatangkan pendapatan purata bernilai \$106 juta setahun bagi negeri Sarawak dan ini jauh melebihi pendapatan dari hasil-hasil pertanian yang lain.

Sejak kebelakangan ini kecenderungan pekebun-pekebun kecil untuk menanam lada hitam kian meningkat. Ini adalah disebabkan oleh pemulihan harga lada hitam di pasaran dunia semenjak penghujung tahun 1983.

Sumbangan lada hitam kepada Keluaran Negara Kasar Malaysia adalah kecil. Ini tidak bermakna penanaman lada hitam tidak mempunyai kepentingan sosio ekonomi di negara kita. Di negeri Sarawak perusahaan lada hitam memberi peluang pekerjaan kepada kira-kira 112,000 pekerja-pekerja keluarga tani. Lebih kurang 80% daripada jumlah pekerja-pekerja ini adalah terdiri dari kaum bumiputera.

Berdasarkan kepada kos pengeluaran dan harga pasaran lada hitam pada masa sekarang, adalah dianggarkan bahawa 400 pokok lada

hitam boleh mendatangkan pendapatan kasar sebanyak \$7,000 setahun pada kemuncak pengeluarannya. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sesebuah keluarga penanam lada hitam biasanya menanam lebih kurang 400 pokok lada hitam di samping menanam tanaman-tanaman lain.

Walaupun penanaman lada hitam memerlukan penggunaan modal yang banyak berbanding dengan tanaman-tanaman yang lain, ia memberikan pulangan bersih yang tertinggi bagi satu hektar tanah. Tanaman ini juga boleh memberi sumber pendapatan yang sederhana kepada pekebun-pekebun kecil yang mempunyai sumber tanah yang terhad. Tambahan pula lada hitam amat sesuai dengan keadaan tanah di negeri Sarawak yang berbukit-bukit.

Malaysia, khasnya negeri Sarawak, merupakan satu daripada pengeluar lada hitam yang terbesar di dunia. Dengan kemerosotan eksport lada hitam dari negara Indonesia dan negara Brazil, masa depan perusahaan lada hitam diramalkan bertambah cerah untuk Malaysia.

Tanaman koko pula tidak kurang pentingnya di kalangan pekebun-pekebun kecil di negeri Sarawak. Walaupun koko merupakan tanaman yang baru bagi pekebun-pekebun kecil di Sarawak, penanam tanaman koko telah berkembang dengan pesatnya. Ini adalah kerana penanaman koko lebih senang dikendalikan berbanding dengan kebanyakan tanaman yang lain. Tambahan pula koko mempunyai harga yang sungguh baik di pasaran dunia sekarang. Sehektar tanaman koko boleh memberi pendapatan kasar lebih kurang \$4,000 setahun.

Kedua-dua tanaman yang telah saya sebutkan tadi, iaitu lada hitam dan koko boleh memberi pendapatan yang

lumayan kepada pekebun-pekebun kecil. Oleh yang demikian perusahaan kedua-dua tanaman ini adalah penting untuk memperbaiki taraf ekonomi pekebun-pekebun kecil di Sarawak.

Akhir kata, saya sekali lagi merayu kepada pihak Kerajaan Persekutuan untuk memberi pertimbangan sewajarnya untuk mengadakan semula peruntukan subsidi untuk penanaman lada hitam dan koko. Dengan demikian saya menyokong usul ini, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Parit.

6.10 ptg.

**Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis (Parit):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ketika Baginda melakukan upacara perasmian Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Keenam pada 25hb Mac, 1985 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merakamkan sembah menjunjung kasih dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang ternyata begitu tegas, efisien dan mengandungi harapan-harapan yang tinggi semoga negara akan terus maju, rakyat semua lapisan dan yang berbilang kaum terus bersatu padu. Rakyat yang kurang bernasib baik terutama mereka yang tinggal di kawasan-kawasan luar bandar akan terus dibela nasib mereka melalui pentadbiran Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah.

Rakyat seluruh negara tidak kira apa kaum, fahaman dan ideologi politik seharusnya benar-benar

memahami dan meneliti akan seruan daripada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk memberi sokongan dan kerjasama kepada Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia yang telah menunjukkan kemampuan dan bersungguh-sungguh untuk meletakkan negara Malaysia sebagai sebuah negara yang dihormati dan bermaruah di antara negara-negara maju yang lain di seluruh dunia. Sebuah Kerajaan yang bersungguh-sungguh, yang telah mendahulukan kepentingan rakyat, meninggikan taraf hidup rakyat dan memelihara keselamatan rakyat tidak kira rakyat itu menyokong kerajaan ataupun yang telah memberikan sokongan kepada pihak pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat rasa dukacita mendengarkan ucapan daripada pihak Ketua Pembangkang seperti yang telah disebut berulang kali oleh rakan-rakan saya daripada Barisan Nasional iaitu semasa beliau membahaskan Titah Ucapan Di Raja pada hari semalam.

Tuduhan-tuduhan yang dilemparkannya kepada pemimpin Kerajaan, kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad dan juga kepada Kerajaan Barisan Nasional sejak memerintah tidak melakukan keadilan dan menganggap bahawa Kerajaan Barisan Nasional merupakan sebuah kerajaan yang gagal membela rakyat. Itulah di antara tuduhan-tuduhan yang dilemparkan oleh Ketua Pembangkang. Tuduhan-tuduhan yang dilemparkan ini adalah merupakan satu tuduhan yang jahat, yang boleh menimbulkan kekeliruan dan meracuni hati rakyat terhadap usaha-usaha kerajaan untuk membangunkan negara, meninggikan taraf hidup dan membangkitkan semangat perkauman yang merbahaya

kepada keselamatan negara. Tuan Yang di-Pertua, ucapan yang demikian dikeluarkan semata-mata dengan niat sakit hati dengan tujuan kepentingan politik dan kepentingan diri sendiri langsung tidak memikirkan kesan-kesan buruk yang akan timbul darinya.

Tuan Yang di-Pertua, satu pihak pula di dalam negara kita ini iaitu pemimpin-pemimpin parti Pembangkang juga sedang rancak menggunakan isu-isu agama, menghasut orang-orang kampung, mencaci dan memburuk-burukkan kerajaan serta menghina pemimpin-pemimpin negara. Orang-orang kampung yang cetek dengan pelajaran dan pengalaman dengan mudah terpengaruh akan tuduhan jahat yang mereka gunakan. Misalnya majlis-majlis agama yang dianggap mulia oleh seluruh penganut-penganut agama Islam telah diperalatkan dan dipesongkan menjadi kempen parti mencerca Kerajaan dan menghina pemimpin-pemimpinnya.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini di tempat saya satu majlis Maulud Nabi telah diadakan di sebuah masjid. Beribu-ribu orang penduduk tempatan dan sekitarnya telah diundang, di samping itu kutipan-kutipan derma juga telah dikutip daripada orang ramai untuk menjayakan majlis tersebut iaitu dengan tujuan untuk menyambut ulang tahun Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w. tetapi malangnya majlis yang mulia itu, tempat yang suci itu telah dipesongkan menjadi kempen PAS yang dari mula hingga ke akhir digunakan untuk mencerca dan mencaci kerajaan yang penuh dengan tuduhan-tuduhan serta mengumpat pemimpin-pemimpin kerajaan. Apakah hasil yang telah terjadi ekoran daripada perbuatan yang tidak bertanggungjawab itu? Penduduk-

penduduk setempat yang walaupun mereka ini mempunyai fahaman dan ikutan politik yang berlainan mereka masih boleh hidup dan bekerjasama dalam masyarakat. Dalam hal-hal kemasyarakatan mereka masih bekerjasama seperti urusan kematian, urusan perkahwinan dan lain-lain. Tetapi akibat daripada majlis yang saya sebutkan tadi, pada hari ini sudah mula timbul dua puak yang berpecah belah. Antara satu yang lain memandang serong, perasaan benci membenci telah wujud di antara pengikut-pengikut dari satu parti dengan parti yang lain. Tegasnya pengikut parti PAS dan pengikut parti UMNO. Inilah hasilnya. mereka telah berjaya iaitu berjaya untuk memecah belahkan perpaduan masyarakat di tempat tersebut. Ini ternyata bercanggah dengan seruan dan hasrat ikhlas lagi suci murni dan harapan yang besar dari Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam Titah Ucapan Baginda iaitu untuk mewujudkan rakyat sebuah negara Malaysia yang bersatu padu dan bekerjasama.

Tuan Yang di-Pertua, kepada saya teguran-teguran yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terhadap peranan yang dimainkan oleh parti-parti Pembangkang iaitu parti yang hanya tahu mengkritik tetapi tidak langsung memberikan terima kasih dan penghargaan kepada usaha-usaha kerajaan adalah tepat dan tidak dapat dinafikan oleh mereka. Dan keadaan ini memang difahami oleh seluruh rakyat. Kejayaan yang telah mereka buat bukan untuk membantu kerajaan memajukan negara dan bukan untuk membantu kerajaan menyatu padukan rakyat tetapi adalah sebaliknya iaitu untuk melemahkan kemajuan dengan membawa rakyat supaya kurang percaya kepada usaha-usaha yang baik, usaha-usaha yang bersungguh-sungguh serta meluaskan lagi keadaan

polarisasi yang sememangnya telah wujud sejak sekian lama kesan dari penjajahan Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat tertarik hati dengan harapan dari Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengenai mengemaskan lagi strategi pembangunan yang harus diberikan keutamaan iaitu berkenaan dengan pembinaan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan asas terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar, iaitu apabila disebut sahaja pembinaan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan asas, maka terbayanglah kepada kita akan keadaan di luar-luar bandar yang pada ketika ini penduduk-penduduknya masih begitu banyak lagi menggunakan jalan batu merah atau jalan berlumpur sebagai alat perhubungan dari satu tempat ke tempat yang lain. Masih menggunakan lampu minyak tanah oleh kerana bekalan elektrik belum dapat disediakan dan masih meminum air perigi dan air sungai kerana bekalan air paip belum disempurnakan. Keadaan ini terus berlanjutan walaupun negara sudah merdeka selama 28 tahun.

Pembangunan yang pesat terus dibuat di kawasan-kawasan bandar dengan pembinaan bangunan-bangunan pencakar langit, flyovernya dan sistem jalan yang dicantikkan walaupun yang sedia ada memang sudah cantik.

Saya menyarankan kepada pihak Kerajaan supaya pembangunan yang seperti ini bolehlah dikurangkan di dalam kawasan-kawasan bandar memandangkan keadaan negara yang meleset, sebaik-baiknya perbelanjaan yang banyak itu dibawa ataupun lebih banyak dibawa ke kawasan-kawasan luar bandar dengan tujuan untuk melengkapkan kemudahan-kemudahan asas infrastruktur yang

sangat-sangat diperlukan oleh penduduk-penduduk di kawasan tersebut iaitu bagi kemudahan mereka mengangkut hasil-hasil pertanian, untuk kemudahan anak-anak kampung menyemak dan membaca buku pelajaran bagi meninggikan mutu pelajaran mereka dan untuk menjamin kesihatan penduduk-penduduk luar bandar dengan memberikan bekalan air paip iaitu air yang bersih.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam usaha-usaha untuk meninggikan taraf hidup penduduk-penduduk luar bandar, maka pihak Kerajaan haruslah mengkaji dan meneliti dan meningkatkan lagi usaha-usaha dengan menambahkan peruntukan kepada pembangunan luar bandar, termasuklah bidang-bidang pertanian, melipatgandakan pemuliharaan tanah terbiar kerana di kawasan-kawasan pendalaman masih terdapat beratus-ratus ribu ekar tanah terbiar yang hasil daripada tanah yang seluas itu tidak setimpal dengan hasil yang sepatutnya didapati dan dinikmati oleh tuan-tuan tanah yang terbiar itu. Begitu juga pihak Kerajaan patutlah melipatgandakan usaha untuk membanyakkan lagi estet-estet padi iaitu dengan memajukan tanah-tanah sawah yang beribu-ribu ekar yang tidak dapat diusahakan oleh tuan-tuan tanah oleh kerana kekurangan kemudahan-kemudahan, begitu juga dengan mengadakan lebih banyak pusat-pusat dan juga industri-industri kampung. Di samping itu Kerajaan juga harus menyediakan berbagai-bagai kemudahan kepada petani-petani untuk mendapatkan bantuan bagi meninggikan taraf hidup dan meninggikan pendapatan mereka. Sokongan khidmat-nasihat kepada mereka haruslah terus diberikan bagi menggalakkan mereka menjadi petani moden yang berjaya. Oleh yang demikian langkah-langkah untuk memberikan kemudahan-kemudahan

pinjaman dengan membawa lebih banyak institusi-institusi kewangan ke luar bandar patutlah disegerakan.

Buat masa ini para-para petani hanyalah berpeluang untuk membuat pinjaman dari Bank Pertanian, dengan pinjaman tersebut sedikit sebanyak dapatlah digunakan oleh petani-petani untuk menampung perbelanjaan memajukan tanah sawah mereka. Walaupun begitu, setakat hari ini masih banyak lagi kawasan-kawasan pertanian, kawasan-kawasan sawah padi yang jauh dengan pusat-pusat institusi tersebut untuk mereka membuat pinjaman. Dengan adanya kemudahan-kemudahan seperti ini iaitu dengan membawa institusi-institusi kewangan ke kawasan-kawasan luar bandar, bukan sahaja dapat membantu petani-petani memajukan tanah sawah dan juga kebun pertanian mereka, bahkan akan membuka peluang kepada mereka dan juga memberi galakan pula kepada para-para belia di kawasan luar bandar berjimat-cermat dengan membuat pelaburan melalui institusi-institusi kewangan yang saya sebutkan tadi. Untuk menjayakan projek yang saya sebutkan tadi, maka proses membandarkan kawasan desa akan wujud dengan sendirinya di mana terdapat begitu banyak bandar-bandar kecil atau bandar-bandar desa bertaburan di kawasan-kawasan pendalaman yang keadaannya amat dhaif, bandar-bandar ini perlu dimajukan dijadikan bandar desa di mana di bandar tersebut diwujudkan kemudahan-kemudahan tempat para-para petani mendapatkan bantuan bagi mereka memajukan diri sendiri. Di samping itu kita melengkapkan kemudahan-kemudahan asas di kawasan-kawasan tersebut, umpamanya dengan mengadakan jalan yang sempurna, yang saya sebutkan di awal tadi sudah tentulah memudahkan rakyat jelata mengangkut hasil pertanian mereka

sama ada daripada hasil padi, hasil ternakan ikan, hasil kebun buah-buahan dan sebagainya.

Pada hari ini para-para petani dan juga penduduk-penduduk luar bandar yang menjalankan usaha-usaha pertanian, mereka boleh berjaya di dalam kerja-kerja mereka, tetapi mereka menghadapi masalah apakala hasil pertanian mereka telah berjaya iaitu dalam masalah pemasaran. Maka inilah sebabnya saya menyarankan di sini supaya setiap daerah ataupun setiap kawasan yang difikirkan patut, yang difikirkan perlu supaya pihak Kerajaan menyediakan kemudahan-kemudahan kepada petani-petani untuk menjalankan penghidupan mereka selepas sahaja mereka berjaya di dalam hal pertanian, maka mudahlah mereka memasarkan hasil pertanian mereka.

Tuan Yang di-Pertua, buat akhirnya, saya menyeru lagi sekali kepada pihak Kerajaan supaya segala harapan yang telah dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam Titah Ucapannya pada hari kelmarin iaitu berharap supaya setiap rakyat akan dapat pembelaan, akan dapat menikmati kekayaan dalam negara kita melalui pentadbiran yang cekap, melalui pentadbiran yang amanah dan bersih. Begitu juga Duli Yang Maha Mulia ada menyebutkan memuji akan kerja-kerja ataupun tugas-tugas yang telah dijalankan oleh pegawai-pegawai perkhidmatan awam, maka ini amatlah membanggakan kita kerana di samping sebuah Kerajaan yang "Bersih, Cekap dan Amanah" kita juga mempunyai pegawai-pegawai Kerajaan yang sanggup menumpukan sepenuhnya masa mereka bagi melaksanakan dasar-dasar Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja, saya ucapkan berbilang terima kasih.